

50

SOAL JAWAB

Menjawab Kekeliruan
Pemikiran Moden

Barat



جامعة آذرح
جامعة الأزهر

**50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN
MODEN BARAT**

**50 SOAL JAWAB
MENJAWAB KEKELIRUAN
PEMIKIRAN MODEN
BARAT**

**50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN
MODEN BARAT**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN
MODEN BARAT

50 SOAL JAWAB

MENJAWAB KEKELIRUAN

PEMIKIRAN MODEN BARAT

Dr. Muhamad Faisal Ashaari

Dr. Abu Dardaa Mohamad

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

2021

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

Cetakan Pertama 2021

© Hak cipta Muhamad Faisal Ashaari

Email: faisal@ukm.edu.my

Reka Bentuk Kulit

Muhamad Faisal Ashaari

Rekaletak

Muhamad Faisal Ashaari

**50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN
MODEN BARAT
Kandungan**

Kandungan	i
Prakata	viii
Pendahuluan	x

Pengenalan

Pemikiran moden barat: dari materialisme hingga
demokrasi

1

Sekularisme

1	Apakah maksud pemisahan dalam sekularisme ?	17
2	Adakah perbincangan politik Islam termasuk dalam fiqh atau akidah?	23
3	Apakah matlamat berpolitik dalam Islam?	27
4	Bagaimanakah cara orang munafik berpolitik?	31
5	Adakah kita menunggu bukti atau melaksanakan Islam sehingga menjadi bukti?	36
6	Adakah Islam agama yang terbaik sedangkan orang Islam ramai terlibat jenayah?	42

Liberalisme

7	Apakah maksud liberalisme & adakah liberal muahu kebebasan tanpa batasan?	45
8	Bagaimanakah pemikiran liberalisme membawa ancaman kepada agama?	50

**50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN
MODEN BARAT**

- | | | |
|----|---|----|
| 9 | Apakah ada perbezaan antara dosa (<i>private sphere</i>)
& jenayah (<i>public sphere</i>)? | 54 |
| 10 | Adakah khalwat dan zina termasuk dalam dosa
awam ? | 60 |
| 11 | Apakah benar alasan geng liberal “saya menuntut
hak” dan “tidak ganggu orang lain”? | 64 |
| 12 | Wajarkah ketetapan agama diangkat sebagai
undang-undang? | 69 |

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

- | | | |
|----|--|----|
| 13 | Banyak hukum Islam yang non-muslim telah
guna, kenapa masalah dengan hudud? | 73 |
| 14 | Sejauh manakah dibenarkan berfikir secara kritis
dan rasional dalam Islam? | 77 |
| 15 | Mengapakah ulama dituduh mengongkong
pemikiran orang Islam? | 84 |
| 16 | Kenapa generasi baharu cepat bosan terhadap
agama dan tradisi melayu? | 89 |

Human Right dan gender

- | | | |
|----|---|-----|
| 17 | Apakah perbezaan antara tuntutan hak asasi dan
desakan keinginan? | 94 |
| 18 | Bagaimakah cara Islam menjaga hak asasi? | 98 |
| 19 | Mengapa ajaran Ahmadiyyah dan Syiah dilarang
menjalankan kegiatannya di Malaysia? | 102 |
| 20 | Apakah pandangan Islam terhadap transgender? | 106 |
| 21 | Kenapa LGBT bertentangan dengan norma
budaya dan kehidupan masyarakat di negara ini? | 112 |
| 22 | Adakah yang dimaksudkan dengan
“ <i>mukhannathun</i> ”? | 118 |

Pluralisme

- | | | |
|----|---|-----|
| 23 | Kenapa agama Islam lebih unggul daripada
agama-agama lain? | 122 |
| 24 | Kenapa Islam menolak pluralisme agama? | 126 |

**50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN
MODEN BARAT**

- | | | |
|----|---|-----|
| 25 | Adakah dakwah bertentangan dengan prinsip toleransi ? | 132 |
| 26 | Bagaimakah prinsip al-Quran dalam hubungan Antara orang Islam dan orang kafir? | 138 |
| 27 | Apakah sempadan dalam berbuat baik dengan orang kafir? | 143 |
| 28 | Mengapa tidak boleh melantik orang kafir sebagai pemimpin no1 negara? | 147 |
| 29 | Mengapa pihak berkuasa di Malaysia melarang penggunaan kalimah Allah kepada agama lain? | 151 |

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

- 30 Bagaimanakah sikap Islam terhadap kaum dan perkauman? 156

Feminisme

- 31 Adakah benar wanita dan perjuangan feminism dipinggirkan? 160
- 32 Adakah ‘feminisme Muslim’ selari dengan Islam? 165
- 33 Mengapa kesaksian lelaki lebih diterima berbanding kaum wanita? 169
- 34 Benarkah Islam mendiskriminasi kaum wanita dalam melaksanakan ibadah? 173
- 35 Adakah amalan poligami merendahkan martabat kaum wanita? 177
- 36 Kenapa wanita perlu berhijab? 181
- 37 Adakah benar Islam mementingkan tutup kepala bukan kesopanan? 185
- 38 Apakah asas pembahagian harta pusaka dalam Islam sehingga melebihkan lelaki berbanding wanita? 190
- 39 Kenapa Islam melebihkan pembahagian harta pusaka kepada lelaki berbanding wanita? 194

Agnostik

- 40 Kenapa Agnostik dan Ateisme Anggap Agama Sebagai Pembodohan? 198
- 41 Bagaimanakah tumpuan pada logik semata-mata 203

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

- boleh menjerumuskan diri kepada kekufuran?
- 42 Apakah perbezaan antara tidak logik dan tidak mampu difikirkan oleh logik? 209
- 43 Adakah tuhan perlu dilihat dahulu, sebelum dipercayai kewujudannya? 213
- 44 Kenapa hidup ini penuh dengan ketidakadilan? 217
- 45 Bagaimanakah salah faham terhadap qada qadar membawa menjadi ateis? 221

**50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN
MODEEN BARAT**

Lain-lain

46	Apakah perbezaan antara <i>wala'</i> (kesetiaan) dan taksub?	226
47	Mengapakah sesetengah orang Islam tidak mahu disifatkan sebagai wara'?	231
48	Adakah sosialisme sesuai dengan Islam?	237
49	Bagaimana pendidikan seks diajar dalam tradisi pengajian Islam?	242
50	Adakah salah wanita memilih pelacuran sekiranya darurat?	246
	Biodata Penulis	249

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

Prakata

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT yang telah memberikan kita nikmat Iman dan Islam serta memberi hidayah kepada kita mendukung perjuangan Islam. Ia adalah nikmat yang besar kerana tidak semua orang merasai dan mengecap nikmat ini. Di saat orang berasa puas mengecap nikmat kehidupan, kita pula mengecap nikmat kemanisan dan kepuasan berada dalam perjuangan Islam.

Dengan kekuatan yang Allah anugerahkan, maka Jabatan Mufti Negeri Perak berjaya menerbitkan buku “50 Soal Jawab Kekeliruan Pemikiran Moden Barat”. Ia merupakan jawapan terhadap persoalan dan keraguan yang biasa bermain-main dalam minda masyarakat. Dengan membaca beberapa soal jawab yang disenaraikan di sini, diharapkan dapat menguraikan kecamukan fikiran dalam minda masyarakat dalam isu yang berkaitan dengan liberalisme, human right dan gender, pluralisme, feminism, dan agnostik. Buku ini boleh dijadikan panduan asas untuk perbincangan yang lebih mendalam untuk memahami pemikiran semasa yang membawa pelbagai keraguan masyarakat Islam.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Ucapan terima kasih dirakamkan khusus kepada YB Senator Asmak Binti Husin yang telah menguruskan dana bagi membiayai penyelidikan yang bertajuk “Membangunkan Strategi Untuk Menangani Kebebasan Pemikiran Dalam Kalangan Gen Z dan Y”. Penghargaan juga diajukan kepada semua pihak yang menjayakan penerbitan buku ini dan pengedarannya sehingga ia dibaca oleh umum.

Muhamad Faisal bin Ashaari
Abu Darda Mohamad

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Pendahuluan

Buku ini membincangkan enam topik pemikiran iaitu sekularisme, liberalisme, human right dan gender, pluralisme, feminism, dan agnostik. Enam topik ini diketengahkan kerana ia merupakan asas yang mendasari pemikiran moden yang perlu difahami dengan baik. Ia menyediakan satu penjelasan agak ringkas untuk memahami perkembangan pemikiran dari sekular hingga demokrasi. Kemudian diikuti dengan 50 persoalan yang penting berserta jawapan yang ringkas berkaitan pemikiran Islam moden. Dengan meneliti soal jawab dalam setiap topik, ia diharapkan dapat membantu pembaca memahami asas pemikiran moden yang bertentangan dengan Islam.

Penulisan dalam buku ini diolah secara separa ilmiah supaya ia boleh hantuk menjadi bahan bacaan umum kepada masyarakat awam yang berminat dengan pemikiran moden. Ia cuba diolah dalam bahasa yang mudah difahami oleh pembaca dari pelbagai latar belakang biarpun tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang aspek pemikiran.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Kebiasaannya, isu pemikiran merupakan perkara yang berat untuk dikupas, tetapi buku ini diolah dalam bentuk soaljawab dan diselitkan dengan keraguan untuk memudahkan lagi kefahaman pembaca. Sebelum dari soal jawab, penjelasan tentang perkembangan pemikiran telah dicuba dikupas supaya menjadi bahan asas yang memandu pemikiran.

Aspek pemikiran memang mempunyai banyak persoalan yang perlu untuk dihuraikan, tetapi dalam kesempatan ini hanya beberapa persoalan utama sahaja yang dikemukakan. Semua persoalan ini bagaikan kata kunci yang boleh memahamkan pembaca tentang asas pemikiran moden yang bercanggah dengan Islam. Dengan kata kunciini, pembaca mempunyai naratif yang jelas untuk memahamiperkembangan pemikiran berdasarkan perspektif akidah Islam dan dia boleh menelaah dengan lebih mendalam lagi isu-isu yang berkaitan dengan pemikiran. Buku ini adalah salah satu hasil dapatan dari kajian yang bertajuk “Membangunkan Strategi Untuk MenanganiKebebasan Pemikiran Dalam Kalangan Gen Z dan Y”.

30 Jun 2021

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

PENGENALAN

Pemikiran Moden Barat: Daripada Materialisme hingga Demokrasi

KERAGUAN: Terdapat banyak perkara dalam Islam yang hanya perlu untuk diikut sahaja tanpa diberikan penjelasan yang boleh diterima akal. Ini yang menyebabkan sebahagian daripada hukum Islam susah untuk diterima.

Pendahuluan

Islam merupakan agama tauhid yang berpaksikan kepada wahyu yang datang dari Allah. Dengan pengakuan dua kalimah syahadah, seseorang itu meyakini bersungguh-sungguh bahawa Allah sahaja merupakan tuhan yang layak disembah. Manakala selain dari Allah semuanya tidak boleh diterima sebagai tuhan. Keyakinan kukuh yang disemat dalam hati inilah yang dimaksudkan dengan keimanan. Ini bertepatan dengan definisi iman iaitu “membenarkan dalam hati, ikrar di mulut, dan dibuktikan dengan amal melalui anggota badan”.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Keyakinan kepada Allah ini menuntut untuk beriman dengan perkara ghaib khususnya lima perkara lagi iaitu Malaikat, Kitab, Rasul, Hari Kiamat dan Qada Qadar. Semua ini membentuk rukun iman yang mesti dipercayai oleh orang Islam. Hikmah kewajipan beriman dengan lima perkara ini ialah kerana Allah tidak dapat dilihat oleh manusia di dunia ini.

Oleh itu, Allah mengutus malaikat sebagai perantara Allah dengan manusia. Ia merupakan suatu makhluk yang mempunyai sifat patuh kepada perintah dan tidak mempunyai sifat ingkar sama sekali. Lebih daripada itu, Allah mengutus rasul sebagai pesuruh untuk menyampaikan mesejNya kepada seluruh manusia dan untuk menunjukkan cara mengamalkan mesej berkenaan. Tidak cukup dengan rasul, Allah membekalkan kepada mereka kitab bertulis untuk memastikan keaslian Islam terjamin hingga hari kiamat. Tanpa buku yang bertulis dan terjaga keasliannya, pasti sesuatu agama itu akan terpesong.

Seterusnya, hari kiamat pula diletakkan sebagai salah satu rukun iman kerana kehidupan akhirat adalah laluan hidup penting yang akan mengaudit semua amalan di dunia. Ia juga dinamakan akhirat kerana menjadi kesudahan kepada kehidupan manusia di dunia ini. Oleh itu, manusia perlu sedar hala tuju dan perjalanan hidupnya kerana kehidupannya bukan sekadar di dunia ini sahaja, tetapi ia akan dipersoalkan dalam semua perkara di akhirat nanti. Manakala, qada dan qadar termasuk dalam rukun iman pula supaya manusia boleh memahami nasib dan ketentuan yang tidak sama pada setiap manusia.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Beriman kepada ketentuan ini akan menjadikan hati manusia lebih jernih dan tiada lagi merungut atau mengungkit atas kekurangan yang menimpa dirinya. Kedua rukun iman ini adalah perkara ghaib yang wajib dipercayai oleh setiap orang Islam.

Namun, tidak semua manusia sedia mempercayai alam ghaib kerana mereka lebih meyakini perkara yang dilihat dan dibuktikan kewujudannya secara empirikal atau kajian sains. Pemikiran ini dikenali sebagai materialisme dan fizikalisme iaitu suatu falsafah pemikiran yang meletakkan kepercayaan kepada kewujudan sesuatu mestilah dilihat. Ia merupakan pemikiran yang menolak atau sekurang-kurangnya meragui dan kurang yakin dengan kewujudan dalam ghaib. Sedangkan kewujudan sesuatu perkara itu tidak terhad pada fizikal perkara itu sahaja, tetapi di sebaliknya ada yang mempengaruhi kewujudannya.

Sebagai contoh, kaitan antara kewujudan sesuatu dengan tarikan graviti. Pancaindera tidak dapat menjawab kenapa tarikan itu ke bawah dan hanya dapat memberi penjelasan bahawa ia adalah tarikan ke pusat bumi. Ini bermakna, kewujudan sesuatu perkara ada kaitan dengan alam ghaib yang tidak dapat dikesan oleh sains dan tidak juga dapat dijawab dengan logik akal semata-mata. Mesti ada pencipta yang menjadikan alam ini dan menjadikan tarikan itu ke bawah, bukan ke atas.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Ini bererti, Islam dan materialisme merupakan dua perkara yang bertentangan antara satu sama lain. Islam meletakkan sesuatu itu bukan sekadar pada fizikalnya tetapi juga alam metafiziknya (alam ghaib) tetapi materialisme hanya meyakini aspek fizikal sahaja.

Dengan tidak mempercayai dan menolak alam ghaib, pemikiran manusia akan beralih pula kepada pemikiran sekular iaitu pemikiran yang tidak mementingkan agama sehingga kepada tahap menolak dan memerangi agama. Rentetan daripada pemikiran sekular ini, ia akan membawa kepada pemikiran lain meliputi liberalisme, rasionalisme, empirisme, humanisme, human right, pluraslime dan demokrasi. Pada hakikatnya, semua pemikiran ini berkongsi pada konsep sekular iaitu tidak mementingkan agama dan mendahulukan kehidupan dunia. Setiap satunya mempunyai kaitan yang sangat rapat antara satu sama lain.



50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Materialisme

Manusia mempunyai keperluan untuk mempercayai perkara ghaib kerana manusia perlu menjawab tiga persoalan penting dalam hidup iaitu dari mana manusia datang, kemana nak pergi dan apa yang perludilakukan. Tiga persoalan ini tidak dapat dijawab secara konsisten oleh manusia kerana kelemahan yang terdapat dalam diri mereka. Kalau ada yang cuba menjawabnya, pasti ada jawapan daripada orang lain yang mungkin berbeza. Oleh itu, jawapan ini mestilah datang dari tuhan yang mencipta manusia kerana ia mengetahui kenapa ia menjadikan manusia. Namun, jawapan dari wahyu tidak dipercayai oleh pendukung materialisme kerana mereka menolak konsep alam ghaib. Keimanan kepada manusia ialah mempercayai perkara ghaib berdasarkan kepada bukti-bukti yang ada, walaupun tidak melihatnya.

Dalam aspek ketuhanan, memang Allah tidak dapat dilihat oleh manusia, tetapi kewujudannya dapat dita'akul dengan logik akal. Sebagai contoh, tiada suatu perkara yang jadi dengan sendiri melainkan dengan pencipta. Dengan menggunakan premis logik ini, kita menerima kewujudan bumi ini tidak secara kebetulan dan tidak pula secara sendiri kerana ia mesti ada penciptanya. Sebenarnya manusia banyak mempercayai kewujudan sesuatu biarpun tidak dilihatnya sendiri seperti mempercayai mikroorganisma, sistem saraf dalam badannya dan macam-macam lagi. Dia boleh mempercayai maklumat itu biarpun tidak melihatnya dan bergantung kepada sumber maklumat daripada orang lain.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Begitu juga, tentang hari akhirat yang belum wujud lagi kerana ia berlaku selepas sejurus kemusnahan alam dunia. Namun, ramai orang mengejek kewujudan hari pembalasan di akhirat dan mempertikaikan kemampuan tuhan untuk menghidupkan semula manusia di akhirat nanti. Sebenarnya, terdapat banyak sangat contoh perkara mati dihidupkan oleh Allah. Contohnya, satu tunas yang tumbuh daripada biji benih, pada asalnya benih itu mati. Sebelum menjadi benih, ia hidup lalu menjadi tua dan akhirnya dikeringkan. Begitulah banyak sangat perkara yang hidup di sekeliling kita, sebelum itu mati. Kemudian hidup semula dan seterusnya. Malahan, hidup manusiapun daripada tiada. Tiada masalah bagi Allah untuk menghidupkan semula manusia yang telah mati dan itu tidak bertentangan dengan logik.

Namun, manusia yang terkena dengan pemikiran materialisme sanggup tidak mempercayai semua perkara itu sehingga dilihatnya dengan mata kepalanya sendiri. Begitulah sikap *double standard* manusia terhadap dirinya. Di saat dirinya mempercayai hakikat dirinya yang wujud selepas tiada, dia tidak mempercayai kewujudan Allah sebagai pencipta semua perkara daripada ada kepada tiada, daripada tiada kepada ada.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Bermula dengan pemikiran manusia yang mempercayai dan mendahuluikan aspek material (kebendaan / fizikal), mereka meremehkan semua aspek wahyu, keagamaan dan ketuhanan. Di sinilah datang pemikiran sekularisme yang tidak mahu mengaitkan semua tindakan dan perbuatan manusia dengan ketuhanan. Ia merupakan fahaman yang bersifat kebendaan dan keduniaan sekaligus menafi dan menolak peranan agama dalam kehidupan manusia.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sekularisme

Kelahiran sekularisme biasanya dikaitkan dengan perpecahan yang berlaku dalam gereja tetapi ia bukan semestinya berkaitan dengan gereja atau mahupun politik. Konsep sekularisme itu pada asasnya tidak selari dengan konsep tauhid kerana sekularisme tidak menerima agama yang berpegang dengan wahyu. Bagi sekularisme, alam ialah perkara yang boleh dilihat dengan mata kasar dan tidak mempunyai hubungan dengan alam ketuhanan. Ia boleh berjalan dengan sendirinya tanpa ada hubungan dengan soal dosa dan pahala. Manakala alam yang tidak dilihat dan bukan fizikal dianggap tiada dan tidak perlu dipedulikan.

Bagi golongan sekular, panduan agama tidak diperlukan untuk menguruskan kehidupan di dunia ini kerana agama hanya suatu kepercayaan yang dipegang oleh sesetengah pihak sahaja. Mana mungkin orang yang tidak mempercayai sesuatu tunduk kepada sesuatu yang tidak dipercayainya. Sebagai contoh, menutup aurat adalah suatu kewajipan bagi orang Islam, namun ia tidak boleh dipaksakan kepada orang bukan Islam. Pentadbiran dunia perlu kepada nilai yang universal berasaskan kepada ukuran kebaikan dan keburukan berasaskan kepada akal manusia. Bukan kepada tafsiran agama yang sempit dan tidak universal.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Tafsiran yang universal ini akan menjamin sebuah negara yang adil dan makmur serta harmoni. Perkara agama itu terpulang kepada hak individu masing-masing. Ia tidak boleh dipaksakan ke atas orang lain kerana mereka berpegang dengan konsep tiada kebenaran yang mutlak. Sememangnya kebenaran dalam aspek ketuhanan dan alam ghaib hanya boleh ditentukan oleh wahyu, bukannya manusia.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Liberalisme

Sebagai seorang yang tidak berpegang dengan wahyu sebagai panduan dalam kehidupan, mereka berlepas diri daripada ikatan agama dan berpegang dengan logik akal dan sains. Di sini bermula pemikiran yang dinamakan dengan liberalisme iaitu suatu falsafah pemikiran yang mengagungkan hak individu yang terdapat dalam diri manusia dan menolak campur tangan orang asing dalam menentukan hala tuju hidupnya.

Mereka sangat tidak suka dengan pihak autoriti agama kerana agama adalah pihak luar yang tidak boleh untuk memaksa mereka. Bukan setakat agama, mereka juga sedia menolak mana-mana pihak autoriti yang bertentangan dengan kehendak mereka termasuklah menentang undang-undang yang bagi mereka berlawanan dengan hak asasi (baca: keinginan). Sebagai contoh, menentang undang-undang moral seperti pengharaman minum arak, kod etika pakaian Islam dan sebagainya. Pelengkap kepada penolakan terhadap segala bentuk autoriti, mereka mendakwa tiada siapa yang boleh monopolii kebenaran kerana ia bersifat subjektif dan relatif.

Bagi mereka, kebenaran itu tidak mutlak dengan maksud sekiranya seseorang itu mendakwa sesuatu yang benar, ia tidak boleh menafikan kebenaran pada orang lain. Apabila mereka menolak agama sebagai panduan hidup, maka mereka berpegang dengan logik akal dan keinginan. Tiada lagi perkiraan dosa dan pahala yang berteraskan kepada keimanan.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Humanisme

Humanisme ialah suatu fahaman yang menolak peranan tuhan (god) dan menyerahkan semuanya kepada manusia (human). Manusia mempunyai keupayaan untuk menentukan yang betul dan salah kerana mereka boleh mengetahui apa yang terbaik untuk diri mereka. Segala tindakan mereka tidak boleh untuk dikaitkan dengan dosa dan pahala serta kehidupan selepas kematian. Berdasarkan kepada tag line “Good without god” ada dalam kalangan mereka yang menganggap bahawa agama merupakan penghalang kepada keamanan dunia. Pemikiran ini sangat dekat dengan ateis cumanya ateis agak agresif menentang agama. Ia merupakan pengukuhan lagi kepada pemikiran materialisme, sekularisme dan liberalisme sebelum ini.

Lanjutan daripada humanisme, mereka tiada pilihan sama ada menggunakan akal atau pengalaman. Kalau menggunakan akal sebagai sumber ilmu, maka itu adalah rasionalisme. Manakala, kalau menggunakan pengalaman (termasuk ujikaji sains) sebagai sumber ilmu maka itu adalah empirisme.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Rasionalisme

Ia merupakan pemikiran yang meletakkan ukuran kebenaran berlandaskan kepada logik akal. Manakala aspek yang tidak dapat ditanggapi oleh logik akal terpaksa ditolak kerana tidak mungkin untuk tunduk kepada sesuatu yang tidak logik. Dengan kata lain, aliran ini mengagungkan kemampuan akal manusia dalam menanggapi semua perkara termasuk alam ghaib. Seharusnya semua perkara hendaklah boleh dirasionalkan dan tidak boleh menjadi pengikut secara membabi buta. Dengan ini, wahyu tidak diperlukan kerana manusia mempunyai akal dan kemampuan untuk berfikir sendiri.

Ada sesetengah rasionalis yang mentafsirkan nas al-Quran dan hadis berdasarkan ukuran logik. Bagi mereka “Di mana ada kebaikan dan kemaslahatan, di situ lah syariat Allah”. Sekiranya ada perkara yang tidak logik daripada sudut pandangan mereka tentang sesuatu perkara dalam agama, mereka sedia mengubah maksud dan tafsirannya. Sebagai contoh, erti jihad telah cuba dialihkan kepada jihad ekonomi sahaja dan mati syahid dianggap sebagai keganasan.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Empirisme

Ia adalah bentuk pemikiran yang meletakkan ukuran kebenaran mestilah berlandaskan kepada pengalaman dan pengujian. Dalam aliran ini, kebenaran diperoleh selepas dibuktikan selepas pengalaman kerana pengalaman seseorang itu diterima sebagai sumber kebenaran. Contohnya, rasa sakit diketahui dengan pengalaman sakit oleh seseorang. Selain itu, termasuk dalam pengalaman ialah kajian atau pengujian terhadap sesuatu perkara. Contohnya, ujikaji terhadap besi dan kayu mendapati bahawa besi adalah pengalir haba manakala kayu adalah penebat.

Oleh itu, pengetahuan pada aliran empirisme ialah dalam aspek yang telah berlaku kerana ia mestilah dialami dan dikaji atau diuji. Manakala pengetahuan dalam aliran rasionalisme ialah meliputi dalam aspek yang belum berlaku tetapi dapat difikirkan secara logik. Namun, kedua-dua aliran ini menafikan peranan wahyu dalam menentukan kebenaran. Bagi menentukan hala tuju kehidupan manusia dan apa yang perlu diperoleh, mereka memerlukan kepada human right.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Human Right

Hak ialah suatu perkara yang seseorang itu perlu dapat, manakala tanggungjawab pula ialah perkara yang seseorang itu perlu tunaikan. Oleh kerana kehidupan manusia banyak dipandu oleh nafsu dan keinginan, mereka mementingkan hak berbanding tanggungjawab. Bagi seseorang yang tidak mempunyai pegangan dengan tuhan, mereka menjadikan hawa nafsunya pula sebagai tuhan. Kemuncak daripada itu ialah mereka menjadikan keinginan itu sebagai haknya yang mestilah untuk dipenuhi. Malahan mereka mengangkatnya sebagai hak asasi yang perlu diperjuangkan. Ini menjadi masalah kerana apabila semua orang mengangkat hak masing-masing, siapakah yang boleh menentukan hak itu sebagai hak yang betul atau hanyalah keinginan sahaja. Manusia tanpa agama menghadapi masalah keceluaran dalam menentukan hak dan keinginan kerana tiada ukuranyang tetap dalam mendefinisikan hak.

Sikap manusia yang mahu kepada kebahagiaan dalam hidup, memerlukan kepada semua kehendak mereka dipenuhi. Orang yang menolak agama terpaksa akur dengan semua kehendak dan keinginanini dan terpaksa menganggapnya benar. Dengan tidak langsung, mereka perlu berpegang dengan pluralisme yang memberikan kesamarataan kepada semua orang dan semua pihak dalam menyatakan pandangan. Semua pandangan itu betul dan tiada pihak yang boleh mengatakan sesuatu itu salah. Dengan kata lain, tiada *absolute truth*.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Pluralisme

Ia merupakan suatu pemikiran yang mengakui kewujudan dan persamaan antara semua kebenaran, sehingga tidak boleh seseorang itu mendakwa dia lebih betul dari orang lain. Hal ini termasuklah agama kerana setiap agama tidak mempunyai hak untuk menafikan kebenaran pada agama lain. Malahan, bagi mereka semua agama boleh mencapai kebenaran kerana agama hanyalah wasilah sahajauntuk mencapai kebenaran. Hanya berbeza pada jalan tetapi matlamatnya tetap satu.

Dalam pada setiap manusia mendakwa masing-masing mempunyai hak, semua hak ini perlu diraikan dan tiada yang salah berdasarkan prinsip hak asasi. Secara tidak langsung hak asasi perlu mendakap pluralisme bagi mengabsahkan lagi keinginan yang ada pada setiap manusia. Namun, sekiranya ada pertembungan hak dan pandangan antara manusia, ia perlu diselesaikan dengan cara memilih pandangan yang paling banyak sebagai pandangan yang betul. Maka, hak asasi dan demokrasi berpisah tiada.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Demokrasi

Demokrasi ialah suatu pendekatan dalam menentukan kebenaran berdasarkan kepada suara ramai. Pada hakikatnya, manusia memerlukan kepada suatu cara yang tertentu untuk menentukan kebenaran. Oleh kerana tiada panduan wahyu yang diterima dalam aliran materialisme barat, maka suara ramai diperlukan untuk menentukan kebenaran. Ia boleh menyelesaikan dalam membuat keputusan bagi merelaikan perbezaan pandangan dan menentukan manakah yang betul dan yang salah.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, daripada materialisme hingga demokrasi, semua jenis pemikiran ini berkait antara satu samalain. Seorang yang sekular pasti akan menerima liberal dan juga demokrasi. Seorang pendukung *human right* pasti akan mendakap pluralisme dan rasionalisme. Semua pemikiran ini tidak menerima agama sama ada secara separuh mahupun secara keseluruhannya. Malahan, ada yang menentang agama dan menindas orang beragama. Mereka mahu menggantikannya dengan gaya hidup yang berpegang dengan logik akal dan keinginan manusia.



**Berfikiran kritis itu bagus,
tetapi berkritis dalam semua perkara itu membawa kepadakebodohan**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 1

Apakah Maksud Pemisahan dalam Sekularisme?

KERAGUAN: Fahaman sekularisme adalah fahaman yang memerangi agama seperti Kamel al-Tartturk dan ia mestilah ada kaitan dengan pemisahan dengan politik. Selain daripada itu, tidak dianggap sebagai sekular.

Penjelasan

Sekularisme adalah fahaman yang menolak peranan agama dalam kehidupan manusia. Ia menganggap agama sebagai penghalang kepada kemajuan. Menurut masyarakat Barat, agama tidak mengikat tindakan mereka dan boleh dilanggar sekiranya menghalang keinginan manusia untuk berhibur dan mencapai keseronokan. Ia adalah fahaman yang bersifat kebendaan dan keduniaan sekaligusmenafikan dan menolak peranan agama dalam kehidupan manusia. Pemikiran ini menolak wahyu dan mengutamakan kehidupan dunia yang merupakan punca kepada segala kecelaruan pemikiran manusia.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sekularisme dalam bahasa Latin disebut sebagai saeculum, iaitu kekinian atau duniaawi. Ia mementingkan kehidupan di dunia dan tidak menganggap akhirat sebagai wujud. Fahaman tersebut berpendirian sebuah sistem masyarakat wajar berpisah daripada agama kerana agama dilihat sebagai dogma, tidak rasional dan khayalan. Maksudnya, pertimbangan agama tidak boleh dijadikan asas pemikiran logik. Oleh itu mereka mementingkan dunia kerana ia adalah perkara yang sebenar yang dilihat dan dihayati oleh manusia.

Walaupun aliran ini menolak wahyu, bukan semua aliran sekularisme memerangi agama tetapi mereka boleh dibahagikan kepada dua tahap iaitu:

- 1- Bermusuh dengan agama.

Sekularisme tahap ini memerangi segala bentuk dan ajaran agama dan berusaha mengubah cara hidup manusia secara kekerasan kepada carahidup yang bebas daripada ikatan agama. Contoh sekular jenis ini seperti Kamal Attarturk di Turki dan Ben Ali di Tunisia. Mereka memaksa cara hidup Islam ditinggalkan secara kekerasan kerana ia bercanggah dengan cara berfikir sekularisme. Sekular ini mudah dikenalpasti dan diketahui kerana sikap benci yang berterus terang terhadap Islam.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

2- Bertoleransi dengan agama.

Sekularisme tahap ini boleh menerima agama dan tidak melarangumat manusia untuk beriman dengan sebarang tuhan termasuk kepada Allah, Rasul-Nya dan hari kiamat. Ia memperakui prinsip kebebasan beragama bagi setiap manusia dan kepercayaan merupakan hak peribadi masing-masing yang tidak boleh dipaksakan pada orang lain. Sekularisme boleh menerima agama dalam perkara yang dirasakan sesuai dengan seleranya sahaja, manakala dalam perkara yang menyusahkannya dan bercanggah dengan kemahuannya akan ditinggalkan. Ini bercanggah dengan prinsip Islam kerana beragama itu mestilah menyeluruh meliputi seluruh aspek kehidupan.

Sekular tahap kedua ini mengelirukan dan cukup berbahaya kerana ia nampak macam beragama dan sesetengahnya nampak seperti mempertahankan agama. Mereka yang berpegang dengan aliran ini menggalakkan solat dan puasa, malahan membawa penampilan berjubah dan berserban, tetapi agama yang difahami olehmereka sempit. Agama dilihat dalam aspek spiritual dan ritual tertentusahaja, bukan agama yang meliputi seluruh aspek kehidupan. Mereka membawa agama tetapi agama yang tidak membawa perubahan gaya hidup secara total dan tidak masuk campur dalam urusanpemerintahan atas pelbagai alasan seperti masyarakat majmuk.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Terdapat enam sikap manusia terhadap akhirat:

1. Hidup mati untuk akhirat
2. Mementingkan akhirat
3. Mementingkan dunia
4. Tidak peduli akhirat
5. Menolak akhirat
6. Membenci dan memerangi urusan akhirat

Sikap yang pertama dan kedua ialah sikap orang beriman. Sikap ketiga, keempat dan kelima adalah sekular tahap dua. Manakala sikap keenam ialah sikap sekular tahap satu. Allah berfirman:

وَمَنْ يَبْتَغِ عَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ

Maksudnya: Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya dan dia pada hari akhirat kelak dari pada orang yang rugi.
(Ali Imran: 85)

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Salah Faham

Seringkali difahami oleh majoriti masyarakat bahawa sekularisme itu hanyalah fahaman yang memisahkan antara agama dan politik. Memang benar itu adalah salah satu daripada maksud sekular, tetapi mengecilkan skop sekular kepada aspek pemisahan agama dan politik sahaja menjadikan pemikiran sekular itu sempit. Sedangkan sekular itu adalah bentuk pemikiran yang tidak rasa ada kaitan dengan agama dan ketuhanan. Ia akan menjadikan perintah agama sebagai perkara yang tidak penting dalam kehidupan.

Kelahiran sekularisme biasanya dikaitkan dengan perpecahan yang berlaku dalam gereja dan pemisahan agama dengan politik. Sebenarnya, tidak semestinya semua sekularisme itu berkaitan dengan gereja atau pun politik. Konsep sekularisme itu pada asasnya berlawanan dengan agama. Maka apa sahaja yang bercanggah dengan prinsip agama adalah sekularisme. Ia bukan bermula dengan revolusi terhadap gereja dan pemisahan agama dengan politik, tetapi ia telah berlaku sejak dari zaman anak nabi Adam lagi yang menolak perintah Allah.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sekularisme meliputi sikap mengambil separuh, tidak peduli kepada agama, membenci agama, menolak agama dan memerangi agama, kerana semua itu menyebabkan seseorang itu terpisah dengan agama. Ini berakhir dengan menggunakan akalnya sebagai panduan. Islam tidak boleh berpisah dengan politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan setiap aspek kehidupan. Islam bertunjangkan tauhid yang menolak segala bentuk pemikiran yang mengetepikan ketuhanan dan sesiapa yang menolaknya adalah sesat. Ia tidak semestinya dalam politik sahaja, tetapi ia mungkin berlaku dalam rumah kita dan dalam diri kita sendiri apabila menolak perintah Allah.



**Sekular tidak hanya yang berkaitan dengan politik
Ia pemikiran yang mementingkan dunia dan tidak peduli dengan
agama**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 2

Adakah Perbincangan Politik Islam Termasuk Dalam Fiqh Atau Akidah?

KERAGUAN: Memasukkan politik dalam perbincangan akidah akan membawa kepada fahaman pelampau agama

Penjelasan

Pada asasnya, ilmu politik Islam dan ilmu akidah merupakan dua disiplin ilmu yang berbeza. Ilmu Politik Islam berkait dengan pengurusan hal ehwal manusia, masyarakat dan pentadbiran negara berdasarkan kepada paduan antara wahyu dan akal manusia. Dalam perkara yang terdapat nas, ia dibicarakan dalam ilmu fiqh. Manakala yang tiada nas atau yang mempunyai nas yang kurang jelas, dibincangkan dalam ilmu politik Islam yang dinamakan dengan al-Siyasah al-Syar'iyyah.

Ilmu politik Islam termasuk dalam perbincangan fiqh dan al-siyasah al-syar'iyyah apabila membicarakan soal hukum. Dalam masa yang sama, ia termasuk dalam perbincangan akidah Islam apabila membicarakan tanggung jawab melaksanakannya dalam diri dan negara.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Ia tidak termasuk secara langsung dalam perbincangan disiplin ilmu tauhid kerana skop ilmu ini berkaitan dengan keyakinan manusia. Walau bagaimanapun, atas sifatnya sebagai ilmu yang bersumberkan daripada al-Quran dan hadis, ia mempunyai kaitan yang dapat dilihat daripada tiga aspek berikut:

- 1- Politik ialah disiplin ilmu yang berkaitan dengan pengurusan pemerintahan dan cara mendapat kuasa. Maka, politik Islam adalah ilmu yang berkaitan dengan pengurusan pemerintahan dan kuasaberteraskan kepada prinsip yang berteraskan wahyu. Lagi kuatkeyakinan seseorang politikus itu kepada Allah, lagi kuat ia ingin mematuhi dan membawa perintah Allah dalam mengurus pemerintahan dan kekuasaan ini.

- 2- Ahli politik Islam berusaha memastikan negara diurus dengan cara yang adil dan patuh syariah. Namun, dalam keadaan negara yang tidak patuh syariah dan banyak penyelewengan yang berlaku, orang Islam bertanggung jawab untuk menegur pemerintah. Tanggung jawab ini termasuk dalam skop dakwah dan amar makruf / nahi mungkar. Dalam konteks politik di Malaysia yang mengamalkan sistem raja berperlembagaan, maka penglibatan dalam parti merupakan suatu tanggungjawab untuk memastikan negara diperintah dengan cara yang adil dan patuh syariah.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Untuk menjalankan dakwah dan amar makruf dalam jalurpolitik, ia didorong atas tanggungjawab akidah yang hanyameletakkan Allah sahaja tuhan yang betul. Mana-mana orang yang tidak mengikuti perintahNya, perlu didakwah secara bijaksana. Lagi kuat keyakinan pada Allah, lagi kuat usahanya dan perjuangannya. Oleh itu, penglibatan dalam politik Islam adalah salah satu tuntutan akidah terutamanya untuk memelihara agama, nyawa, akal, harta dan keturunan.

- 3- Politik Islam merupakan sebahagian daripada laluan hidupseseorang Muslim. Ia bermula daripada menjadi seorang Muslim yangbaik, membina keluarga yang Muslim, membentuk masyarakatMuslim, membangunkan negara Islam dan menyebarkan Islam ke seluruh dunia. Bermula daripada pembentukan masyarakat, politik Islam tidak dielakkan kerana tidak akan dapat dilaksanakan melainkan dengan kuasa politik. Ia termasuk dalam laluan akidah Islam kerana ia berkaitan dengan pedoman dan keyakinan hidup seorang Muslim.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Akidah Islam bukan sekadar berkait dengan kepercayaan kepada Allah sahaja, tetapi juga berkait dengan cara dia melihat kehidupan ini. Iaitu melihat seluruh kehidupan ini mestilah tertumpu kepada Allah yang esa. Sekiranya seseorang itu hanya mempercayai Allah sebagai tuhannya, namun kehidupannya tidak menuju kepada Allah, ia mungkin menjadi liberal kerana tidak mahu terikat dengan aturan Allah.

Orang Islam perlu meyakini (daripada sudut akidah) bahawa hukum hakam yang berkaitan dengan politik merupakan suatu ketetapan yang terbaik untuk umat manusia secara amnya. Namun, Islam tidaklah rigid kerana dimensi hukum Islam banyak yang bersifat fleksibel (anjal) untuk semua masa dan keadaan. Mempercayai kebaikan sistem politik Islam berbanding sistem politik dan gaya hidup yang lain merupakan tuntutan akidah Islam.

Ringkasnya, politik Islam termasuk dalam perbincangan fiqh dan al-siyasah al-syar'iyyah apabila membicarakan soal hukum dan termasuk dalam perbincangan akidah apabila membicarakan tanggung jawab melaksanakannya dalam diri dan negara.



**Ilmu Islam itu mengintegrasikan antara
keyakinan (tauhid) dan amalan (fiqh) serta akhlak**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 3

Apakah Matlamat Berpolitik Dalam Islam?

KERAGUAN: Matlamat berpolitik ialah untuk mendapat kuasa. Maka segala cara untuk mendapat undi perlu dilakukan termasuklah mengetepikan seketika hudud untuk mendapat undi dari non-Muslim. Selepas berkuasa kita boleh buat apa yang kita mahu.

Penjelasan

Pelaksanaan Islam tidak cukup sekadar dakwah, tetapi memerlukan kepada kuasa pemerintahan sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah. Dakwah memerlukan kepada perubahan dalam diri dan juga dalam masyarakat dan negara. Maka perubahan masyarakat kepada Islam membabitkan perubahan negara mengikut sistem dan nilai Islam. Secara tidak langsung, ia akan berkait rapat dengan soal politik sebagaimana Rasulullah terpaksa berhijrah ke Madinah apabila orang Mekah tidak mahu menerima dakwah baginda. Di Madinah, baginda memegang jawatan sebagai pemerintah yang mengawal agama dan negara dari musuh dalaman dan luaran. Dengan politik, Islam dapat berkembang dan bangsa Arab menjadi bangsa yang kuat.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Ini bermakna, berpolitik mestilah mengukuhkan agama dan bangsa. Bukan dengan berpolitik, agama Islam semakin dihina dan orang Islam semakin hilang kuasa. Menerusi politik juga, Dakwah Islam sepatutnya semakin kuat dan orang bukan Islam tunduk dan hormat dengan Islam. Inilah intipati politik yang dianjurkan oleh Rasulullah.

Oleh sebab itu, Rasulullah tidak menerima tawaran kuasa,harta dan wanita oleh orang Quraisy kepada Baginda. Tawaran itu bukan kosong kerana syarat tawaran itu ialah Rasulullah tidak boleh menyebarkan dakwah dan menghentikan segala usaha yang dilakukan. Rasulullah dengan tegas menolak tawaran itu dan mengambil jalan susah dan mencabar dalam membawa risalah Islam. Akhirnya Baginda dan para sahabat diboikot dan diperangi atas keputusan yang diambil ini, tetapi berpegang dengan prinsip agama sangat penting dalam politik Islam.

Prinsip penting dalam politik Islam ialah untuk menjaga dan mengukuhkan Islam, bukan akhirnya agama dipermainkan dan bangsa ditertawakan. Di samping itu, ia mestilah membawa keadilan kepada semua pihak termasuk penganut agama lain.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Ini dapat dilihat dari kebijaksanaan Rasulullah dalam berpolitik. Rasulullah bukanlah mengambil pendekatan berlembut sepanjang masa dalam berhadapan dengan Yahudi, tetapi Baginda mengambil pendekatan tegas, tangkas dan berani dalam berhadapan dengan Yahudi yang sentiasa mencari jalan untuk melemahkan Islam. Ini bukan bermakna tidak perlu kepada pendekatan yang lembut, tetapi menganggap Rasulullah sentiasa dakwah dengan lembut sahaja adalah salah. Allah berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمْنَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ

تَحْكُمُوْ بِالْعَدْلِ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil.

(al-Nisa: 58)

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Kepentingan politik dalam Islam tidak dipertikaikan, cuma ada yang beranggapan politik kepartian tidak termasuk dalam politik Islam. Ini kerana, mungkin ada yang rasa tidak selesa kerana masing-masing mempunyai kecenderungan yang berbeza kepada parti politik tertentu. Walaupun demikian, semua orang Islam perlu sedar tanggungjawab dengan kewujudan parti politik itulah politik Islam di Malaysia dapat direalisasikan untuk menjaga agama, bangsa dan negara. Politik merupakan wadah yang tidak boleh ditinggalkan.

Kebijaksanaan Rasulullah berpolitik telah berjaya mengumpul kekuatan orang Islam sehingga berjaya mengusir keluar Yahudi dari Bani Qaynuqa, Bani Nadir dan Bani Qurayzah keluar dari Madinah kerana mereka telah mengkhianati Rasulullah dan perjanjian. Mereka cuba menentang Rasulullah dengan bantuan geng munafik, tetapi bantuan itu tidak berjaya mengalahkan Rasulullah. Dalam konteks politik Malaysia, matlamat politik Islam disini bukanlah bertujuan untuk menghalau dan menindas orang kafir, tetapi bertujuan untuk melaksanakan Islam dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan orang Islam serta membawa keadilan kepada semua.\



**Berpolitik bukan sekadar perlu jujur
tetapi perlu bijak untuk kepentingan agama**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 4

Bagaimakah Cara Orang Munafik Berpolitik?

KERAGUAN: Tiga sifat yang selalu disebut oleh Rasulullah tentang orang munafik ialah suka berbohong dan tidak menepati janji dan khianat.

Penjelasan

Nifaq adalah sifat yang dibenci di dalam Islam kerana sikap mereka yang berpura-pura Islam tetapi dalam hati mereka penuh dendam dan kesumat terhadap Islam. Ini adalah nifaq daripada sudut akidah kerana hati mereka bukan lagi bersama Islam. Namun, terdapat nifaq yang kedua iaitu nifaq amalan di mana mereka masih lagi Islam, tetapi masih lagi terdapat beberapa sifat nifaq dalam diri mereka. Antara sifat yang disebutkan oleh Rasulullah ialah suka berbohong dan tidak menepati janji dan khianat.

Di sebalik sifat berkenaan, terdapat banyak perangai buruk yang dizahirkan apabila mereka menyertai politik iaitu membenci Islam dan cenderung kepada kekufuran. Mereka tidak berpuas hati dengan Islam, menyimpan dendam dan dengki dengan perkembangan Islam yang semua itu mendorong mereka melakukan khianat dan menjadi api dalam sekam dalam masyarakat Islam.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Mungkin ada hajat dan keinginan mereka yang tidak kesampaian seperti ingin menjadi pemimpin atau mendapatkan projek ekonomi dan perniagaan. Akhirnya mereka sanggup mengkhianati Islam dan boleh bekerjasama dengan orang kafir untuk memburukkan Islam.

Contoh sikap jahat dan khianat ini ditunjukkan oleh Abdullah bin Ubai dan gengnya pada zaman Rasulullah. Mereka berpolitik dengan matlamat untuk memburukkan Rasulullah dan mengukuhkan kedudukan orang Yahudi dalam menentang Islam. Antara contoh tindakan jahat mereka ialah:

- Menghasut orang Islam dalam perang Uhud sehingga berjaya mempengaruhi 300 orang yang balik semula ke Madinah.
(Ali Imran: 112)
- Berjanji dengan Yahudi Bani Nadhir untuk membantu mereka memerangi Rasulullah. Namun, janji itu hanyalah janji palsu (al-Hashr: 12)
- Membela kesalahan Yahudi Bani Qaynuqa dan Bani Nadhir dan meminta Rasulullah supaya hukuman terhadap mereka ditarik balik.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

- Tidak bekerjasama dengan Rasulullah mempertahankan Madinah walaupun diserang oleh tentera Ahzab. Sebaliknya bersubahat dengan Bani Qurayzah menikam orang Islam dari belakang.
- Memandang sinis terhadap usaha orang Islam dan mengutuk Rasulullah di belakang. (Muhammad: 16)

Kemunculan Geng Munafik bermula dengan dendam Abdullah bin Ubai terhadap Rasulullah kerana baginda dianggap sebagai perampas terhadap jawatan yang dijanjikan kepadanya. Sebelum peristiwa hijrah, Aus dan Khazraj telah bersetuju untuk melantik Abdullah bin Ubai sebagai ketua mereka tetapi selepas kedatangan Rasulullah, beliau tidak lagi popular. Ini yang menyebabkan beliau menyimpan dendam dan dengki, seterusnya menghasut dan cuba mengucar-kacirkan orang Islam.

Watak yang ditunjukkan oleh Abdullah bin Ubai ialah berpura-pura Islam dengan menabur kata-kata manis di hadapan Rasulullah dan membuat janji indah untuk menutup sifat sebenar mereka. Di belakang Rasulullah, mereka khianat dan menikam orang Islam di belakang. Namun, Allah mendedahkan identiti dan sikap mereka dalam al-Quran yang boleh dibaca hingga hari ini.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Cinta kepada kesenangan dunia dan terlebih yakin dengan kehidupan materialistik membuatkan hati mereka daripada meyakini janji Allah. Mereka lebih meyakini bilangan yang banyak dan benda yang nampak berbanding daripada meyakini pertolongan Allah. Oleh itu, mereka mudah memberikan kesetiaan kepada orang kafir yang melacurkan prinsip akidah Islam. Mereka mengejek dan mengutuk perjuangan Islam serta memandang sinis masa depan perjuangan Islam. Rasulullah menyebutkan “Orang yang tidak berperang dan tiada bercita-cita untuk mempertahankan Islam, itu adalah salah satu ciri nifaq” (Riwayat Muslim)

Orang Munafik tidak mengendahkan janji kemenangan dan jaminan masa depan di dunia dan di akhirat. Oleh itu, mereka lebih suka mendekati sekutu rapat daripada kalangan Yahudi dan Quraisy berbanding orang Islam. Malahan, mereka sanggup menggadaikan prinsip agama untuk kepentingan keduniaan mereka. Justeru, perjuangan Islam perlu meletakkan keyakinan kepada janji Allah dan berusaha untuk mencapai keredaan Allah dalam setiap ucapan dan tindakan. Allah berfirman:

يَخْدُرُ الْمُنَافِقُونَ أَنْ تُنَزَّلَ عَلَيْهِمْ سُورَةٌ تُتِّبِعُهُمْ بِمَا فِي قُلُوبِهِمْ قُلْ
أَسْتَهِنُ بِمَا إِنَّ اللَّهَ مُخْرِجٌ مَا تَحْدِرُونَ

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Maksudnya: Orang munafik bimbang kalau diturunkan satu surah Al-Quran yang mendedahkan apa yang ada dalam hati mereka. Katakanlah (wahai Muhammad): Ejeklah, sesungguhnya Allah akan mendedahkan apa yang kamu bimbangkan. (al-Taubah: 64)

Pada masa kini, mungkin tiada orang yang munafik daripada sudut akidah (mudah-mudahan begitulah). Cuma, sifat mereka mungkin ada yang ditiru oleh orang Islam sama ada sikit mahupun banyak kerana mahu kepada kuasa dan disebabkan motif peribadi. Ini dapat ditunjukkan dengan kecenderungan kepada agenda liberalisme, human right, pluralisme dan lain-lain. Ia tidak wajar ada dalam diri orang Islam kerana dikhuatiri ia boleh membawa kepada sifat nifaq akidah. Sebaliknya, orang Islam perlu menunjukkan rasa sayang kepada agamanya dan berusaha memartabatkan agamanya. Mereka perlu menyayangi orang Islam dan bersifat adil terhadap semua orang.



**Berhadapan dengan musuh luar lebih mudah
daripada berhadapan dengan musuh dalaman**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 5

Adakah Kita Menunggu Bukti Atau Melaksanakan Islam Sehingga Menjadi Bukti?

KERAGUAN: Bagaimanakah saya mahu percaya tentang hudud boleh membawa kepada kesejahteraan masyarakat kerana setakat ini terdapat banyak jenayah dalam negara Islam yang melaksanakan hudud.

Penjelasan

Terdapat tiga bentuk sikap manusia terhadap Islam. Sikap orang beriman ialah berusaha melaksanakan segala perintah Allah semampu mungkin bagi membuktikan keteguhan akidah dan keyakinan kepada Allah. Dia perlu membuktikan bahawa Islam merupakan agama yang terbaik dan segala hukum hakam di dalamnya membawa kebaikan kepada manusia. Tiada sekelumit pun perasaan mempertikai ada dalam hatinya, tetapi ia terus berfikir untuk melaksanakannya.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sebaliknya, sikap golongan munafik pula sering memberikan dalih dan alasan untuk tidak melaksanakan perintah Allah. Mereka mencari jalan untuk menggagalkannya kerana ada kebencian kepada Islam dan tidak menaruh perasaan sayang kepada Islam dalam hati, malahan mereka rela menjaga perasaan sekutu mereka dan mengambil hati orang bukan Islam daripada menegakkan hukum agama. Hati mereka sentiasa menyimpan prejudis terhadap hukum Islam dan merasakan bahawa ia bertentangan dengan keadilan dan hak asasi manusia. Allah telah mendedahkan semua sifat buruk ini dalam banyak ayat al-Quran khususnya Surah al-Munafiqun dan begitu juga dalam surah-surah yang lain.

Manakala, sikap golongan fasiq pula ialah menunggu bukti sebelum ingin melaksanakan hukum dan perundungan Islam. Mereka mempunyai keyakinan yang lemah kepada Islam sehingga memerlukan kepada bukti yang boleh dilihat dan dirasai barulah mereka boleh mempercayainya. Adapun Firman Allah dalam al-Quran dan Hadis Rasulullah tidak cukup kuat untuk meyakinkan mereka. Mereka tenggelam dalam pengaruh hawa nafsu, terkesan dengan tarikan dunia dan terpedaya dengan bisikan syaitan. Mereka malas dan tidak mahu bekerja untuk Islam.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sebagai contoh, ketika mula diperkenalkan bank Islam, ramai yang pada mulanya kurang yakin dengan kemampuan bank Islam yang boleh berdiri tanpa riba/ faedah. Tidak kurang juga dengan orang yang melemparkan kutukan, mengeji dan menghina. Namun, hasil berkat usaha dan kesungguhan semua pihak, perbankan Islam telah berjaya dibangunkan pada tahun 1984 dan pada tahun 1992 dibangunkan sistem perbankan tanpa kaedah (SPTF). Akhirnya, selepas lebih 30 tahun pelaksanaan perbankan Islam di Malaysia, ia telah berkembang dengan baik biarpun masih ada kelemahan di sana sini. Pada tahun 2013, suatu akta yang dinamakan sebagai “Akta Perkhidmatan Kewangan Islam” (IFSA) telah diluluskan oleh kerajaan Malaysia untuk mengawal aktiviti perbankan. Semua institusi perbankan Islam bersaing dengan sihat dan ada bank luar negara pun telah menujuhkan bank yang patuh syariah di Malaysia.

Secara umumnya, manusia suka melihat bukti terlebih dahulu sebelum boleh percaya. Namun, dalam Islam, Allah minta kita berusaha melaksanakan segala perintahnya dengan cara yang terbaik, biarpun bukti kejayaannya belum ada lagi pada masa kini. Namun, Allah memberi jaminan bahawa Islam adalah cara hidup yang terbaik dan sekiranya dilaksanakan dengan sempurna, akan mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Keperluan Inovasi Produk dan Perkhidmatan Islam

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Dalam era kebangkitan Islam pada abad ke 21, ia memerlukan kepada inovasi dan kreativiti para ilmuwan untuk menghasilkan aplikasi, produk, sistem dan pendekatan yang sesuai dengan keadaan semasa. Ia tidak boleh lagi dengan mengeluarkan slogan dan mengangkat retorik kewajipan kembali kepada sistem Islam, tetapi perlu dibincangkan dan diperincikan cara untuk melaksanakannya. Peringkat pelaksanaan memang mencabar kerana ia perlu mengekalkan prinsip dan hukum Islam di samping menyesuaikannya dengan realiti.

Sebagai contoh, kini selepas hampir 30 tahun perbankan Islam di Malaysia tidak wajar lagi untuk bercakap apa itu perbankan Islam dan kewajaran melaksanakannya tetapi bagaimanakah cara untuk menawarkan instrumen perbankan Islam. Kalau dahulu, tiada bank dan insurans, tiada Internet dan sosial media, tiada persijilan halal dan sebagainya. Kini semua perkara itu perlu diwujudkan sesuai dengan keperluan masyarakat masa kini. Apa yang penting ialah semua itu mesti mengikut prinsip dan hukum Islam.

Masalahnya, ramai yang tidak meyakini Islam sebagai cara hidup kerana masing-masing ingin melihat bukti terlebih dahulu. Sedangkan bagaimana bukti boleh dihasilkan sedangkan ia tidak dilaksanakan lagi atau belum lagi dilaksanakan dengan baik. Kalau menunggu bukti, sampai bila pun Islam tidak dapat dilaksanakan.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Mungkin bagi orang bukan Islam memerlukan kepada bukti nyata,tetapi bagi orang Islam, tidak cukupkah dengan bukti al-Quran sebagai mukjizat? Mereka perlu membuktikan kebenaran mukjizat ini.

Ramai teruja dengan perkembangan teknologi dan cara hidup barat yang bagi mereka pada masa ini telah pun membuktikan kejayaannya. Memang benar, psikologi manusia akan lebih yakin dengan perkara yang ada bukti berbanding dengan yang belum ada bukti. Inilah ujian kepada orang Islam pada masa kini untuk meyakini kebaikan dan kehebatan Islam. Mereka perlu untuk membuktikan teknologi, sistem dan cara hidup yang berteraskan Islam dibangunkan dan diamalkan dalam masyarakat.

Sebagai contoh, kita perlu berusaha untuk melaksanakan hukum jenayah Islam (Hudud) kerana ia boleh menghalang manusia daripada melakukan jenayah. Allah telah menyebut secara jelas dalam al-Quran tentang hikmah daripada hukum jenayah ini. Setelah ia dilaksanakan, kalau matlamat ‘sifar jenayah’ masih belum lagi dapat tercapai, mungkin masih ada lagi kekurangan dalam pelaksanaan yang perlu diperbaiki untuk memastikan kejayaannya. Tugas kita ialah berusaha dengan cara yang terbaik untuk melaksanakan Islam.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

Tidak dapat buat semua, jangan tinggal semua. Janganlah kita pula yang menabur duri kepada usaha melaksanakan Islam kerana ia adalah sifat munafik yang tidak senang dengan Islam.



**Laksanakan Islam sehingga ia menjadi bukti,
bukan menunggu bukti baru melaksanakan Islam**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 6

Adakah Islam Agama Terbaik Sedangkan Orang Islam Ramai Terlibat Jenayah?

KERAGUAN: Sekiranya Islam adalah agama yang terbaik, mengapa masih banyak masalah jenayah, salah laku moral dan aktiviti keganasan berlaku dalam kalangan orang Islam? Perkara ini menunjukkan bahawa seseorang beragama Islam itu belum tentu berada dalam jalan yang benar walaupun mereka mengikut apa yang terkandung dalam al-Quran.

Penjelasan

Allah menjelaskan dalam al-Quran bahawa Islam adalah agama yang benar dan yang direldai-Nya. Pelaksanaan Islam yang sempurna dalam masyarakat akan membawa kepada keadilan dan kesejahteraan. Ia bukan sekadar kepada orang Islam, tetapi juga kepada orang bukan Islam. Ini telah dibuktikan dalam sejarah Islam apabila Islam memerintah keadilan dan kesejahteraan direalisasikan. Kebaikan Islam tidak boleh dinilai melalui perlakuan penganutnya semata-mata. Apakah lagi mereka yang melakukan jenayah, salah laku moral serta aktiviti keganasan. Semua ini ditegah dalam Islam, cuma masih ada lagi yang terpengaruh dengan hawa nafsu dan keinginan serta syaitan sehingga melanggar perintah Allah.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Islam sepatutnya dinilai menerusi sumber utama rujukannya iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Al-Quran merekodkan segala tunjuk ajar Nabi Muhammad SAW sebagai contoh teladan terbaik. Namun, ia sering diburukkan dengan salah laku penganutnya yang melampau dan melakukan jenayah. Sebagai sebuah agama yang besar, Islam dianuti oleh pelbagai lapisan masyarakat sama ada dengan penuh rela, ikut-ikutan atau terpaksa. Islam juga tidak terlepas daripada penganut yang masih melakukan kesilapan dan dosa ada secara sengaja atau tidak. Memang ada yang salah, cuma tidak wajar mengaitkan semuakesalahan itu dengan Islam.

Jika dirujuk tentang statistik jenayah di Malaysia, orang Islam masih terlibat dengan jenayah dan salah laku moral kerana peratusan orang Islam di negara ini yang masih lagi jahil tentang agamanya dan meninggalkan solat-solat fardu berada pada tahap yang membimbangkan. Tambahan pula orang Islam lebih mudah dilihat paling ramai terlibat dengan jenayah dan salah laku moral kerana mereka melebihi 63 peratus dari demografi penduduk negara. Apatah lagi orang Melayu secara automatiknya dikira sebagai seorang Muslim walaupun tidak mempraktikkan Islam dalam kehidupannya.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Hakikatnya, tiada satu pun komuniti masyarakat dalam dunia ini yang dapat menandingi orang Islam daripada sudut etika dan keseriusan dalam melaksanakan aktiviti kebajikan dan kemanusiaan. Umat Islam adalah masyarakat yang paling banyak melakukansedekah dan amal jariah. Hal ini dapat dibuktikan apabila setiap tahun orang-orang Islam tanpa mengira latar belakang dan strata sosial menunaikan zakat dan menyembelih binatang korban untuk keperluan fakir miskin.



Penyebaran Islam bermula dengan akhlak yang mulia

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN
MODEN BARAT

SOAL JAWAB 7

Apakah Maksud Liberalisme & Adakah LiberalMahu
Kebebasan Tanpa Batasan?

KERAGUAN: Liberal bererti kebebasan. Dengan sifat kebebasan ini, bagaiakan geng liberal menuntut kebebasan yang mutlak dan tidak menghiraukan tanggungjawab yang lain.

Penjelasan

Liberal bererti kebebasan. Manakala liberalisme merupakan suatu fahaman atau ideologi yang menganut dan menjunjung tinggi nilai kebebasan dan persamaan hak individu dalam berbagai aspek kehidupan, sama ada dalam bidang ekonomi, politik, sosial, agama, atau lain-lain. Golongan liberal mempercayai bahawa setiap manusia perlu menghormati tujuan hidup, pandangan dan kepercayaan seseorang individu tanpa sebarang paksaan. Mereka menuntut hak untuk dihormati dalam tujuan hidup, pandangan dan kepercayaan seseorang individu.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

“Penghormatan terhadap kebebasan individu” merupakan tunjang utama kepada fahaman liberalisme. Pendukung fahaman individualisme ini berpegang dengan prinsip bahawa tidak boleh memaksakan tujuan hidup, aturan moral dan kepercayaan yang datang daripada orang lain termasuklah daripada agama dan tuhan. Fawcett menegaskan : “*liberals hoped for ethical order without appeal to divine authority*” (Maksudnya: Golongan liberal mengharapkan suatu aturan etika tanpa perlu melibatkan autoriti Tuhan). Ini bermakna segala aturan yang dikenakan tidak boleh dikaitkan dengan perintah wahyu daripada Allah. Wahyu merupakan orang luar yang tidak boleh memaksa mereka kerana hak individu diangkat sebagai nilai yang tertinggi.

Golongan liberal bertentangan dengan golongan konservatif yang meletakkan kepentingan masyarakat melebihi kepentingan peribadi. Golongan konservatif menganggap kebebasan individu dan pilihan peribadinya boleh mengancam kepercayaan dan aturan masyarakat. Sebaliknya, golongan liberal mahu membebaskan diri daripada kongkongan adat, budaya dan agama, seterusnya mengikut selera, kehendak dan keinginan. Kehendak dan kepentingan peribadi lebih penting daripada kepentingan masyarakat.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Oleh itu, aliran pemikiran liberal bercanggah dengan agama kerana agama menjaga hubungan dengan tuhan dan lebih menjaga kepentingan masyarakat berbanding hak individu. Sedangkan pemikiran liberalisme menolak sebarang paksaan atas nama agama kerana mahu melakukan sesuatu atas dasar kerelaan, bukan dipaksa- paksa. Walau bagaimanapun, terdapat golongan liberal (yang tidak ekstrem) boleh menerima dengan orang Islam yang komited dengan solat, puasa, menutup aurat dan sebagainya. Malahan, mereka boleh menghormati kerana mereka menghormati hak individu orang lain. Tetapi mereka tidak dapat menerima sekiranya mereka ditegur atau dihalang apatah lagi dipaksa untuk solat dan menutup aurat. Oleh sebab itu, mereka tidak suka undang-undang Islam dikuatkuasakan kerana ia adalah halangan kepada kebebasan.

Perjuangan dan pemikiran mengangkat hak individu seperti yang didukung oleh golongan liberal jelas bercanggah dengan Islam kerana apa yang mereka perjuangkan sebenarnya bukanlah suatu hak tetapi ianya lebih kepada suatu keinginan. Dengan kata lain, perjuangan mereka menjadikan keinginan individu (baca: hawa nafsu) sebagai tuhan yang dipatuhi. Hakikatnya mereka berasa mempunyai hak dan kebebasan untuk melakukan apa yang mereka inginkan. Orang lain tidak berhak untuk menegur apatah lagi untuk melarang mereka. Inilah liberalisme iaitu pemikiran ingin bebas daripada kongkongan autoriti dan ikatan agama.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Namun, bukan semua golongan liberal mahu kebebasan mutlak kerana mereka memahami bahawa tiada kebebasan mutlak kepada manusia. Cuma, mereka menolak untuk dipaksa atas nama agama dan menentang segala bentuk paksaan daripada autoriti khususnya daripada agama Allah berfirman:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةً إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْجِبَرُوتُ مِنْ أَمْرِهِمْ
وَمَنْ يَعْصِي اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

Maksudnya: Orang yang beriman sama ada lelaki dan perempuan tidak mempunyai hak memilih lagi tentang mengenai urusan mereka, apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatuperkara. Dan sesiapa yang tidak taat kepada Allah dan RasulNya makasesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang nyata.

(Al- Ahzab: 36)

Sejarah kemunculan liberalisme di muka bumi ini bermula dengan anak Nabi Adam iaitu Qabil dan Habil lagi. Qabil mengikutkehendak sendiri dan tidak mahu mengikut syariat Islam yang menyebabkan berlaku pembunuhan pertama di bumi. Walaupun, sejarah kebangkitan liberalisme moden dikaitkan dengan Revolusi di Eropah, tetapi sikap tidak mahu mengikut agama dan mementingkan kehendak sendiri telah bermula sejak awal kewujudan manusia. Ia disebabkan oleh nafsu manusia yang tidak terkawal.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN
MODEN BARAT



**Liberal melepaskan diri daripada Allah
Tauhid memberi autoriti pada Allah**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 8

Bagaimanakah Pemikiran Liberalisme Membawa Ancaman Kepada Agama?

KERAGUAN: Liberalisme merupakan fahaman yang memberikan keupayaan kepada setiap individu untuk membuat pilihan sendiri. Ia sepatutnya digalakkan kerana ia memberi keupayaan kepada manusia untuk bergerak bebas, bukan sering bergantung dengan orang lain.

Penjelasan

Liberalisme merupakan satu ancaman kepada agama kerana ia mempunyai misi membebaskan manusia daripada segala bentuk aturan dan batasan agama. Sedangkan agama mengikat segala tingkah laku manusia kerana agama mempunyai autoriti daripada Allah. Maka, manusia tidak boleh bercakap, bertindak dan membuat keputusan melainkan berdasarkan kepada perintah dan ketetapan daripada agama. Dengan ini, lagi kuat seseorang itu berpegang dengan liberalisme, lagi kurang ia berpegang dengan agama. Sebaliknya, orang yang tidak bebas mengikut kehendak sendiri akan berpegang kuat dengan agama. Allah berfirman:

إِنَّ هَدَيْتُهُ الْسَّيِّلَ إِمَّا شَرِكَ وَمَا لَهُ مَوْلًا

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah menunjukkan kepadanya akanjalan; samada dia bersyukur ataupun kufur. (al-Insan: 3).

Sebenarnya, liberalisme adalah kesinambungan daripada sekularisme. Seseorang yang berpegang kepada liberalisme semestinya telah terlebih dahulu menerima sekularisme. Sekularisme tidak boleh difahami sebagai pemisahan antara agama dan politik semata-mata, kerana sekular menolak agama sebagai panduan dan sumber rujukan dalam menentukan benar dan salah, baik dan buruk. Ia bukan hanya dalam soal politik sahaja, tetapi ia mungkin berlaku dalam kehidupan kita. Mereka berasa bebas untuk bertindak tanpa ada ikatan dan panduan daripada agama.

Pemikiran liberal dibentuk berteraskan kepada kebebasan dalam kehidupan iaitu meletakkan kebebasan individu sebagai suatu nilai yang tertinggi dalam kehidupan mereka. Pendukung pemikiran ini tidak melihat agama sebagai panduan dalam ilmu dan kebenaran sebaliknya mereka melihat manusia berkuasa sepenuhnya menentukan nasibnya sendiri. Mereka menekankan aspek material dan fizikal kehidupan manusia dan meletakkan akal manusia sebagai kayu ukur tertinggi dalam menentukan kebenaran. Ia jelas sekali bertentangan dengan agama Islam kerana umat Islam dituntut untuk menjalani kehidupan mereka berdasarkan garis panduan dalam al-Quran dan as-Sunnah.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Pemikiran ini meletakkan manusia sebagai tuan dan tidak perlu tunduk kepada mana-mana autoriti mahupun aturan agama. Kerosakan yang dibawa oleh liberalisme adalah kerosakan dan kekeliruan pada pemikiran yang memberi kesan besar kepada cara pandangan manusia terhadap Tuhan, alam, manusia, kebahagiaan, keadilan dan sebagainya. Ini berlawanan dengan tauhid yang membawa manusia kepada Allah. Liberalisme mempertuhankan keinginan individu, manakala tauhid meletakkan keinginan itu mengikut acuan Allah. Allah berfirman:

وَمَن يَتَّبِعْ عَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَن يُجْزَأْ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ

Maksudnya: Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya dan pada hari akhirat nanti, dia tergolong daripada kalangan orang yang rugi.

(Ali Imran: 85)

Meskipun mungkin ada aspek positif dalam liberalisme daripada aspek menganjurkan manusia supaya berfikir kritis dan tidak menerima sesuatu perkara bulat-bulat di atas keyakinan kepada kebebasan individu, itu tidak bermakna perlu menjadi penyokong mahupun pendukung liberalisme. Orang Islam boleh berfikir kritis dalam batasan yang tertentu untuk menghasilkan kemajuan. Islam tidak menghalang dalam berfikir dan berkritis, tetapi berfikir kritis dalam semua perkara adalah suatu kebodohan. Islam menganjurkan cara yang tersendiri untuk menguruskan keinginan agar selari dengankehendak agama.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT



**Liberal itu bebas dan agama itu mengikat
Ikatlah berfikir itu dengan agama untuk
mendapat kejayaan di dunia dan akhirat**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 9

Apakah Ada Perbezaan Antara Dosa (*Private Sphere*)
& Jenayah (*Public Sphere*)?

KERAGUAN: Kesalahan manusia harus dibezakan antara dosa dan jenayah. Dosa termasuk dalam wilayah peribadi (*private sphere*) manakala jenayah termasuk dalam wilayah umum (*public sphere*). Selagi tidak ganggu orang lain, apa salahnya.

Penjelasan

Pada asasnya, dosa adalah suatu kesalahan yang melanggar perintah Allah sama ada kesalahan itu dengan Allah sahaja seperti meninggalkan solat; atau kesalahan yang melibatkan manusia seperti mencuri dan membunuh. Kesalahan pertama dinamakan dosa peribadi manakala kesalahan yang kedua ini dinamakan jenayah kerana ia mengambil dan menafikan hak orang lain. Sama ada kesalahan dengan Allah sahaja atau kesalahan dengan manusia, keduanya merupakan perkara dosa yang perlu untuk dijauhi. Memang ada terdapat perbezaan antara keduanya kerana dosa dengan Allah boleh dimohon keampunan daripadaNya, tetapi dosa dengan manusia tidak cukup dengan minta keampunan daripada Allah tetapi daripada manusia.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Membiarkan dosa peribadi berleluasa tanpa nasihat, teguran, kawalan dan cegahan hanya akan menyebabkan kerosakan kepada masyarakat. Kemaksiatan dianggap sebagai normal dan diterima sebagai sebahagian daripada masyarakat. Sebagai contoh, akibat daripada membesar pada *private sphere* / wilayah peribadi, maka budaya couple boleh dianggap sebagai biasa dan dah susah untuk ditegur lagi. Ini adalah normalisasi buruk dalam masyarakat. Apakah kita rela membiarkan masyarakat rosak dengan kehendak peribadi mereka untuk minum arak, menonton pornografi, berkhalwat, mendekati zina dan sebagainya?

Untuk menangani dosa dengan Allah, Islam menggunakan pendekatan bukan undang-undang seperti dakwah, nasihat dan sebagainya termasuklah amar makruf, nahi mungkar. Namun, sekiranya ada keperluan yang tertentu untuk menjaga kemaslahatan masyarakat, peraturan dan panduan tanpa implikasi undang-undang boleh dibuat. Sebagai contoh, kod etika pakaian ke pejabat kerajaan dan peraturan menghentikan perniagaan selama 15 minit ketika masuk waktu solat Maghrib.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Kalau sekiranya ia boleh membawa suatu norma yang tidak baik kepada masyarakat, ia boleh disekat dan dihalang menerusi penguatkuasaan undang-undang. Sebagai contoh, perlakuan tidak puasa merupakan suatu dosa dengan Allah. Ia boleh ditangani dengan memberi nasihat yang baik, ingatan dan sebagainya. Namun sekiranya ia melibatkan perlakuan tidak puasa di khalayak ramai, ia boleh diambil tindakan undang-undang supaya perbuatan tidak puasa di khalayak ramai dapat dihindari. Ia juga dapat mengelak daripada normalisasi budaya yang tidak baik daripada merebak. Allah berfirman:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Maksudnya: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) (Ali Imran: 110)

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Bagi menangani kesalahan dengan manusia yang dikategorikan sebagai jenayah, ia ditangani dengan penguatkuasaan undang-undang. Pelanggaran undang-undang boleh diambil tindakan dan dikemukakan kepada pengadilan supaya diberikan hak kepada yang berhak dan diberikan hukuman yang setimpal.

Malangnya, ada pihak yang menghighlightkan perbezaan antara kedua dosa ini atas dasar dosa dengan Allah adalah dosa peribadi yang merupakan *private sphere* manakala dosa dengan manusia yang merupakan *public sphere*. Memang benar ada perbezaan antara keduanya, tetapi sekiranya tujuan mengangkat perbezaan ini hanyalah untuk menafikan daripada amar makruf nahi mungkar, ia suatu tindakan yang salah.

Mengangkat dosa peribadi sebagai wilayah peribadi yang tidak boleh diganggu selaras dengan ajaran liberalisme yang mengagungkan kemahuan peribadi dan tidak mahu orang luar campur tangan mengawalnya. Ia akan menggembirakan pelaku maksiat kerana ada pihak yang mempertahankan mereka dan memberi peluang kepada perlakuan dosa. Ia juga selaras dengan tuntutan pejuang hak asasi yang tidak mahu ruang peribadi ini diganggu. Mereka mahu agama tidak campur tangan dalam soal peribadi kerana soal keimanan adalah urusan peribadi.


50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Golongan liberal menentang usaha dakwah, nasihat, amar makruf nahi mungkar terhadap dosa peribadi ini atas alasan ia adalah perkara peribadi. Mereka juga menggunakan terma seperti tidak boleh mengintip (*tajassus*) kerana ia melanggar urusan peribadi seseorang. Mereka mendakwa Islam juga mengharamkan *tajassus* seperti yang disebut dalam al-Quran (al-Hujurat: 12). Mereka juga berhujah dengan sebuah athar daripada Saidina Umar bin al-Khattab yang melakukan mengintip seseorang yang meminum arak dalam rumahnya. Sebenarnya, mereka hanya memilih-milih nas tertentu sahaja bukan mengambil keseluruhan syariat Islam yang mengarahkan amar makruf nahi mungkar dan menjalankan usaha dakwah.

Dalam menjelaskan maksud *tajassus*, para ulama seperti Al-Imam Ibn Hajar menegaskan bahawa: “Benar, seseorang tidak boleh melakukan *tajassus* (intipan) terhadap Muslim yang lain. Namun sekiranya sesuatu aduan telah dibuat daripada orang yang dipercayai (*thiqah*), maka ia adalah sesuatu yang diharuskan bagi mencegah kemungkaran. (Fath al-Bari, 10/482). Pandangan yang hampir sama dinukilkkan oleh al-Imam Nawawi yang menyatakan pandangan al-Imam al-Haramain dan al-Mawardi berhubung keharusan melakukan operasi siasatan bagi mencegah perlakuan jenayah zina (Syarh al-Nawawi, 2/26).

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Menangani kedua jenis dosa ini memerlukan kepada kebijaksanaan. Ada yang ditangani hanya dengan dakwah dan ada yang dibanteras dengan undang-undang. Walau bagaimanapun, membesarluwilayah peribadi hanya akan menggembirakan pelaku maksiat dan seterusnya akan membawa kerosakan kepada masyarakat.



**Cegahlah kemungkaran sebelum ia menjadi norma baharu
Selepas ia menjadi norma, hampir mustahil untuk dicegah**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 10

Adakah Khalwat Dan Zina Termasuk Dalam Dosa Awam ?

KERAGUAN: Khalwat dan zina sekiranya dilakukan secara sukarela apa salahnya. Lagi pun, mereka tidak mengganggu orang lain.

Penjelasan

Islam mensyariatkan perkahwinan dan mengharamkan perzinaan. Perkara ini sudah jelas, namun masih ramai yang masih melakukan perzinaan sama ada secara suka rela, paksa rela atau memperkosa. Ia bermula apabila perbuatan zina itu didekati secara sedikit demi sedikit yang akhirnya terlanjur melakukan zina. Oleh sebab itu Allah bukan sekadar melarang zina, tetapi perbuatan yang mendekati zina sebagai mana firmanNya:

وَلَا تَقْرِبُوا الْرِّجَالَ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا

Maksudnya: Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan). (al-Isra': 32)

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Perbuatan menghampiri zina ini meliputi berdua-duaan antara lelaki dan perempuan, menonton visual lucah, berbual antara lelaki dan perempuan dengan suara yang lunak dan sebagainya. Semua ini ditegah dalam agama kerana ia membawa kepada perbuatan yang haram. Ada sesetengah perbuatan yang tidak haram, tetapi ia boleh mendorong kepada perkara haram. Contohnya, duduk berdua dalam bilik tetapi tidak bersentuhan antara lelaki dan perempuan. Oleh kerana keadaan berdua-duaan itu di tempat yang sunyi ia tidak digalakkan dalam Islam. Kalau ia merupakan keperluan kerja, uruskanlah tempat kerja itu dengan cara yang baik supaya dapat mengelak daripada fitnah.

Berdua-duaan akan memudahkan hasutan dan bisikan syaitan. Sebagai contoh, janda atau duda, atau duduk berjauhan dengan isteri, atau ada masalah hubungan intim dengan pasangan yang halal, bersunyi dengan berlainan jantina boleh mencetuskan perlakuan zina. Perkara ini yang perlu dielakkan dan Islam menamakannya dengan *Sadd dal-Zarai'* iaitu menutup jalan yang membawa kepada haram.

Hal ini termasuklah khalwat iaitu berdua-duaan antara pasangan yang bukan mahram dalam keadaan pakaian yang tidak menutup aurat di tempat yang mencurigakan. Ia adalah haram berdasarkan ayat di atas dan bertepatan dengan kaedah fikah: *Apa- apa yang membawa kepada perkara haram maka ia juga turut haram.* Menurut enakmen Islam, perbuatan khalwat boleh diambil tindakan undang-undang dan dikenakan denda.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Perbuatan khalwat ini merupakan dosa awam yang perlu untuk diambil tindakan kerana sangat hampir kepada zina. Ia bukan perkara peribadi walaupun atas dasar suka sama suka kerana diri manusia bukan hak mutlak miliknya. Perbuatannya itu akan menyebabkan

1. Contoh yang tidak baik dalam masyarakat

Perbuatan khalwat ini merupakan amalan yang tidak baik dan sebelum khalwat itu berlaku, mungkin ada amalan yang tidak sopan seperti pergaulan bebas dan berdua-duaan di tempat awam sebelum berada di tempat yang sunyi. Kelakuan yang tidak sopan dan tidak bermoral ini akan menjadi teladan yang tidak baik kepada orang lain khususnya generasi muda. Walaupun ia perkara peribadi, tetapi implikasinya kepada masyarakat.

2. Mengandung luar nikah

Perbuatan khalwat tidak menolak kemungkinan membawa kepada mengandung anak luar nikah. Ada sesetengah pasangan yang terbabit dalam pembuangan bayi dan pembunuhan anak yang akan membawa kepada pencerobohan ke atas maqasid Islam iaitu *hifz al-nafs* (penjagaan nyawa). Bahkan perzinaan juga akan menyebabkan rosaknya maqasid Islam yang ke empat iaitu *hifz al-nasl* (menjaga keturunan). Walaupun ia perkara peribadi, tetapi implikasinya kepada masyarakat.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

3. Fitnah

Berdua-duaan di tempat yang sunyi dalam kalangan yang bukan mahram boleh menimbulkan fitnah. Ia boleh mencemarkan nama baik diri dan keluarga. Malahan, sekiranya mereka terlibat dengan zina, ia akan menyebabkan kandungan luar nikah. Ia akan menyebabkan masalah yang lebih besar kepada anak itu dan kepada pasangan itu, malahan kepada keluarga.

Membiarkan khalwat dengan alasan tidak mahu masuk campur dalam dosa peribadi hanyalah menggalakkan percambahan berlakunya kes zina dalam kalangan masyarakat. Ini akan membawa implikasi tidak baik kepada masyarakat dan berlaku normalisasi yang tidak selari dengan adat dan agama. Dakwaan khalwat merupakan dosa peribadi adalah tidak tepat, kerana ia akan membawa kerosakan kepada masyarakat. Justeru, menjadi kewajipan bagi penguat kuasa agama untuk mencegah kemungkaran ini dengan tatacara yang tertentu supaya menjadikan proses penguatkuasaan itu terbaik.



**Melakukan perkara yang haram suatu ketagihankerana ia
dihiasi oleh syaitan**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 11

Apakah Benar Alasan Geng Liberal “Saya Menuntut Hak” Dan “Tidak Ganggu Orang Lain”?

KERAGUAN: Sebagaimana mereka tidak menganggu orang lain, begitu juga orang lain tidak perlu menjadi *busy body* tentang urusan mereka. Kalau betul perbuatan itu salah sekali pun, mereka sanggup menanggung dosa itu.

Penjelasan

“Tidak menganggu orang lain” menjadi alasan sesetengah orang untuk melakukan amalan yang bercanggah dengan agama dan adat Melayu. Mereka mendakwa tiada sebab untuk meninggalkan amalan itu kerana ia tiada kaitan dengan orang lain. Apakah benar ukuran kebenaran berdasarkan kepada “tidak ganggu orang lain”?

Pertama: Islam menggalakkan seseorang itu melaksanakan makruf, malahan menyuruh melaksanakan perkara yang baik. Dalam masa yang sama, Islam milarang perkara mungkar dan menggalakkan manusia mencegah perkara yang mungkar.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Penentuan makruf dan mungkar itu berdasarkan kepada aturan daripada wahyu, bukannya daripada fikiran ahli agama. Mereka hanya menyampaikan sahaja apayang terdapat dalam al-Quran dan hadis. Biarpun perbuatan itu tidak menganggu orang lain, tetapi oleh kerana ia adalah maksiat menurut agama, maka ia patut ditegur dan dicegah.

Islam telah menyenaraikan perkara halal yang boleh dilakukan dan perkara haram yang tidak boleh dilakukan sebagai suatu peraturan yang membawa kesejahteraan kerana melanggar semua aturan ini akan membawa padah dan musibah kepada manusia. Dakwaan melakukan perkara yang haram sebagai hak yang perlu dihormati adalah dakwaan yang salah kerana siapalah manusia untuk menyanggah aturan daripada pencipta iaitu Allah. Namun, golongan liberal tidak dapat menerima perkara ini kerana mereka alergi dengan aturan wahyu yang mereka anggap sebagai orang luar yang memandai memaksa mereka melakukan sesuatu dan meninggalkan sesuatu.

Kedua: Islam meletakkan bahawa manusia sebagai khalifah yang diberi tanggungjawab dan amanah untuk menguruskan dunia ini dengan agama. Diri manusia bukan milik manusia tetapi ia sebagai pemegang amanah yang tidak boleh sesuka hati melakukan perkara mengikuti kemahuannya, tetapi mengikut aturan daripada Allah.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Kalau manusia memiliki sepenuhnya dirinya, manusia tidak akan lemah, tidak sakit dan tidak miskin kerana siapa yang mahukan sedemikian. Namun, realiti kehidupan manusia, ramai yang sakit, hidup susah dan melarat, buta dan pekak. Semua itu berlaku ditentukan oleh Allah di luar kehendak manusia. Ini bererti manusia itu lemah dan kehidupannya diatur oleh Allah.

Kalau manusia mampu mengawal sendiri perjalanan darah, sistem urat saraf, denyutan deria nadi dan sebagainya; Kalau manusia boleh mengetahui jumlah rambut dan bulu ke ningnya; Kalau manusiapasti nasibnya untuk hidup pada esok hari; - Manusia tidak perlu ikut aturan Allah. Realitinya, manusia tidak mampu dan tidak boleh menentukan semua itu. Perjalanan darah, deria nadi, tumbuh bulu dan rambut, malahan nasib hidup, semuanya ditentukan oleh Allah. Bagaimanakah dia berkeras mahu menentukan tindakan dalam kehidupan mengikut kehendak sendiri (kononnya itu haknya), dan tidak mengikut Allah?

Ketiga: Pernyataan “tidak ganggu orang lain” merupakan tuntutan kebebasan daripada ikatan mana-mana autoriti atas alasan hak asasi. Sebenarnya, tuntutan ini yang bersandarkan kepada logik yang salah kerana ia menuruti hawa nafsu yang tidak terbatas. Sungguhpun perbuatan itu nampak sepantas lalu tidak mengganggu orang lain, ia tetap menyumbang kepada kerosakan masyarakat.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sebagai contoh, perkara judi walaupun ia suka sama suka, tetapi ia akan membudayakan suatu budaya yang buruk dalam masyarakat. Begitu juga dengan zina dilakukan secara suka sama suka dan kononnya tidak menganggu orang lain. Ia akan membawa kepadakepincangan dalam sistem kekeluargaan akan menyumbang kepada kerosakan sistem nilai dalam masyarakat. Berjudi dan berzina pada hari ini tidak semestinya mencetuskan kerosakan pada esok hari. Kesannya akan berlaku pada jangka masa panjang dan separapanjang. Hujah tidak mengganggu orang lain ialah alasan palsu sahajakerana mereka sebenarnya mahu mengikut keinginan dan hawa nafsu.

Pada hakikatnya, golongan liberal tidak mahu sebarang ikatanyang berasaskan kepada agama, tetapi (kononnya) mereka boleh menerima alasan yang berasaskan kepada logik dan rasional. Allah berfirman:

أَفَرَيْتَ مَنِ امْكَنَ إِلَهُ هُوَنْ وَأَضَلَّ اللَّهَ عَلَىٰ عَلِيهِ وَخَتَّرَ عَلَىٰ سَمْعِهِ وَقَلْبِهِ وَجَعَلَ عَلَىٰ
بَصَرِهِ غَشْوَةً فَمَنْ يَهْدِيهِ مِنْ بَعْدِ اللَّهِ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ

Maksudnya: Bagaimana fikiranmu (wahai Muhammad) terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai Tuhan. Dia disesatkan oleh Allah kerana diketahuinya (bahawa dia tetap kufur ingkar) dan ditutup pula pendengarannya dan hatinya serta diadakan lapisan penutup atas penglihatannya?

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

Maka siapakah lagi yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadanya sesudah Allah (menjadikannya demikian)? Oleh itu, mengapa kamu semua tidak ingat dan insaf? (al- Jathiyah: 23)



**Syaitan menyesatkan manusia dengan
mengemukakan idea yang kononnya logik, tetapi menyesatkan.**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 12

Wajarkah Ketetapan Agama Diangkat Sebagai Undang-Undang?

KERAGUAN: Menggubal undang-undang yang berasaskan kepada agama bagaikan memaksa hukum agama ke atas orang lain. Agama seharusnya menjadi perkara peribadi kerana paksaan menjadikan seseorang itu melaksanakan hukum agama tidak ikhlas, tetapi dipaksa.

Penjelasan

Sesebuah negara perlu mempunyai peraturan dan undang-undang yang memandu dan mengawal perjalanan hidup manusia dalam sesebuah negara. Peraturan ialah suatu panduan yang tidak dikaitkan dengan hukuman apabila melanggarinya, manakala undang-undang pula apabila ia mempunyai hukuman dan sistem yang menjatuhkan hukuman berkenaan. Apabila sesuatu ketetapan diangkat menjadi undang-undang, ia merupakan perkara yang perlu dipatuhi oleh semua pihak.

Ia berbeza dengan panduan agama, yang merupakan suatu ketetapan dan kewajipan yang perlu dipatuhi manakala melanggarinya merupakan suatu dosa dan kesalahan di sisi Allah.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Di sini terletak suatu mekanisme dalam agama untuk melahirkan pengikut yang mempunyai kejujuran dan keikhlasan dalam melakukan amalan. Biarpun Allah tidak dilihat, tetapi disebabkan takut kepada kemurkaan Allah dia berlaku jujur terhadap dirinya sendiri. Takut kepada Allah bukan bererti menjauhkan atau melarikan diri tetapi mendekatkan diri kepada Allah. Takut di sini dengan maksud cinta dan sayang.

Sekiranya ada pelanggaran ke atas peraturan agama, kesalahan ini biasanya tidak diambil tindakan menerusi saluran undang-undang. Ia memerlukan kepada nasihat, teguran, bimbingan dan ajakan. Walau bagaimanapun, ada kesalahan yang perlu diambil tindakan dan dikawal menerusi undang-undang kerana khuatir ia membawa kepadasatu perkara yang tidak baik kepada masyarakat. Ia tidak boleh dianggap paksaan kerana kerajaan perlu berperanan untuk mengawal masyarakat dengan nilai tertentu untuk menjaga kebijakan dan kepentingan semua pihak.

Sebagai contoh, minum arak dan berjudi merupakan perbuatan dosa yang mempunyai impak kepada masyarakat. Sekiranya seseorang itu minum dalam keadaan tertutup pun, tetapi selepas itu ia memandu kenderaan tentunya ia akan membawa mudarat kepada orang ramai. Allah berfirman:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْحُمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنَصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ
فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) daripada perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.”

(al-Maidah: 90)

Begitu juga dalam soal pakaian yang menjolok mata. Ia dianggap sebagai suatu perbuatan yang menyalahi norma masyarakat timur. Sebelum ia menjadi norma buruk yang diterima, kawalan perludibuat seperti memastikan pelanggan ke pejabat kerajaan mempunyai kod etika pakaian yang tertentu. Mungkin tidak wajar untuk melaksanakan undang-undang pakaian menutup aurat di seluruh Malaysia, tetapi menetapkan etika yang tertentu dan di tempat yang tertentu boleh dilaksanakan. Di samping itu, kempen galakan dan nasihat perlu dibuat dan diteruskan agar masyarakat mempunyai nilai yang tertentu dalam berpakaian khususnya di tempat awam.

Walau bagaimanapun, bagi golongan liberal, menguatkuasakan ketetapan agama menerusi undang-undang dianggap sebagai memaksa seseorang menurut perintah agama secara paksaan. Mereka menganggap ini sebagai polis moral yang bertindak menjaga kesalahan dosa manusia sedangkan perkara dosa hanyalah kepercayaan sahaja, bukannya suatu jenayah yang mengganggu orang lain.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Bagi Islam, kawalan moral bukanlah semua dilakukan dengan undang-undang, tetapi dalam kes tertentu ia wajar untuk dikawal.



**Semua perkara yang Allah haramkan
membawa keburukan kepada manusia**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 13

Banyak Hukum Islam Yang Non-Muslim Telah Guna, Kenapa Masalah Dengan Hudud?

KERAGUAN: Hukum hudud akan memberikan ketidakselesaan kepada non-Muslim. Perjuangan RUU355 ini akhirnya akan membawa kepada pelaksanaan hudud dilaksanakan untuk semua rakyat Malaysia.

Penjelasan

Terdapat banyak kekeliruan berlaku tentang Hudud yang disebarluaskan secara sengaja ataupun tidak untuk memberikan gambaran buruk kepadanya. Sebenarnya, ia adalah sebahagian daripada hukum Islam yang tidak perlu dianggap sebagai suatu yang negatif kerana terdapat banyak hukum Islam dilaksanakan dengan baik dan boleh diterima oleh semua masyarakat di Malaysia termasuklah non- Muslim. Antaranya:

- 1- Bank Islam dan bank patuh syariah. Pengurusan kewangan yang bebas riba merupakan hukum Islam dalam muamalat. Setelah 30 tahun ia dilaksanakan di Malaysia, ia diterima dengan baik, malahan sangat ramai non-Muslim menggunakan khidmat perbankan Islam.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

- 2-** Berkhatan. Ia telah diterima sebagai cara untuk menjamin kesihatan lelaki, malah ia menambah keenakan dalam hubungan suami isteri. Bukan sekadar orang Islam berkhatan, tetapi juga non- Muslim pun berkhatan.
- 3-** Mewujudkan koc komuter khusus untuk wanita. Sejak dahulu lagi, Islam menginginkan hubungan lelaki dan perempuan ada sedikit batasan. Ia bukan berbentuk diskriminasi tetapi ia adalah untuk menjaga kesejahteraan semua pihak. Rakyat Malaysia selesa apabila ada koc yang khusus untuk perempuan sahaja bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini. Sebenarnya, pemisahan ini selari dengankehendak Islam kerana boleh mengelakkan fitnah dan perkara yang buruk.
- 4-** Sembelihan haiwan. Ia merupakan cara yang terbaik untuk mematikan haiwan kerana ia mempercepatkan darah cepat keluar daripada haiwan yang disembelih. Dengan ini daging akan lebih sihat kerana memakan darah bukanlah suatu yang baik daripada sudut kesihatan. Sembelihan bukan sahaja diterima oleh orang Islam, tetapi juga oleh non-Muslim.

Empat contoh di atas merupakan antara hukum Islam yang telah diterima oleh non-Muslim kerana semua itu perkara yang membawa kemaslahatan kepada manusia. Sekiranya hukum Islam membawa kesejahteraan kepada masyarakat, kenapa tidak boleh menerima hukum hudud?

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Tidak Wajar Menakutkan Orang bukan Islam

“Mahukah anda berada di bawah hukum agama?” Ini di antara kata-kata yang berunsur hasutan yang diajukan kepada orang bukan Islam untuk menakutkan mereka dengan hudud. Isu ini dimainkan bagimemastikan orang bukan Islam tidak menyokong sebarang usaha yang berjuang untuk melaksanakan Hudud. Bagi orang Islam sepatutnya berlapang dada dan menerima secara positif hukum Islam termasuklah hukum jenayah Islam, bukannya menakutkan orang bukan Islam.

Bagi pejuang undang-undang jenayah Islam, orang bukan Islam tidak perlu risau kerana pelaksanaannya pada masa kini hanya untuk orang Islam sahaja. Sebaliknya, geng penentang hukum Islam berkata memanglah buat masa ini, enakmen yang diluluskan di Kelantan dan Terengganu itu hanya untuk orang Islam sahaja, tetapi lama kelamaan ia akan dilaksanakan di seluruh negara termasuk non-Muslim. Jika diluluskan RUU355 ia akan memberikan kuasa kepada DUN untuk menaikkan taraf kepada Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman lebih daripada 356. Secara tidak langsung ia boleh mendekati pelaksanaan sebahagian hukum hudud yang akan memberikan ketidakselesaan kepada orang bukan Islam dan RUU355 perlu ditolak dan tidak sesuai untuk semua rakyat Malaysia.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sebenarnya, Hukum Islam yang dikenali dengan *Islamic Laws*(dalam Bahasa Inggeris) dan undang-undang Islam (dalam Bahasa Melayu) bukanlah setakat undang-undang jenayah Islam seperti hudud. Ia meliputi hukum yang berkaitan yang hubungan dengan Allah iaitu ibadat, yang berkaitan dengan urusan perniagaan dan pertukaran iaitu muamalat, yang berkaitan dengan perkahwinan dan penjagaan anak isteri iaitu munakahat, dan yang berkaitan dengan jenayah dan kesalahan tingkah laku manusia iaitu jinayat. Orang bukan Islam tidak berkait dengan ibadat dan munakahat kerana memerlukan syarat Islam tetapi boleh berkait dengan muamalat dan jinayat kerana ia tidak memerlukan syarat Islam.

Islam membawa nilai yang universal untuk semua manusia. Apa yang dilihat sebagai sempit dan menyusahkan, ia hanyalah berlawanan dengan keinginan manusia dan bertentangan dengan manusia yang alergi dengan agama. Doktor yang menyuruh pesakit kencing manis memotong kakinya bukan untuk menyeksa pesakit,tetapi membawa rahmat kepada pesakit.



Islam agama rahmat untuk manusia

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

SOAL JAWAB 14

Sejauh Manakah Dibenarkan Berfikir Kritis Dan Rasional Dalam Islam?

KERAGUAN: Terdapat banyak perkara dalam Islam yang hanya perlu untuk diikut sahaja tanpa diberikan penjelasan yang boleh diterima akal. Ini yang menyebabkan sebahagian dari hukum Islam susah untuk diterima.

Penjelasan

Dalam Islam, berakal merupakan syarat utama kepada pertanggungjawaban sebagai seorang Muslim. Orang gila tidak diwajibkan solat dan orang yang pitam juga tidak diwajibkan solat. Lebih daripada itu, Islam menggalakkan penggunaan akal yang maksimum supaya dapat berfikir secara waras dan rasional. Oleh sebab itu, tiga hukum akal iaitu ‘wajib, mustahil dan harus’ diperkenalkan ketika awal pembelajaran ilmu aqidah. Pembelajaran akidah yang tidak menggunakan logik boleh membawa manusia menjadi pengikut yang buta, dan tidak mampu memberikan penjelasan kenapa dia beriman dengan Allah, malaikat dan lain-lain.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Lebih daripada itu, pelaksanaan hukum hakam Islam seperti solat dan puasa bertitik tolak daripada menjawab persoalan “kenapa aku perlu solat dan puasa?”. Sekiranya dia tidak dapat menjawab persoalan ini, maka tiada sebab bagi dia untuk menjadi seorang yang komited dengan ibadat kerana ia melakukan sesuatu perkara secara ikut-ikutan sahaja. Walau bagaimanapun dalam usaha untuk mendidik manusia sifat perhambaan dalam diri manusia, terdapat beberapa hukum yang tiada diberikan sebarang sebab. Sebagai contoh, kenapa perlu membasuh muka dalam berwuduk sedangkan tempat keluar angin dari dubur. Begitu juga, kenapa tidak boleh menukar jantina, kerana yang dibuang itu adalah kemaluan sendiri, bukan kemaluan ustaz.

Berfikir merupakan aktiviti yang amat digalakkan, malah berfikir secara rasional dan kritis akan membawa kepada kemajuan dalam masyarakat. Namun, apabila manusia digesa untuk berfikir, sejauh manakah manusia diberikan ruang kebebasan untuk berfikir? Terdapat dua contoh berfikir kritis dalam al-Quran yang boleh dijadikan landasan kepada manusia untuk berfikir iaitu kisah Iblis dan Nabi Ibrahim. Iblis merupakan tokoh rasionalis yang kufur apabila beliau bukan sekadar kritis tetapi mempertikaikan perintah Allah yang telah memerintahkannya sujud kepada Adam. Allah berfirman:

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

وَإِذْ قُنْتَنَا لِلْمَكَّةِ كَثَةً أَسْجَدُوا لِأَدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ قَالَ إِنَّمَا أَسْجُدُ لِمَنْ
خَلَقَ طَيْنًا ﴿٦﴾ قَالَ أَرَأَيْتَكَ هَذَا الَّذِي كَرَّمْتَ عَلَيْهِ لِئَنْ أَخَرْتَنِي إِلَى يَوْمِ
الْقِيَامَةِ لَا أَحْتَمْكَنَّ دُرْيَتُهُ وَإِلَّا قَلِيلًا

Maksudnya: Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami berfirman kepada malaikat: “Sujudlah kamu kepada Adam”; maka mereka sujudlah melainkan iblis; ia berkata: “Patutkah aku sujud kepada (makhluk) yang Engkau jadikan dari tanah (yang di adun)?” Ia berkata lagi: “Khabarkanlah kepadaku, inikah orangnya yang Engkau muliakan mengatasiku? Jika Engkau beri tempoh kepadaku hingga hari kiamat, tentulah aku akan memancing menyesatkan zuriat keturunannya, kecuali sedikit (di antaranya)”. (al-Isra’: 61-62)

Iblis mendakwa, “إِنَّمَا أَسْجُدُ” yang bermaksud adakah patut/wajar/ logik untuk dia sujud kepada Adam kerana penciptaannya lebih hebat daripada Adam. Iblis diciptakan daripada api sedangkan Adam dicipta daripada tanah. Logikkah kejadian api sujud kepada tanah kerana kedudukan tanah lebih rendah berbanding api.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Pertanyaan yang kritis ini bukan bertujuan untuk mencari kebenaran, atau mendapatkan kaedah dan cara untuk beramal, tetapi lebih untuk menunjukkan sompong, keingkaran, keenggan dan rasa besar diri di hadapan Allah. Di atas ciptaan yang hebat itu, dia berasa dirinya yang hebat dan tidak wajar untuk tunduk pada perintah Allah. Adakah kita mahu kritis seperti Iblis?

Contoh berfikir kritis yang terbaik ialah Nabi Ibrahim seperti yang bertanya tentang cara Allah menghidupkan orang mati. Allah berfirman:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ أَرْنِي كَيْفَ تُحْيِي الْمَوْتَىٰ قَالَ أُولَئِكُمْ لَا يَعْمَلُونَ قَالَ بَلَىٰ وَلَكِنْ لَيَطْمَئِنُّ قَلْبِي قَالَ فَخُذْ أَرْبَعَةَ مِنَ الظَّيْرِ فَصُرْهُنَّ إِلَيَّكَ ثُمَّ أُجْعَلُ عَلَىٰ كُلِّ
جَبَلٍ مِنْهُنَّ جُرْعًا ثُمَّ اذْعُهُنَّ يَا تَبَّانِكَ سَعِيًّا وَأَعْمَمُ أَنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berkata: "Wahai Tuhanmu! Perlihatkanlah kepadaku bagaimana Engkau menghidupkan makhluk yang mati?" Allah berfirman: "Adakah engkau belum percaya (kepada kekuasaanku)?" Nabi Ibrahim menjawab: "Bahkan (aku percaya dan yakin), akan tetapi (aku memohon yang demikian ialah) supaya hatiku tenteram".

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Allah berfirman: "(Jika demikian), ambil empat ekor burung, kemudian kumpulkanlah olehmu (dan cincanglah semuanya). Setelah itu letakkanlah di atas tiap-tiap sebuah bukit sebahagian daripadanya. Kemudian serulah burung-burung itu nescaya semuanya akan datangkepadamu dengan segera". Dan ketahuilah sesungguhnya Allah MahaKuasa, lagi Maha Bijaksana. (al-Baqarah: 260).

Allah mempersoalkan sifat kritis nabi Ibrahim itu kerana seolah-olah baginda tidak mempercayai kekuasaan Allah. Bagaimana seorang Rasul boleh bertanya tentang itu? Sikap baginda yang kritis ini bukan bertujuan untuk tidak beramal, jauh sekali untuk mempertikaikan kemampuan Allah tetapi lebih untuk menambahkan lagi keyakinan kepada kekuasaan Allah.

Ini bermakna kritis menerusi cara yang ditunjukkan oleh Nabi Ibrahim ini ada asasnya dalam Islam iaitu untuk mencari kebenaran. Oleh sebab itu, baginda telah mendapat petunjuk daripada Allah ketika baginda berfikir siapakah tuhan yang sebenar, sama ada bintang, bulan dan matahari? Dia menggunakan logik akalnya untuk berfikir tentang ketuhanan kerana baginya tuhan mestilah hebat dan berkuasa. Apabila bintang, bulan dan matahari semuanya gagal mencapai tahap kehebatan biarpun sebesar matahari pun ada kelemahan, tentunya ada pencipta di sebalik ciptaan ini.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sifat kritis nabi Ibrahim ini yang bertujuan mencari kebenaran akhirnya ditemukan Allah dengan kebenaran. Sebaliknya, sikap kritis melampau yang ditunjukkan oleh Iblis yang bertujuan untuk menunjukkan besar diri dan bukan mencari kebenaran, akhirnya bertemu dengan kekufuran.

Islam memberikan ruang kepada manusia untuk berfikir tetapi dalam masa yang sama ia tidak boleh untuk mempertikaikan hukum hakam dengan tujuan untuk mengelak dan beralasan, malah untuk menunjukkan lebih cerdik dari Allah. Sebagai panduan ringkas, batasan manusia dalam berfikir seperti berikut:

1. Berfikir tidak boleh bercanggah dengan perkara asas yang telah ditetapkan dalam Islam.

Contoh: Tidak boleh berfikir kritis yang mempertikaikan “kefarduan solat lima waktu” kerana ia perkara sangat asas dalam agama.

2. Berfikir tidak boleh bercanggah dengan zahir nas

Contoh: Tidak boleh berfikir kritis yang menghasilkan keputusan “riba halal” atas alasan membantu manusia kerana pengharaman riba disebut dengan jelas dalam al-Quran.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

3. Tidak boleh berfikiran kritis untuk mencari alasan dan sebab dalam perkara ibadat*

Contoh: Berfikir kenapa solat lima waktu, kenapa tidak enam waktu.

4. Tidak boleh berfikir tentang identiti tuhan

Contoh: Bagaimanakah rupa paras Allah

*ibadat yang dimaksudkan disini ialah ibadat *mahdah* iaitu yang berkaitan sepenuhnya dengan Allah. Adapun yang ada kaitan dengan manusia seperti zakat, maka ada ruang untuk merasionalkan hukum di situ.



**Berfikiran kritis itu bagus,
tetapi berkritis dalam semua perkara itu kebodohan**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 15

Mengapa Ulama Dituduh Mengongkong Pemikiran Orang Islam?

KERAGUAN: Golongan ulama dilihat sukar untuk meraikan ‘*second opinion*’ dalam pentafsiran sumber-sumber Islam? Mereka tidak meraikan realiti masyarakat yang telah pun berbeza dan banyak berubah dari zaman ke zaman. Ini termasuklah gagal memahami psikologi manusia dan lebih suka meletakkan hukum.

Penjelasan

Setiap satu perkara mestilah dijalankan berdasarkan kepada metode dan sistemnya yang betul. Ia mestilah dilaksanakan oleh mereka yang layak dalam bidang masing-masing. Sebagaimana pembedahan mestilah dilakukan oleh pakar dalam bidangnya, tafsiran terhadap nas al-Quran dan Hadis pun mestilah dilakukan oleh pakar yang ahli dalam bidang ini berdasarkan kepada metodologi yang ditetapkan.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Dalam Islam, tafsiran terhadap sumber hukum dilakukan secara beramanah oleh mereka yang berkelayakan. Orang yang tidak layak, tiada mempunyai autoriti dalam mengeluarkan hukum walaupun hukum yang diberikan itu betul kerana dikhawatir hukum yang diberikan itu salah dan menyesatkan. Manakala, orang yang layak mengeluarkan hukum pula terikat dengan amanah ilmu supaya mengeluarkan hukum dengan betul dan tepat. Andainya hukum yang diberikan itu menyalahi metode dan prinsipnya, pandangannya itu ditolak.

Memang terdapat pelbagai pandangan yang dikeluarkan dalam sesuatu isu dan kadang-kadang ia bertentangan antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, semua pandangan ini harus diterima sekiranya tidak menyalahi zahir nas dan ijmak ulama. Namun dalam memilih manakah satu untuk diamalkan, perlu memilih pandangan yang paling tepat. Sekiranya boleh digabungkan pandangan itu lagi baik. Di sini, Islam mempunyai kaedah tersendiri untuk mengeluarkan hukum yang dipelajari dalam disiplin ilmu usul fiqh. Para ulama telah menyusun ilmu ini dan ulama dalam bidang tauhid dan pemikiran, fiqh dan tasawuf telah membangunkan disiplin ilmu masing-masing berdasarkan kepada usul fiqh. Ringkasnya, hukum dikeluarkan berdasarkan kepada metodenya yang tersendiri bukan dibuat secara semberono.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Oleh yang demikian, Islam menolak pandangan mereka yang menggunakan metode yang salah dalam mengeluarkan hukum. Ia bukan masalah ulama tidak berlapang dada dengan pandangan yang kedua dan tidak meraikan perbezaan pandangan, tetapi penggunaan metodologi yang salah akan membawa kesalahan besar dalam agama. Sebagai contoh, hujah mengatakan bahawa boleh menggantikan hukum potong tangan dengan penjara kerana matlamat kedua-dua hukum itu ialah untuk menghalang kecurian. Hujah ini tidak dapat diterima dalam Islam kerana perintah potong itu jelas dalam al-Qurandan tidak boleh digantikan dengan perkara lain apabila sabit hukuman.

Walaupun Islam tegas dalam soal hukum, Islam tetap meraikan kepelbagaian pandangan. Buktinya ialah kewujudan banyak mazhab Fiqh dalam Islam yang berbeza pandangan dalam masalah Fiqh. Mereka berbeza tafsiran terhadap sumber Islam tetapi mereka semua mematuhi metode yang ditetapkan dalam pengeluaran hukum. Dengan ini, banyak mazhab fiqh tetapi tidak banyak mazhab dalam isu akidah.

Begitu juga, Islam menolak tafsiran berdasarkan kepada kaedah hermeneutik yang biasanya digunakan dalam mentafsirkan Bible. Kaedah ini menetapkan bahawa proses interpretasi terhadap nas atau teks berdasarkan kepada tiga ruang lingkup analisis iaitu; kritik sejarah, estetika dan praktik. Dalam erti kata lain, ruang analisisini hanya bergantung kepada kedalaman akal manusia mengolahnya.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Golongan liberal yang berpegang dengan kaedah hermaneutik ini mempercayai bahawa al-Quran hanya sekadar produk budaya daripada bangsa Arab. Susulan daripada sikap itu, syariah dianggap sebagai ciptaan para ulama yang boleh dirombak (rekonstruksi) sesuka hati dengan mempromosikan memberikan pendapat walaupun tanpa sebarang kelayakan. Mereka menganggap pandangan ulama boleh dicabar dan dipertikaikan. Ini selari dengan pandangan orientalis seperti Ignaz Goldziher, Joseph Schacht dan NJ Culson yang sekian lama mendakwahkan syariat Islam sebagai legasi ciptaan fuqaha zaman silam dan kononnya hanya disusun selepas kewafatan Rasulullah SAW semasa era Umayyah dan Abbasiyah.

Golongan liberal mengagungkan logik akal dalam mengukur kebenaran. Manakala Islam menerima akal tetapi logik yang dikemukakan oleh akal itu tidak boleh mengatasi nas. Ini bukan disebabkan Islam itu tidak terbuka, tetapi perlu akur dengan bidang ilmu. Sebagaimana, kita meletakkan kepercayaan kepada doktor untuk membuat pembedahan, begitu juga kita mempercayai ulama dengan disiplin ilmu yang ada pada mereka. Benar, para ulama tidak maksum, tetapi itu bukan tiket untuk menolak semua pandangan mereka dan menafikan kelayakan mereka.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Golongan liberal mendakwa geng ulama menyebabkan agama Islam disifatkan sebagai suka mengikat, mengongkong, jumud dan mencantas kemajuan. Pada hakikatnya, dakwaan mereka itu dibuat kerana mereka tidak mahu kepada metodologi khusus yang mentafsirkan nas dan tidak suka kepada ulama yang berpegang dengan metode ini dalam mengeluarkan hukum. Mereka menolak autoriti ulama dan mendakwa ulama tidak boleh monopoli tafsiran sebagai hujah untuk membolehkan mereka membuat tafsiran bebas dan liar terhadap nas al-Quran dan Hadis.

Ringkasnya, sumber perundangan Islam mestilah ditafsirkan berdasarkan kepada kaedah yang ditetapkan dalam metodologi fiqh. Mana-mana tafsiran yang tidak mengikuti kaedah ini akan membawa kepada natijah yang salah. Oleh sebab itu, penolakan ulama terhadap pandangan kedua bukan disebabkan oleh sikap yang tidak mahu meraikan perbezaan pandangan, tetapi penggunaan metode yang salah.



**Setiap ilmu itu ada tatacaranya,
bukan dibuat secara semberono**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 16

Kenapa Generasi Baharu Cepat Bosan Terhadap Agama Dan Tradisi Melayu?

KERAGUAN: Agama selalunya mengarah kita melakukan amalan secara paksaan dan tiada suatu yang baharu dari agama. Amalan yang dilakukan adalah stereotype dan membosankan kerana tidak menggalakkan berfikir. Ia termasuklah tradisi bangsa yang pengamalannya terpaksa mengeluarkan kos tanpa sebab yang munasabah.

Penjelasan

Generasi baharu terdiri daripada gen Y, gen Z dan gen alpha. Setiap satu generasi ini lahir pada zaman yang berbeza dan mempunyai nilai hidup yang berbeza antara satu sama lain. Menurut para pengkaji, lagiterkini sesebuah generasi, lagi mereka mempunyai sikap yang menolak terhadap autoriti dan tradisi. Mereka tidak suka dikongkong dengan suatu aturan cara hidup dan mahu kepada kebebasan. Apa- apa aturan yang dianggap sebagai mengongkong seperti agama, tradisi dan autoriti, semuanya ditentang. Sekurang-kurangnya, tidak digemari dan dicemuh.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Kecenderungan generasi baharu kepada kebebasan dan menolak tradisi ini telah menjadi rahsia umum kerana mereka merupakan generasi Internet yang telah mengajar mereka erti kebebasan. Tiada halangan dan larangan bila berada dalam duniamaya kerana mereka boleh capai dan bebas berinteraksi dengan siapa sahaja tanpa halangan. Sebagai contoh, ketika menggunakan Waze sebagai panduan Global Positioning System (GPS), pengguna bebas untuk mencari mana-mana destinasi dan tidak pula dimarahi apabila menyalahi panduan yang diberikan oleh Waze. Sekiranya menyalahi atau tersilap, Waze terus mencari jalan yang betul semula.

Dalam dunia realiti, kita tidak boleh buat semua perkara mengikutkehendak kita kerana terdapat aturan, sekatan dan halangan. Ini berbeza dengan alam maya di mana semua sekatan dan halangan itu menjadi cair. Semua perkara boleh diwujudkan, diklonkan dan dicari menerusi teknologi terkini. Tiada yang mustahil. Inilah konsep kebebasan yang diajar oleh media baharu yang membentuk pemikiran bawah sedar (*unconscious mind*). Kebebasan bukanlah dibuat-buat sehingga mereka perlu dimarahi untuk berubah, tetapi ia merupakan perkara yang telah menjadi semula jadi dalam diri mereka. Ia bukanlah salah acuan pendidikan di rumah atau di sekolah, tetapi itulah didikan yang mereka terima daripada Internet dan media baharu yang lebih berkesan.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

Agama membosankan?

Agama mengikat segala tingkah laku manusia kerana agama mempunyai autoriti. Oleh kerana agama dianggap sebagai mengongkong, agama juga dianggap sebagai sesuatu yang membosankan dan menyusahkan. Mereka mahu agama dilaksanakan secara santai dan tidak memaksa. Topik perbincangan dalam agama seperti dakwah, tarbiyyah, hukum hakam, apatah lagi pengorbanan, dianggap sebagai benda lama yang mereka sudah dengar sejak di sekolah tadika lagi. Mereka mahu yang baharu, inovasi, pandangan yang progresif dan kritis, bukan permusuhan atas nama agama. Semua ini selari dengan aliran liberal yang suka mencabar tradisi dan amalan agama atas nama kebebasan.

Begitu juga, mereka tidak berapa suka dengan adat tradisi yang juga mengongkong tindakan sedangkan tradisi adalah adat yang telah lama diamalkan oleh sesebuah masyarakat. Namun generasi baharu bagaikan tidak menghargai aturan agama dan ketetapan tradisi kerana mereka mahukan gaya hidup bebas dan tidak terikat dengan mana-mana pihak. Mereka mahu yang baharu, sensasi, teruja, moden dan ada kelainan. Mereka mahu diraikan pandangan, pendapat, hak dan keinginan mereka. Yang lama, tradisional, lambat, garang, kasardan bengis, semua ni membosankan.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Memang pembaharuan tidak dapat dielak daripada kebebasan, kelainan dan sensasi. Apabila ada pembaharuan, ia memaksa perubahan dari zon selesa kepada zon baharu yang berdepan dengan pelbagai kemungkinan. Apa yang pasti, mereka keberatan mengikut ketetapan autoriti dan amalan tradisi, tetapi lebih suka mengikut kemauhan isi hati dan keinginan rasa nafsu. Apabila mereka mula sikap ingin lolos daripada ikatan tradisi Melayu dan panduan agama, maka jarum liberalisme bermula.

Cuba lihat, apabila anak-anak bermain game dan berfacebook, bila dipanggil telinga mereka bagaikan tidak lagi mendengar kata-kata orang lain. Panggilan emak pun sudah tidak dengar. Orang sebelah pun tidak dihiraukan. Betul-betul fokus dan berada dalam dunia mereka sendiri yang dinamakan dengan dunia siber. Inilah nilai baharu yang ditanam kepada generasi baharu. Mementingkan interaksi dengan teknologi dan alam siber berbanding dengan yang lain. Mementingkan kebebasan dan menentang autoriti dan paksaan.

Selain itu, ada kemungkinan kebosanan itu disebabkan pendekatan agama dan tradisi yang tidak sesuai dengan jiwa generasi baharu. Dengan didikan teknologi komunikasi secara tidak langsung, mereka menuntut semua perkara menjadi cepat dan segera, bosan kalau lambat dan kalau tiada yang baharu. Tak mainlah teh tarik dan nasi dagang kerana itu *old taste*. Pilihan mereka ialah *fast food*, *cool blog*, makaroni cheese, cabonara dan *western food*.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sementara media baharu sudah berada di tangan, mereka juga tidak segan dan tiada sebarang halangan untuk membuat komen dan bercakap tentang apa sahaja yang mereka mahu. Apabila ikut suka hati dan ikut suka mulut, maka gaya bahasa pun sudah jauh berbeza dan ada kelainan dengan nilai bahasa yang diamalkan. Bahasa keras, kasar, maki hamun, sinis, sarkastik dan sebagainya adalah gaya yang mereka amalkan. Tidak kurang pula, yang pandai cakap, komen dan poyo, tetapi tidak pandai buat. Ini semua adalah sebahagian kesan secara tidak langsung daripada Internet dan media baharu yang telah banyak mengubah nilai masyarakat.

Ringkasnya, kita perlu memahami tabiat generasi baharu yang telah berubah sangat banyak. Generasi lama tidak boleh merungut dengan generasi baharu ni jadi semakin pelik dan aneh, tetapi perlu memahami punca mereka jadi begitu. Dengan ini, kita tidak akan tertekan dan akan dapat memahami cara untuk mendekati mereka.



Perubahan generasi baharu 10 kali ganda dari generasi lama

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 17

Apakah Perbezaan Antara Tuntutan Hak Asasi Dan Desakan Keinginan?

KERAGUAN: Saya nak tukar jantina. Ikut suka sayalah. Ini hak saya, lagi pun saya tidak ganggu orang lain.

Penjelasan

Kebelakangan ini, ramai yang bercakap tentang hak tanpa menyedari bahawa dimanakah sempadan antara hak dan keinginan. Memang ada sesetengah perkara yang dianggap sebagai hak asasi, tetapi sebenarnya ia merupakan keinginan hawa nafsu sahaja yang sememangnya tidak terbatas. Kalau dituruti semua keinginan manusia, segunung emas pun tidak memadai untuk memenuhi semua keinginan manusia.

Masalahnya ialah ramai yang memperjuangkan keinginan tetapi mereka menamakannya sebagai hak kerana terikut dengan tuntutan nafsu. Mereka menyangka bahawa:

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

- berjudi itu adalah hak asasi mereka untuk berhibur
- minum arak itu adalah hak asasi mereka untuk ketenangan
- berzina itu adalah hak asasi mereka untuk kepuasan
- menukar jantina itu adalah hak asasi mereka untuk rasa jatidiri
- membuka aurat itu adalah hak asasi mereka untuk berhias

Apakah benar semua itu hak asasi atau itu hanyalah keinginan manusia? Sebenarnya, manusia memerlukan kepada sempadan yang tertentu bagi memisahkan hak dan keinginan untuk mengelakkan kekeliruan yang akhirnya dia mempertuhankan keinginan. Penentuan sempadan ini memerlukan kepada agama kerana hukum dan prinsip yang ditentukan itu berdasarkan kepada nilai universal yang sesuai untuk menjaga kepentingan semua manusia. Hukum yang ditentukan itu bebas dari pengaruh manusia kerana ia adalah *beyond* manusia. Dengan kata lain, agama dan iman dalam hati bagaikan tali yang mengawal nafsu manusia yang liar.

Memang keinginan (nafsu) sangat penting dalam kehidupan manusia kerana ia mendorong manusia melakukan aktiviti dalam kehidupan. Tanpa keinginan, manusia tidak beranak pinak, tidak makan dan tidak boleh meneruskan kehidupan. Secara tidak langsung manusia perlu mengikuti tuntutan nafsunya bagi kelangsungan hidupnya. Namun, keinginan perlu dikawal, bukan dilepaskan mengikut kehendaknya. Apatah lagi dianggap sebagai hak yang mestilah diperoleh.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sekiranya manusia mengikuti jejak nafsunya tanpa kawalan, ia bagaikan lembu dan kerbau mengikuti nafsu makan siang dan malam. Manusia bukan lembu dan bukan juga kerbau kerana Allah mengurniakan akal kepada manusia. Manusia yang baik ialah mereka yang mengawal perjalanan hidupnya dengan iman. Jadikan iman bagai seutas tali kerbau yang mengikat hidung kerbau dan mengawalnya walaupun kerbau besar dan liar. Manusia yang baik berani berkata **TIDAK** kepada sebahagian keinginan manusia.


Allah menjadikan manusia dilengkapi dengan akal dan nafsu untuk membolehkannya hidup dengan sempurna. Dengan akal, manusia boleh berfikir; manakala dengan nafsu, manusia boleh menikmati kehidupan. Kedua aspek ini perlu diseimbangkan dan diselaraskan dengan tuntutan agama namun ramai manusia yang terbabas sehingga menuruti semua keinginan nafsunya. Bahkan, keinginan itu bukan sekadar perkara yang boleh ditolak ansur tetapi sebagai suatu hak yang mesti diperoleh dan perlu dituntut.

Hak dari sudut bahasa dalam bahasa Arab bererti kebenaran. Dalam Islam, kebenaran yang mutlak itu datang dari Allah tetapi kalau dari manusia, ia akan dipengaruhi oleh kepentingan masing-masing. Alangkah baiknya bagi manusia untuk menjadikan hawa nafsu dan keinginannya selaras dengan tuntutan Allah sebagaimana firman Allah:

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

يَأَيُّهَا الْلَّٰهِنَءَامِنُوا إِن تَتَّقُوا اللَّٰهَ يَجْعَل لَكُمْ فُرْقَانًا وَيُكَفِّرَ عَنْكُمْ
سَيِّئَاتُكُمْ وَيَغْفِرَ لَكُمْ وَاللَّٰهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman! Jika kamu bertakwa kepada Allah, nescaya Dia memberikan (petunjuk) kepada kamu yang membezakan antara yang benar dengan yang salah dan menghapuskan kesalahan kamu, serta mengampunkan kamu. Allah (sememangnya) mempunyai limpah kurnia yang besar”. (al-Anfal: 29)



**Allah yang menentukan batasan hak
Kalau diberikan kepada manusia menentukan batasan hak,
rosaklah dunia ini.**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 18

Bagaimanakah Cara Islam Menjaga Hak Asasi?

KERAGUAN: Islam banyak tidak meraikan hak manusia kerana banyak yang diinginkan oleh manusia tidak ditunaikan dan diabaikan atas nama agama.

Penjelasan

Islam meletakkan peraturan dan panduan (baca: hukum hakam) yang bertujuan untuk mengatur kehidupan manusia. Semua peraturan itu secara tidak langsung telah menjaga agama, nyawa, akal, harta, keturunan dan maruah yang semua itu merupakan tujuan perundangan Islam yang dikenali sebagai Maqasid Syariah. Islam telah menetapkan peraturan yang merupakan hak/tanggungjawab sebagai lelaki dan wanita, sebagai suami dan isteri, sebagai rakyat dan pemimpin, sebagai ibu bapa dan anak, dan lebih penting daripada itu sebagai seorang hamba Allah.

Oleh kerana semua perkara itu telah pun dijaga dalam perundangan Islam maka dengan ini dapat dikatakan bahawa Islam merupakan agama yang syumul. Ia menjaga semua hak yang perlu dan patut diperolehi setiap manusia.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Apabila terdapat pengabaian, maka hak dan tanggungjawab, Islam menyediakan ruang pengaduan dan mahkamah untuk menyelesaikan masalah itu seperti wanita yang ditinggalkan oleh suaminya.

Hakikatnya, Islam menyediakan suatu peraturan yang cukup baik kepada manusia untuk mereka mengenalpasti hak asasi yang sebenarnya kepada manusia dan memberikan kebebasan yang tidak mutlak kepada manusia untuk melampiaskan semua keinginan. Konsep yang bersifat TOP DOWN ini cukup baik lantaran kekeliruan manusia untuk membezakan antara hak asasi dan keinginan. Kalau diberikan sepenuhnya kepada manusia bagi menentukan semua itu, manusia akan terus berada dalam kegelapan kerana manusia biasanya akan mementingkan dirinya sendiri berbanding dengan orang lain.



50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Di barat, oleh kerana mereka tidak mempunyai sebarang panduan daripada wahyu, mereka memerlukan kepada akal dan rasional bagi menentukan hak asas itu. Mereka terpaksa memerah otak dan bertanya kepada semua golongan dan kelompok manusia tentang hak yang mereka inginkan. Mereka bertanya kepada golongan rakyat marhaen dan sang penguasa, kumpulan pekerja dan pihak pemodal, suami dan isteri, lelaki dan perempuan tentang hak mereka sendiri yang mereka mahu. Mereka terpaksa berbuat demikian keranatiada panduan wahyu daripada tuhan.

Oleh kerana semua mereka adalah manusia dan tiada siapa di kalangan mereka yang mempunyai kelebihan untuk menyalahkan dan membenarkan orang lain, mereka memerlukan kepada kata pemutus. Untuk itu, mereka memerlukan kepada undian (baca: demokrasi) untuk menentukan mana satukah hak asasi yang diiktiraf. Perjalanan hak asasi barat terpaksa menerusi cara demokrasi kerana masing-masing manusia mempunyai suara yang sama. Maka pendekatan BOTTOM UP perlu dilakukan untuk memastikan semua suara itu dapat mencapai persetujuan dan akhirnya membentuk peraturan untuk manusia.

Sekali lagi timbul persoalan, adakah manusia mengetahui dan dapat membezakan antara hak asasi dan keinginan manusia? Kita mendapati ada negara yang membenarkan lelaki berkahwin dengan lelaki atas alasan hak asasi. Apakah ia sebenarnya hak asasi?

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Hak asasi tidak menjadi isu besar dalam Islam kerana semua perundangan Islam telah tersedia menjaga asas kehidupan manusia iaitu menjaga agama, nyawa, akal, harta, keturunan dan maruah manusia. Semua asas perundangan Islam itu bersifat TOP DOWN menerusi wahyu. Memang diakui memang ada kelemahan dalam pelaksanaan undang-undang Islam itu, yang perlu diperbaiki daripada sama ke semasa. Namun ia tidak bermakna menafikan sifat wahyu yang menjaga maslahah manusia. Hak asasi menjadi isu besar di baratkerana mereka tidak mempunyai wahyu. Mereka terpaksa menggunakan pendekatan BOTTOM UP menerusi hak asasi dan demokrasi untuk memastikan kelangsungan mereka.



**Jangan menuntut hak sahaja,
Tetapi fikirkan tanggungjawab yang perlu dibuat**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 19

Mengapa Ajaran Ahmadiyyah dan Syiah Dilarang Menjalankan Kegiatannya di Malaysia?

KERAGUAN: Sistem perlembagaan Malaysia berpaksikan kepada demokrasi dan mengamalkan konsep kebebasan beragama. Kumpulan minoriti ini tidak sepatutnya didiskriminasi oleh rakyat Malaysia khususnya yang beragama Islam.

Penjelasan

Terdapat perbezaan antara istilah agama dengan mazhab. Malaysia mengamalkan kebebasan beragama dengan maksud Perlembagaan Persekutuan memberi laluan kepada mana-mana rakyat negara ini menganut agama selain daripada Islam sama ada agama Kristian, Hindu, Buddha atau lain-lain. Namun, untuk kebebasan bermazhab, Malaysia hanya mengiktiraf mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah sahaja sebagai mazhab rasmi negara, sedangkan mazhab atau pegangan lain seperti yang diamalkan dalam fahaman Ahmadiyah serta Syiah difatwakan sebagai sesat.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Justeru, apa sahaja fahaman atau pegangan yang didakwa sebagai ajaran Islam selain daripada Ahli Sunnah wa al-Jamaah akan dikawal dan disekat. Penyebaran fahaman seperti ini akan membawa kepada penyelewengan dalam agama Islam dan mengundang banyak masalah kepada perpaduan masyarakat, khususnya umat Islam. Perbezaan tafsiran dalam agama terutamanya dalam aspek ketuhanan dan aspek fundamental yang lain dalam agama bukan sekadar menimbulkan rasa kurang selesa tetapi perpecahan. Oleh kerana itu, kawalan terhadap tafsiran seperti ini dilakukan, bukanlah kerana Islam itu tidak terbuka dan jumud, tetapi perkara yang salah dalam agama perlu diatasi. Ini berbeza dengan perbezaan agama kerana tiada paksaan dalam agama. Adapun pengakuan mengamalkan ajaran Islam yang bercanggah dengan Ahli Sunnah wa al-Jamaah adalah sesuatu yang berbeza.

Seseorang yang telah memeluk Islam hendaklah beramal dengan Islam sebaik yang mungkin dan mengikut tafsiran yang betul dalam Islam. Bukan membawa tafsiran yang ganjil dan menyalahi aliran perdana yang dipegang oleh masyarakat. Malahan, sekiranya ada amalan dan tafsiran yang betul tetapi bercanggah dengan amalan yang betul yang telah menjadi kebiasaan oleh masyarakat Islam di sini, ia tetap tidak boleh disebarluaskan. Hanya boleh menjadi amalan peribadi sahaja, tidak disebarluaskan kepada semua masyarakat. Kalau pandangan yang betul pun tidak digalakkan untuk disebarluaskan, apatah lagi kalau amalan yang sesat.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT


Dalam konteks rantau Nusantara termasuk Malaysia, berdasarkan bukti penyelidikan yang dilakukan oleh para sarjana, jelasbahawa rantau ini diislamkan oleh golongan Ahli Sunnah wa al-Jamaah. Oleh itu, kekentalan pegangan dan amalan Sunni menjadi begitu dominan yang boleh ditunjukkan menerusi penulisan, penterjemahan dan pendidikan yang dilakukan oleh para ulama Sunni dari abad ke abad. Pandangan yang bertentangan dengan mazhab ASWJ (sunni) ialah Syiah. Ini termasuklah ajaran sesat yang lain dan juga ateis.

Untuk melihat lebih jelas kedudukan Ahli Sunnah wa al-Jamaah di Malaysia, Enakmen Pentadbiran Agama Islam sebilangan besarnya di Malaysia menjadikan mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah sebagai rujukan dan pegangan. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia turut memperkuatkannya lagi kedudukan Ahli Sunnah wa al-Jamaah sebagai mazhab rasmi negara.

Ini kerana jelas kedudukan aliran Ahli Sunnah wa al-Jamaah di Malaysia amat kukuh kerana didukung oleh Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, pandangan yang tidak dapat membezakan antara istilah agama dan mazhab tidak wajar diambil kira dan perlulah diketepikan dalam konteks ini.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Justeru, sekatan terhadap kumpulan-kumpulan ajaran sesat serta ajaran-ajaran yang bercanggah dengan mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah bukanlah suatu diskriminasi atau pelanggaran terhadap konsep demokrasi. Bahkan ia merupakan tindakan yang wajar bagi melindungi umat Islam daripada penyelewengan akidah. Penerimaan mazhab Syiah dan Ahmadiyah akan membawa kepada perbezaan dalam perkara yang sangat asas dalam Islam yang membawa kepada tafsiran dalam agama yang jauh berbeza seperti dalam sejarah Nabi, bab politik + akidah. Semua ini walaupun ia dianggap sebagai perbezaan yang boleh diselesaikan secara akademik, tetapi ia tidak mudah. Emosi dan kefahaman masyarakat akan terganggu yang memberi masalah kepada pentadbiran agama (agama rasmi, enakmen,hukum hakam dll) dan menyebabkan perpecahan dalam masyarakat. Kalau dalam isu khilafiah pun boleh berpecah, inikan pula dalam masalah akidah dan asas agama.



**Akidah Islam menjaga orang Islam daripada kesesatan
Negara Islam mengawal perpaduan dalam kalangan
masyarakat Islam**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 20

Apakah Pandangan Islam Terhadap Transgender?

KERAGUAN: Transgender berlaku secara biologikal, bukannya dibuat-buat atau ditiru semasa kanak-kanak atau remaja. Ia seharusnya dibenarkan kerana ia adalah fitrah manusia yang dijadikan oleh Allah, bukan dengan kehendak manusia.

Penjelasan

Transgender merupakan ketidaksamaan identiti jantina yang dimiliki seseorang dengan alat kelamin dan jantina kelahiran. Identiti jantina ialah persepsi dan perasaan seseorang itu tentang dirinya sendiri sama ada lelaki atau perempuan. Ada orang yang mempunyai perasaan perempuan tetapi alat kelamin atau jantina kelahirannya adalah lelaki. Sepatutnya identiti jantina dan alat kelamin itu selari tetapi dalam kes tertentu terdapat perbezaan antara keduanya yang disebut sebagai kecelaruan. Ini yang menyebabkan penampilan diri sebagai wanita tetapi mempunyai alat kelamin lelaki, begitu juga sebaliknya.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Memang ada orang yang dilahirkan mempunyai kecelaruan identiti jantina, malahan ada yang dilahirkan dengan dua jantina. Namun, dalam masa yang kecelaruan ini berlaku bukan kerana faktor biologi tetapi lebih kepada faktor psikologi persekitaran. Contohnya, sikap ibu bapa yang mendidik anak dengan cara berlawanan dengan jantina mereka mengakibatkan anak-anak mengalami masalah psikologi dengan cara hidup yang tidak yakin dengan diri dan rasa benci dengan keadaan fizikal mereka. Hasil didikan dan persekitaran itu, mereka cenderung kepada mempunyai perasaan dan persepsi tentang diri mereka yang berbeza dengan biologi jantina mereka.

Faktor persekitaran itu berlaku mungkin berpunca daripada ibu bapa yang mengimpikan anak perempuan tetapi ditakdirkan mendapat lelaki. Begitu juga, anak lelaki yang dibesarkan dalam lingkungan wanita di samping dirinya ada kecenderungan kepada kewanitaan. Ini adalah contoh situasi di mana faktor pendidikan dan persekitaran menyumbang kepada pembentukan identiti anak.

Terdapat juga satu fasa di mana mereka yang mengalami kecelaruan gender ketika berada di alam remaja. Contohnya apabila pelajar perempuan melihat rakan-rakannya berambut pendek, berpakaian seperti lelaki atau berperangai ‘*vice versa*’ secara tidak langsung ia akan memberi kesan kepada diri, lebih-lebih lagi jika mereka pernah mengalami sentuhan seksual oleh rakan-rakan sesama jenis.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Secara tidak langsung perbuatan di atas ini dapat mempengaruhi pemikiran remaja tersebut untuk cenderung ke arah perlaku orientasi seks songsang. Oleh itu, Islam meletakkan formula dalam menangani masalah ini dengan:

1. Mendidik mengikut orientasi jantina

Seorang anak perlu dibentuk dan didik berdasarkan kepada orientasi seksualnya supaya ia selari dalam proses pembentukan identiti jantinanya. Tidak harus mendidik anak lelaki seperti anak perempuan dengan memakaikan pakaian lelaki kepada anak perempuan.

2. Menyediakan ‘gender role’,

Dalam hukum-hakam fiqh, dijelaskan perbezaan antara lelaki dan perempuan dalam pelaksanaan sesuatu hukum seperti dalam solat. Hal ini secara tidak langsung dapat menghindari masalah kecelaruan jantina dan membolehkan anak-anak remaja berfikir secara warast tentang perkara tersebut ketika fasa kecelaruan itu berlaku.

3. Tarbiyyah jiwa mengikut orientasi seksual

Tidak dinafikan daripada sudut kejiwaan apabila seseorang itu sudah lama terjebak mengikut cara hidup songsang adalah sukar untuk mereka berpatah balik. Contohnya golongan mak nyah tidak akan dapat menjadi lelaki sejati. Namun dalam hal ini, Islam tetap membantaskan pelakunya dengan cara mengelakkan diri daripada berpakaian yang berlawanan daripada jantina sebenarnya dan menjauhi seks songsang.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

4. Bimbingan dan sokongan masyarakat

Masyarakat juga perlu berperanan memberikan teguran dan nasihat yang baik kepada golongan ini, bukan menghina, memandang sinis dengan memberikan gelaran-gelaran buruk atau meminggirkan mereka. Sebagai umat Islam kita sentiasa berdoa mudah-mudahan golongan ini mengambil jalan untuk berubah dan kembali mendekati Allah SWT.

Transgender dan transeksual dua perkara yang berbeza tetapi mempunyai kaitan yang rapat. Transgender adalah kecelaruan identiti manakala transeksual merujuk pada seseorang transgender yang melakukan usaha perubahan kelamin, seperti dengan tindakan operasi atau terapi hormon. Kedua istilah ini telah menjadi makna yang kukuh dalam kamus golongan LGBT. Mereka sebenarnya menghadapi masalah kecelaruan jantina dan khunsa, tetapi LGBT melunakkannya dengan istilah transgender dan transeksual.

Kecelaruan identiti mungkin berlaku dalam diri seseorang tetapi membiarkan diri mengikut identiti yang berbeza itu adalah punca masalah. Memang ada orang yang dilahirkan dengan rupa parasyang sinonim dengan wanita tetapi perasaan itu tidak boleh dituruti, tetapi perlu dikekang dan dihalang. Memang tidak dinafikan seseorang yang dilahirkan dengan kecenderungan identiti yang berbeza, tetapi menurut kemahuan dan nafsu ke arah itu merupakan perkara yang perlu dielakkan kerana terdapat banyak larangan dalam hadis.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Itu adalah ujian baginya dan tidak wajar pula untuk dia menyebut itu adalah suatu takdir dan nasib dirinya dijadikan begitu oleh Allah. Itu adalah alasan dan berlepas tangan daripada ujian untuknya.

Abu Hurairah RA telah meriwayatkan satu hadis di mana Rasulullah SAW bersabda mafhumnya: “Empat golongan yang berada dalam kemurkaan Allah pada waktu pagi dan petang iaitu golongan lelaki yang menyerupai perempuan; perempuan yangmenyerupai lelaki; penzina dengan binatang dan golongan yang melakukan liwat.”

(Riwayat al-Thabarani dan Baihaqi)

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Ibn Abbas RA juga telah meriwayatkan satu hadis di mana Rasulullah SAW bersabda mafhumnya:

“Nabi SAW telah melaknat lelaki yang menyerupai perempuan dan orang-orang perempuan yang menyerupai lelaki.”

(Riwayat al-Bukhari, Abu Daud dan al-Tirmizi)

Secara jelas perlakuan transeksual dilarang dalam Islam apatah lagi apabila ia melibatkan soal penampilan dan orientasi seksualiti. Daripada sudut perundangan negara dan konteks sosial juga dapat dilihat bahawa ia tidak dapat diterima sebagai norma dalam masyarakat.



**Khitan Wanita dianggap sebagai melanggar hak asasi
Membuang kemaluan (pembedahan jantina) dianggap hak asasi**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 21

Kenapa LGBT Bertentangan Dengan Norma Budaya dan Kehidupan Masyarakat di Negara ini?

KERAGUAN: Isu LGBT ini adalah isu moral peribadi, bukannya isu moral sosial yang boleh menganggu masyarakat awam. Kepelbagaiannya ekspresi, identiti gender serta seksualiti adalah lumrah kehidupan manusia yang perlu diakui oleh semua pihak. Tidak perlu kita gunakan hujah agama dalam perkara ini kerana agama juga melarang sebarang bentuk paksaan dalam melaksanakan sesuatu hukum.

Penjelasan

Malaysia sebuah negara yang unik kerana ia mempunyai masyarakat yang berbilang kaum dan agama dengan Islam menjadi agama yang dominan dan disebut sebagai agama persekutuan. Ini bermakna, segala undang-undang dan nilai yang ingin diterapkan dalam negara ini perlu berasaskan kepada dua aspek ini. Dengan kedatangan teknologi dan kemodenan, negara ini berhadapan dengan cabaranuntuk mengetepikan agama dan meletakkan nilai kemanusiaan yang universal dalam urusan pentadbiran negara.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Menurut pemikiran sekular, panduan agama tidak cukup universal untuk diterima oleh masyarakat berbilang kaum kerana ia hanya diterima oleh pengikut agama masing-masing sahaja. Nilai kemanusiaan yang (kononnya) universal sangat diperlukan dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum kerana ia tidak dikaitkan dengan agama tertentu. Ia meliputi keadilan, kesaksamaan, kebebasandan sebagainya. Walaupun Islam menerima nilai-nilai ini, tetapi Islammempunyai definisi yang tersendiri bagi setiap satu nilai ini, bukan menyerahkannya kepada akal manusia untuk menentukannya.

Hal ini termasuklah lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang merupakan amalan yang menyalahi agama Islam dan adat Melayu. LGBT ialah istilah diangkat oleh golongan seks songsang. Ia merupakan suatu nama yang semakin kerap digunakan bagi merujuk kepada kumpulan seks yang songsang ini dan kini ia ditambah lagi “Q” menjadi LGBTQ. Q merujuk perkataan “queer” iaitu golongan orientasi seks pelik. Ada pula yang menambah LGBTQIA+ yang membawa erti banyak lagi kecelaruan jantina dankepelbagaiorientasi seks. Islam menolak semua amalan dan segala budaya dalam LGBT kerana ia bertentangan dengan fitrah manusia yang menyokong perkahwinan dan mengharamkan hubungan seksberlainan jantina dan seks yang songsang. Ia juga bukanlah budaya Melayu kerana orang Melayu tidak mengenali LGBT melainkan setelah ia diambil daripada kebebasan di barat.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Lebih daripada itu, LGBT pula merupakan suatu perlakuanyang membawa penyakit seperti yang dilaporkan oleh Global AIDSResponse Progress (Malaysia). Laporan mendedahkan bahawa jangkitan HIV melalui transmisi seksual dalam kalanganhomoseksual/ biseksual adalah lebih tinggi berbanding transmisi- transmisi lain. Sekaligus dapat disimpulkan bahawa homoseksual mendatangkan mudarat besar daripada sudut sosial dan kesihatan.

Pusat Kawalan Penyakit Berjangkit (CDC) juga melaporkan jangkitan seksual seperti sifilis, gonorea, herpes banyak berlaku melalui homoseks. Hal ini membayangkan bahawa kegiatan LGBT banyak mendatangkan kemusnahan fitrah sebagai manusia. Gejala LGBT dalam perilaku seks songsang perlu dibanteras kerana ia bukan sahaja bercanggah dengan syarak bahkan juga kepada kesejahteraan ummah.

Syarak dan sains jarang bercanggah. Ini membenarkan fakta bahawa suatu perbuatan atau amalan yang berlawanan dengan fitrah, dilarang oleh agama dan dicela oleh Allah SWT pasti mempunyai sebab yang munasabah mengapa ia ditegah atau dilarang.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Kalau kempen “Berhenti Merokok” boleh dilakukan kerana kesannya memudaratkan kesihatan, kenapa dalam isu LGBT tidak boleh pula kita katakan tidak? Allah berfirman:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْأَبْرَارِ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذْقِهِمْ بَعْضَ الَّذِي
عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Maksudnya; “Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya) yang demikian kerana Allah hendak berasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan buruk yang mereka lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)...”. (al-Rum: 41)

Sejak zaman berzaman, golongan yang membawa budaya LGBT ini adalah termasuk golongan yang minoriti di sepanjang sejarah manusia. Mereka adalah golongan tidak mampu membangunkan tamadun-tamadun hebat bahkan hanya tersembunyi dalam kehidupan mereka masing-masing. Namun, sejak akhir-akhir ini pengiktirafan terhadap LGBT dianggap sebagai hak asasi manusia.

Budaya LGBT ini boleh memberi konflik baru di negara kita khususnya daripada aspek perundangan dan kekeluargaan di mana ia boleh menyebabkan pertembungan isu melibatkan persoalan hak dan juga meruntuhkan institusi kekeluargaan.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Contohnya hak ibu bapa yang tidak bersetuju dengan permintaan anaknya yang ingin mengubah jantina kerana selama ini mereka lah yang mencurahkan kasih kepada anaknya, tiba-tiba dinafikan kerana fahaman dan gaya hidup LGBT.

Lebih membimbangkan lagi kesan daripada penyelewengan fitrah insan yang menjalani kehidupan abnormal ini menyebabkan psikologi generasi anak-anak mungkin akan menghadapi kekeliruan pada masa hadapan kerana mereka tidak dapat menentukan siapa ibudan siapa pula bapa dalam institusi kekeluargaan jika budaya LGBT diterima dalam sesebuah masyarakat.

Bagi umat Islam pula isu LGBT adalah merupakan kemungkaran yang serius kerana selain jelas keharamannya, hukum- hakam lain mengenai perkahwinan, nasab dan faraid adalah sangat berkait rapat dengan status jantina. Dalam hal ini status LGBT adalah sangat mengelirukan, bukan sahaja menjadi masalah peribadi bahkan menyusahkan orang lain.

Di peringkat antarabangsa, LGBT telah mendapat pengiktirafan di beberapa buah negara dalam pelbagai bentuk sokongan. Pada hari ini tanpa segan silu mereka mengibarkan bendera pelangi dan berterus-terusan mendesak agar LGBT diakui sebagai suatu norma yang bersifat ‘nature’ iaitu bersifat semula jadi agar mereka dapat meraih simpati daripada masyarakat.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Keingkaran mereka ini termasuk dalam golongan yang berbangga dengan kemaksiatan di mana golongan ini termasuk dalam kalangan mereka yang paling dibenci oleh Allah SWT. Ini kerana, mereka tidak hanya mempertahankan tabiat keji mereka dengan amalan seks songsang bahkan menyeru orang lain agar mengiktiraf persatuan mereka.



50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 22

Apakah Yang Dimaksudkan Dengan “Mukhannathun”?

KERAGUAN: Adakah istilah “mukhannathun” yang disebut dalam hadith Nabi merujuk kepada golongan transgender? Benarkah golongan ini dikatakan tidak berdosa selagi tidak terlibat dalam penzinaan dan maksiat? Jika benar, umat Islam sepatutnya memberikan hak dan layanan yang baik kepada mereka.

Penjelasan

Mukhannatun atau mukhannath ialah orang lelaki yang menyerupai wanita dari segi bentuk tubuh, pergerakan, percakapan dan lain-lain. Golongan ini memiliki persamaan dengan istilah transgender tetapi berbeza dengan khunsa kerana Islam mengiktiraf kewujudan golongan hermaephrodites (*khunsa musykil*) ini, iaitu orang yang mempunyai dua alat kelamin lelaki dan perempuan.

Terdapat dua kategori mukhannath, pertama mukhannath yang bersifat semula jadi iaitu lelaki yang berperwatakan wanita. Mereka tidak mempunyai syahwat terhadap wanita dan tidak terlibat dengan perbuatan keji dan songsang. Oleh itu, mereka tidak dianggap fasik dan tidak termasuk dalam lingkungan mereka yang dilaknat dalam hadis Rasulullah SAW.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Kategori kedua pula ialah mana-mana lelaki yang sengaja berperilaku dan bertindak seperti perempuan dalam gerak-geri dan rupa diri (cara berpakaian, berhias dan perhiasan) menyerupai wanita pada rupa bentuk tubuhnya dan cara bercakap. Perilaku tersebut merupakan perbuatan yang buruk, termasuk dalam perkara maksiat dan berdosa serta pelakunya tergolong dalam golongan mereka yang dilaknat. Inilah yang disebutkan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis mafhumnya:

“Nabi SAW telah melaknat lelaki yang menyerupai perempuan dan orang-orang perempuan yang menyerupai lelaki.”

(Riwayat al-Bukhari, Abu Daud dan al-Tirmizi)

Lebih parah lagi lagi dalam kategori ini jika mereka terikut-ikut dengan trend yang berlaku di seluruh dunia, mengibarkan bendera pelangi sambil menuntut hak kesaksamaan kepada golongan seluruh transgender. Jelasnya pergerakan mereka yang kini dikenali sebagai LGBT ini termasuk dalam perkara dosa besar kerana ia mendorong manusia supaya mengamalkan gaya kehidupan sumbang dan songsang.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Ada juga golongan ini yang menukar jantina daripada lelaki kepada perempuan melalui pembedahan sedangkan perbuatan itu adalah haram di sisi syarak. Seseorang yang dilahirkan lelaki hukumnya tetap lelaki walaupun berjaya ditukarkan jantinanya melalui pembedahan. Begitu juga perempuan, walaupun berjaya ditukarkan jantinanya kepada lelaki dia tetap dihukum sebagai perempuan.

Sekiranya golongan ini dibiarkan terus berleluasa mempromosikan kumpulan mereka dengan imej bertentangan dengan norma dan nilai Islam dibimbangi ia boleh mengundang aktiviti sosial yang lebih kronik dan tidak sihat. Golongan ini juga wajar diboikot sebagai suatu bentu *ta'dib* (mendidik), nasihat dan *tazjir* (pencegahan) agar mereka bertaubat serta menghormati hak masyarakat yang ingin kehidupan normal.

Sikap memprotes terhadap gerakan songsang transgender ini bukanlah bermaksud menafikan hak kemanusiaan dan kewarganegaraan mereka. Namun, dalam konteks kehidupan bersyariat, Islam mengarahkan umatnya menyemarakkan budaya makruf dan membasmi kemungkaran supaya kehidupan bebasdaripada azab Allah SWT.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sebagai manusia, golongan transgender ini sepatutnya memilih untuk mengamalkan gaya kehidupan normal yang selayaknya sebagai masyarakat yang bertamadun. Sebagai hamba Allah yang Muslim, mereka wajib patuh dan tunduk kepada peraturan yang telah digariskan dalam syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Justeru, seseorang yang dilahirkan mempunyai dua jantina (khunsa) atau mempunyai perwatakan yang lembut bagi lelaki dan keras bagi perempuan tidak menjadi kesalahan kerana ia buakanlah suatu pilihan. Namun, mukhannathun yang sengaja menyerupai jantina yang berlawanan kerana kehendak hawa nafsu adalah sangat ditegah dalam Islam.



**Manusia suka menuntut hak, tetapi dia mungkin alpa
Bahawa dia sebenarnya sedang melayan keinginannya**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 23

Kenapa Agama Islam Lebih Unggul Daripada Agama-agama Lain?

KERAGUAN: Matlamat semua agama ialah untuk menyebarkan kasih sayang sesama manusia. Maka penerimaan kepada semua agama sepatutnya sama sahaja tanpa menentukan siapa yang lebih benar dan unggul terhadap yang lain.

Penjelasan

Allah telah menjadikan manusia berbeza bangsa supaya manusia boleh berkenalan antara satu sama lain. Namun, atas perbezaan agama Allah meminta semua manusia supaya menyembahNya sebagai tuhan kerana tiada tuhan yang paling berhak disembah melainkan Allah. Dalam perbezaan bangsa, manusia dikehendaki untuk berkenalan kerana manusia tidak mungkin boleh mengubah bangsa dan keturunannya. Namun, manusia boleh untuk mengubah agamanya, kerana manusia dikehendaki mencari kebenaran dalam hidupnya.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Di atas perbezaan agama dan kepercayaan manusia itu, Allah menurunkan wahyu dan mengutus para rasul untuk memberi panduan dan bimbingan kepada manusia supaya mengetahui jalan yang betul. Mesti ada kepercayaan yang betul dan yang salah. Manusia tidak dapat mengetahuinya melainkan dengan panduan wahyu dan bimbingan rasul. Dengan ini, hanya Islam sahaja agama yang betul, manakala agama lain adalah salah dan tidak diterima oleh Allah. Islam mendakwa ia adalah agama yang lebih unggul daripada agama yang lain kerana:

1- Islam mempunyai al-Quran yang asli

Kitab merupakan bukti yang terpenting kepada keaslian dan kebenaran sesuatu agama. Setakat ini, tiada siapa yang dapat membuktikan kesalahan yang terdapat dalam al-Quran dan tiada siapa yang dapat meniru al-Quran. Ini membuktikan al-Quran sebagai kitab yang paling asli diturunkan daripada Allah untuk panduan manusia. Penting bagi sesuatu agama mempunyai kitab yang bertulis lagi asli untuk memastikan ajarannya tidak berubah hingga hari kiamat.

2- Hukum hakam Islam menyeluruuh

Islam mempunyai perundangan yang meliputi seluruh aspek kehidupan manusia — daripada mula bangun hingga tidur. Kesempurnaan dan kesyumulan ini menandakan ia merupakan suatu panduan yang maha agung untuk semua manusia.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Al-Quran dan hadis boleh ditafsirkan dengan metodologi tertentu untuk memastikan setiap satu perkara mempunyai ketetapan yang dinamakan dengan hukum.

3- Sesuai dengan logik akal

Islam meraikan logik akal manusia. Dalam aspek ketuhanan, Allah tidak dapat dilihat oleh manusia di atas muka bumi ini. Namun Allah mendatangkan pelbagai bukti supaya manusia berfikir dan percaya. Dalam aspek hukum dan perundangan Islam, Islam tidak menolak logik malahan logik digunakan untuk memahami nas, tetapi ada sebahagian perkara yang tidak dapat dilogik oleh akal manusia.

Sungguhpun demikian, Islam mengakui hak semua manusia untuk mempercayai sesuatu mengikut keyakinannya. Dengan kata lain, Islam tidak memaksa memeluk Islam, tetapi mengajak manusia beriman kepada Allah dengan menjelaskan kebaikan yang terdapat padanya. Kepercayaan agama tidak boleh dipaksa kepada penganut agama lain kerana ia tidak menghasilkan kerelaan dalam hati. Namun, kepercayaan ini perlu dipengaruhi dengan dakwah secara bijaksana supaya mereka menerima Islam dengan hati yang rela.


50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Dalam masa yang sama, Islam juga melarang umatnya mencela sembahana penganut agama-agama lain. Hak mereka dalam beragama perlu dihormati. Celaan terhadap tuhan dan agama mereka terutamanya secara emosi akan menyebabkan mereka bertindak balas secara emosi dan akhirnya membawa kepada pergaduhan dan perpecahan.

Allah berfirman:

لَا إِكْرَاهٌ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيْرِ

Maksudnya: Tiada paksaan dalam agama. Telah nyata kebenaran daripada kebatilan. (al-Baqarah: 256)



**Tiada paksaan untuk memeluk Islam
Setelah memeluk Islam, seseorang itu perlu
memaksadirinya untuk menjadi orang Islam yang
baik**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

SOAL JAWAB 24

Kenapa Islam Menolak Pluralisme Agama?

KERAGUAN: Peperangan dan pergaduhan antara manusia disebabkan perbezaan agama. Ia telah menimbulkan rasa curiga, prejudis, anggapan agamanya sahaja yang benar dan merendahkan agama lain. Maka seharusnya agama itu saling bertoleransi antara satu sama lain, bukan menyalahkan dan menganggap agamanya lebih benar.

Penjelasan

Pluralisme agama merupakan fahaman yang mendakwa semua agama adalah benar atas prinsip semua agama menuju suatu matlamat yang sama iaitu kebaikan. Pemikiran ini menolak kebenaran mutlak dan (*absolute truth*) mempercayai bahawa tiada suatu agama yang lebih unggul (*superior*) daripada yang lain kerana tiada pihak yang mengatasi atau lebih berautoriti untuk menentukan kebenaran atau kesalahan pihak yang lain. Dengan menyamakan semua agama bererti mana-mana pegangan adalah benar dan penganut mana-mana agama boleh masuk syurga. Semua agama menuju satu matlamat untuk mencapai ketuhanan tetapi berbeza pada jalannya sahaja. Islam menolak pluralisme agama kerana:

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

1. Konsep ketuhanan setiap agama itu tidak sama.

Setiap agama mempunyai konsep ketuhanan yang berlainan. Mesti ada satu agama yang mempunyai konsep ketuhanan yang betul keranatidak mungkin semua tuhan itu betul. Mungkin ada persamaan antara agama dalam aspek tertentu khususnya dalam aspek amalan tetapi dalam aspek kepercayaan itu tidak sama. Kalau ada yang mendakwa semua agama sama, cubalah ajak dia memeluk Islam atas alasan semua agama sama.

2. Konsep kebenaran di setiap agama itu tidak sama.

Ada agama yang berpegang dengan kitab dan ada pula yang berpegang dengan autoriti ahli agama. Ada pula agama yang tetap danada pula yang mengalami perubahan mengikut peredaran zaman. Ini bererti kebenaran itu tidak sama mengikut agama.

3. Konsep kebaikan di setiap agama itu tidak sama.

Ada agama yang menganggap sesuatu perbuatan itu baik dan sebaliknya ada yang menganggapnya tidak baik. Ada pula yang tidak mengambil peduli tentangnya. Sebagai contoh, Islam mengharamkan arak dengan jelas dan diberikan penekanan yang tegas tentang pengharamannya. Ada pula yang tidak setuju dengan arak, tetapi memberikan penekanan tentang pengharamannya. Ada juga agama yang tidak menyebut tentang pengharaman ini.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Dengan kepelbagaiannya ini, pasti ada agama yang benar dan boleh membawa manusia ke arah kesejahteraan. Dakwaan semua agama mengajak kepada kebaikan dengan pelbagai cara tetapi mempunyai matlamat yang sama adalah dakwaan yang tidak dapat diterima. Realitinya, dakwaan semua agama sama hanyalah alasan untuk mempertahankan haknya dan menjustifikasikan kewujudannya serta mengelak dari didakwah oleh agama lain.

Dalam Islam, kebenaran itu tidak relatif kerana kebenaran dalam aspek ketuhanan itu satu. Mesti ada agama yang benar. Kedatangan manusia ke dunia ini untuk mengajak perkara yang benar dan mempertahankan kebenaran. Atas dasar inilah, umat Islam dianggap sebagai umat yang terbaik kerana mengajak manusia beriman kepada Allah dan amar makruf nahi mungkar. Dengan ini, Islam menolak pluralisme agama dan mengajak manusia beriman kepada Allah sebagai tuhan yang esa kerana tidak mungkin ada dua atau banyak tuhan dan tidak mungkin tuhan sama dengan makhluk. Islam mengehendaki umatnya membimbing diri menjadi orang baik dan mengajak orang lain turut sama mendapat kebaikan. Konsep ketuhanan dalam Islam menetapkan Allah sebagai pencipta yang tunggal dan esa. Allah lah satu-satunya tuhan mencipta semua makhluk yang lain dan sekaligus menafikan terus kewujudan tuhan-tuhan yang lain.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Andainya semua agama itu benar dan sama nilainya, lalu apa erti nya kewajipan berdakwah yang ditugaskan kepada Para Nabi dan Rasul serta umat Islam? Andainya agama-agama lain juga dapat membawa umat masing-masing mencapai keselamatan hakiki dan abadi, lalu apa perlunya Allah mengutus Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul terakhir? Firman Allah Taala:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظَهِّرُهُ عَلَى الْأَرْضِ
كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ

Maksudnya: “Bahawa Dia-lah yang mengutus Rasul-Nya (Muhammad) dengan membawa petunjuk dan agama yang benar (al- Islam), untuk dimenangkan dan ditinggikan atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya.” (al- Taubah: 33)

Justeru, fahaman yang mengatakan bahawa semua agama adalah sama benar menunjukkan suatu hasrat untuk menggubah ajaran Islam kepada suatu versi yang lunak dan direstui oleh kuasa- kuasa besar dunia. Sikap tidak senang dengan hal-hal yang bersifat kontras seperti hak dan batil, iman dan kufur, dosa dan pahala, syurga dan neraka mencetuskan pemikiran pluralisme.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Pluralisme agama agenda barat?

Pluralisme agama dijadikan sebagai agenda untuk dijaja di negara-negara Islam kerana (kononnya) dapat mengurangkan ketegangan dengan Dunia Barat. Mereka merasakan fahaman pluralisme adalah formula terbaik bagi menyatukan masyarakat majmuk khususnya di negara ini. Bagi mereka, agama yang berpegang dengan kebenaran bersifat tunggal atau mutlak boleh mengeruhkan keharmonian dan membawa kepada perperangan.

Fahaman pluralisme agama rancak dibicarakan pasca 11 September. Barat mengaitkan Islam dengan keganasan dan dalam masa yang sama menawarkan pluralisme agama bagi mengurangkan antara Islam dengan agama lain. Ia dilihat sebagai formula terbaik untuk mengabui masyarakat awam kononnya bagi menggalakkan keharmonian dan kehidupan secara bersama biarpun berbeza bangsa dan agama. Sebenarnya, matlamat pluralisme agama ialah untuk mematikan roh gerakan Islam dan menyenangkan kuasa besar dunia yang cuba menundukkan mereka yang dilabelkan sebagai fanatik, fundamentalis, ekstremis, radikal, terroris dan seumpamanya. Kepercayaan pada pluralisme menyediakan ruang untuk orang Islam berpindah ke agama lain untuk mengelak kewajipan dan segala hukum hakam yang ditetapkan melalui ilmu fiqh yang telah dibina menurut satu disiplin ilmu selama lebih ratusan tahun.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT



**Islam menerima kepelbagaiannya agama
Tetapi Islam mengajak mereka beriman kepada Allah**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 25

Adakah Dakwah Bertentangan Dengan Prinsip Toleransi ?

KERAGUAN: Dakwah mengajak manusia beriman kepada Allah. Ia bagaikan mendakwa bahawa agama lain salah dan menganggap hanya Islam sahaja agama yang betul. Cara ini membawa kepada keganasan dan tidak toleransi dalam bermasyarakat.

Penjelasan

Allah mengutus Rasulullah untuk berdakwah kepada masyarakat Arab Jahiliyyah, mengajak mereka beriman kepada Allah dan meninggalkan berhala. Seruan dakwah ini telah menimbulkan kegemparan dalam kalangan mereka kerana Rasulullah membawa kepercayaan, gaya hidup, adat dan nilai yang berbeza dengan apa yang dipegang oleh masyarakat Arab Jahiliah. Dakwah Rasulullah telah menerima tentangan yang hebat daripada masyarakat Arab dan akhirnya memaksa Baginda berhijrah ke Madinah. Selama tempoh 13 tahun Rasulullah berdakwah di Mekah, hanya sekitar 200 orang sahaja yang memeluk Islam.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Penentangan terhadap dakwah ini daripada kaum sendiri telah pun diberikan hint oleh Waraqah bin Naufal sekembalinya Baginda dari Gua Hira' menerima wahyu yang pertama. Beliau menjelaskan bahawa inilah jalan dakwah yang dilalui oleh para Rasul yang terdahulu. Justeru, Baginda mengambil sikap hati-hati dan tidak terus menyebarkan Islam ke seluruh Qurasyh di Mekah. Strategi awal yang dibuat oleh Baginda ialah menjalankan dakwah kepada orang yang terdekat dan merahsiakan identiti orang yang memeluk Islam. Baginda juga menubuhkan markas pertama di rumah Darul al-Arqam al-Makhzumi.

Penentangan daripada Qurasyh terhadap dakwah bukan disebabkan masalah peribadi antara mereka dengan Baginda tetapi disebabkan mereka menolak agama yang akan mengubah cara hidup dan mungkin akan tergadai segala kepentingan mereka. Baginda membawa Islam yang membawa penyerahan diri manusia kepada Allah dan berusaha menghapuskan Jahiliyyah. Inilah resam dalam perjuangan melaksanakan perkara kebaikan yang akan terpaksa berhadapan dengan tentangan daripada kaum sendiri.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Kalau baginda tidak menjalankan dakwah, tentu tiada penentangan daripada Qurasyh dan Baginda boleh meneruskan hidupnya seperti biasa. Malahan sebelum itu, mereka menjulang nama Baginda dan menggelarnya sebagai al-Amin. Sebaliknya, Baginda terus menyebarkan Islam biarpun ditentang oleh manusia. Itulah asam garam dalam perjuangan dakwah.

Dakwah merupakan usaha yang berat kerana ia melibatkan proses mengubah manusia daripada buruk kepada baik dan daripada baik kepada lebih baik. Ia bukanlah kerja mudah yang boleh dilakukan dalam masa yang singkat, tetapi ia mengambil masa yang lama. Ada sasaran dakwah yang menerima Islam setelah lama menentang dakwah dan ada pula yang tidak menerima dakwah hingga sampai ajalnya. Apakan daya kerana hidayah itu milik Allah. Tugas pendakwah hanyalah menyampaikan dakwah dan tidak mampu untuk memaksa orang menerima Islam. Allah berfirman:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنْبَأَنَا لَهُمْ وَاجْتَنَبُوا الظَّاغُورَ
فَمِنْهُمْ مَنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّ عَلَيْهِ الضَّلَالُ

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Maksudnya: Dan sesungguhnya Kami telah mengutus seorang Rasul pada setiap umat (dengan memerintahkannya menyeru mereka): Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut. Maka di antara mereka ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. (al-Nahl: 36)

Dakwah atau Toleransi?

Sejarah dakwah yang dilalui para Rasul dipenuhi dengan cabaran dan tentangan yang cukup hebat. Dengan kata lain, ia merupakan asam garam dalam dakwah. Dalam Islam, asas hubungan antara orang Islam dan bukan Islam ialah dakwah yang terkandung di dalamnya toleransi. Namun, ada seruan yang mengangkat toleransi sehingga kelihatan menenggelamkan usaha dakwah. Seruan agama didiamkan, dakwah disenyapkan dan tidak berani untuk dizahirkan kerana ingin menjaga hati sesetengah pihak atas nama toleransi sedangkan mempunyai segala kekuatan. Toleransi memang wujud dalam Islam tetapi bukan cara mendiamkan dakwah dan hanya akur dengan perbezaan agama.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Toleransi dalam Islam bukan dengan cara menyederhanakan dakwah atau meninggalkan dakwah atas alasan mengganggu keharmonian. Dakwah perlu diteruskan dengan cara yang berhikmah agar Islam diterima dengan baik oleh masyarakat dan dalam masa yang sama keharmonian itu cuba dijaga. Oleh itu, segala kebijaksanaan yang ada diperlu dimanfaatkan termasuklah dengan cara berpolitik dan segala kekuatan itu perlu digarap untuk memastikan Islam selamat disampaikan dan diamalkan. Pelbagai cara perlu diikhtiarkan agar Islam tidak diganggu oleh mana-mana pihak.

Meletakkan toleransi terlebih dahulu seperti tidak mahu menyebut perkataan Islam, tidak mahu menzahirkan syiar dan syariat Islam dan tidak mahu menggunakan peluang yang ada untuk menyebarkan dakwah sedangkan orang Islam mempunyai segala kekuatan dan kemampuan, merupakan tindakan yang tidak bijak. Akibatnya, dakwah tidak dilakukan atas alasan mengganggu keharmonian dan menjaga sensitiviti. Sikap merendah diri dan apologetik dengan Islam patut dielakkan kerana umat Islam perlu izzah dengan Islam sebagai agama dan cara hidup. Usahakan dakwah terlebih dahulu, kemudian baru mengaplikasikan toleransi kerana kalau toleransi didahulukan, dakwah akan entah ke mana.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Walaupun prinsip dakwah ini boleh menimbulkan rasa tidak selesa dalam kalangan penganut agama lain, tetapi Islam mengamalkan prinsip tiada paksaan memeluk Islam. Malahan, Islam memberikan kebebasan kepada penganut mana-mana agama untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing. Cuma, dalam suasana kebebasan ini Islam mengamalkan prinsip menyampaikan kebaikan Islam dan mengajak mereka beriman kepada Allah. Inilah toleransi dalam Islam.



**Toleransi sebahagian daripada Islam,
tetapi bukan semua tempat boleh bertoleransi**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 26

Bagaimanakah Prinsip Al-Quran Dalam Hubungan Antara Orang Islam Dan Orang Kafir?

KERAGUAN: Mengapakah sebahagian negara Islam memutuskan hubungan diplomatik dengan Israel sedangkan Islam merupakan agama yang mendukung perpaduan dan toleransi dengan semua agama?

Penjelasan

Islam merupakan agama perdamaian yang membina atas hubungan dengan non-Muslim dan negara yang diperintah oleh mereka dengan prinsip yang dijelaskan dalam Al-Quran. Ia dapat dibahagikan kepada enam tema:

1- Ayat yang berkaitan dengan tema dakwah

Ayat-ayat dalam tema ini memerintahkan orang Islam menyampaikan dakwah kepada non-Muslim. Ia merupakan prinsip yang sangat penting dalam Islam kerana atas prinsip inilah para Rasul diutus oleh Allah ke bumi ini.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sebagai orang Islam, prinsip ini perlu diteruskan dan tidak diabaikan khususnya dalam berinteraksi dengan non- Muslim. Dakwah menjelaskan kebaikan Islam dan mengajak manusia beriman kepada Allah tanpa paksaan. Ia perlu menjadi asas utama dalam hubungan dengan non-Muslim kerana ia mengandungi erti perdamaian, toleransi dan sebagainya. Meletakkan toleransi sebagai asas utama dalam hubungan dikhuatiri akan meninggalkan dakwah atas nama toleransi.

2- Ayat berkaitan dengan tema wala' iaitu hanya meletakkan kesetiaan yang tertinggi kepada Islam

Ayat-ayat ini menyentuh tentang kewajipan orang Islam agar memberikan taat setia dengan Islam dan tidak menggadaikan prinsip agama apabila berhubung dengan non-Muslim. Islam membenarkan orang Islam meraikan non-Muslim sebagai kawan, rakan dan sahabat tetapi tidak sampai meninggalkan solat, puasa atau mengabaikan hukum Islam yang lain. Pengabaian ini membawa erti mengkhianati Islam kerana kesetiaan kepada Islam melebihi kepada kesetiaan kepada yang lain.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

3- Ayat berkaitan tema jihad perang iaitu mempertahankan diri apabila diserang

Ayat-ayat ini turun dalam konteks peperangan dan sekiranya orang Islam diserang. Jihad menandakan bahawa orang Islam mempunyai maruah diri dan perlu mempertahankan diri apabila diserang. Islam meletakkan bahawa memperjuangkan dan mempertahankan agama, negara, keluarga dan diri sebagai suatu kewajipan. Namun, jihad bukanlah bererti menyerang secara membabbuta tetapi apabila diserang.

4- Ayat berkaitan dengan keadilan kepada semua manusia / rakyat termasuk kepada orang kafir

Keadilan dalam berurusan dengan sesiapa pun merupakan perintah Allah meliputi orang Islam mahupun orang kafir. Mereka adalah rakyat yang perlu diurus dengan cara yang adil dan berhikmah. Allah mengharamkan berbuat zalim ke atas mereka, apatah lagi menindas dan mengambil harta mereka secara paksa. Ini sesuai dengan prinsip Islam yang menyuruh berlaku adil dan menunaikan amanah. Ia termasuklah kewajipan menyempurnakan janji dan memberikan hak kepada mereka yang berhak.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

5- Ayat berkaitan dengan sikap tegas dengan orang kafir

Ada ayat yang Allah minta supaya orang Islam bertegas dalam perkara prinsip dan pelaksanaan hukum Islam. Ini selaras dengan prinsip tauhid yang tidak boleh dikompromi dengan yang lain. Berpegang dengan prinsip akan menjadikan orang Islam disegani dan dihormati. Tegas tidak semestinya keras, tetapi tegas dalam perkara yang melibatkan prinsip agama.

6- Ayat berkaitan dengan “Tiada halangan untuk berbuat baik dengan orang kafir”

Ada dua ayat yang menyebutkan bahawa Allah tidak mlarang orang Islam berbuat baik dengan non-Muslim yang tidak memusuhi Islam. Ini bermakna, Allah tidak menyuruh berbuat baik kepada mereka secara khusus, tetapi tidak pula menghalangnya. Ayat ini perlu dilihat dalam konteks hubungan antara individu dan dalam konteks sikap mereka terhadap Islam. Tetapi dalam konteks kenegaraan, kerajaan perlu menyediakan keperluan yang mencukupi dan kemudahan yang sesuai dengan keadilan Islam. Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الْذِينَ إِمَّا مُؤْمِنُوا لَا تَتَّخِذُوا الَّذِينَ أَنْجَدْنَا دِينَكُمْ هُرُونَ وَلِعَبَّارًا مِّنَ الَّذِينَ أُرْثَقُوا
الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَالْكُفَّارُ أَوْلَاهُمْ وَأَنْفَعُهُمُ اللَّهُ إِنْ كُفُّرُ مُؤْمِنِينَ

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Maksudnya: Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil penolong daripada kalangan orang yang menjadikan agama kamu sebagai ejekan dan permainan sama ada daripada kalangan ahli kitab atau orang kafir. Bertakwalah kepada Allah, jika kamu benar-benar orang yang beriman. (al-Maidah: 57)

Ringkasnya, hubungan antara orang Islam dan non-Muslim perlu dilihat daripada sudut hubungan keagamaan dan kemanusiaan. Ia tidak hanya dilihat daripada sudut keadilan dan berbuat baik sahaja, tetapi perlu dilihat daripada sudut tanggungjawab dakwah dan menyampaikan mesej Islam kepada mereka.



**Dakwah mengandungi toleransi,
tetapi toleransi tidak semestinya mengandungi dakwah**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 27

Apakah Sempadan Dalam Berbuat Baik Dengan Orang Kafir?

KERAGUAN: Terdapat 12 ayat al-Quran yang menyentuh larangan tidak boleh memberi kesetiaan kepada orang kafir. Adakah ini menggambarkan bahawa Islam merupakan agama yang tidak mahu berbuat baik dengan orang kafir?

Penjelasan

Berbuat baik dengan semua orang merupakan ciri penting kepada agama Islam termasuklah dengan orang kafir. Allah tidak melarang berbuat baik kepada mereka dengan syarat mereka bukan anti Islam dan menghalau orang Islam keluar dari tempat tinggal. Ini berdasarkan firman Allah:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّن دِيرَاتِكُمْ أَن تَبْرُوْهُمْ
وَقُصْسُطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Maksudnya: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halamankamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil. (al- Mumtahanah: 8)

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Dalam ayat ini, Allah menggunakan ungkapan “Allah tidak melarang” yang menurut ahli tafsir ungkapan ini bererti suatu kelonggaran kepada orang Islam untuk berbuat baik dan berlaku adil kepada orang kafir. Dalam erti yang lain, ia bukanlah suatu perintah tetapi suatu kelonggaran yang memerlukan kepada kebijaksanaan orang Islam dalam memilih siapakah dalam kalangan orang kafir yang perlu dibuat baik. Kriteria orang kafir yang Allah telah gariskan dalam amat ini ialah orang kafir yang tidak anti Islam dan tidak menghalau orang Islam keluar dari tempat tinggal mereka.

Orang kafir yang dimaksudkan di sini ialah orang kafir di luar negara Islam seperti yang difahami dalam sebab turun ayat ini. Ia berkaitan dengan perjanjian damai yang dibuat antara Rasulullah dengan Kabilah Khuza'ah yang berjanji tidak akan memerangi atau memusuhi baginda. Ia merupakan kabilah yang besar pada masa itu tetapi mereka berbaik dengan orang Islam. Dalam konteks hari ini, diharuskan berbuat baik dengan negara kafir dengan syarat di atas sekiranya ia boleh membawa manfaat kepada politik Islam, ekonomi Islam dan umat Islam amnya. Pertimbangan ini diberikan kepada pemimpin negara Islam.

Keharusan bersyarat dalam ayat di atas ini juga mencakupi orang kafir yang menjadi rakyat dalam negara Islam. Namun, berlaku adil kepada rakyat dalam negara merupakan suatu kewajipan kepada kerajaan Islam.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sekiranya mereka anti Islam dan memusuhi orang Islam seperti yang dilakukan oleh Yahudi, tindakan tertentu perlu diambil terhadap mereka bergantung kepada sejauh manakah sikap mereka terhadap Islam. Ketika itu, berbuat baik kepada mereka perlu difikirkan semula.

Terdapat larangan yang jelas untuk berbuat baik kepada orang kafir yang memusuhi orang Islam dan yang menghalau keluar orang Islam daripada tanah air. Ia termasuklah yang menindas dan berlaku zalim ke atas orang Islam. Mereka meliputi negara kafir dan sekumpulan orang kafir. Ketika ini, tiada keperluan untuk berbuat baik lagi dengan mereka apatah lagi menyayangi mereka dan meminta bantuan dengan mereka. Ini berdasarkan kepada larangan keras daripada Allah memberikan “wala” kepada mereka sebagai mana firmanNya:

إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ مِّن دِيْرِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَن تَوَلَّهُمْ وَمَن يَتُوَلَّهُمْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu menjadikan teman rapat daripada golongan orang yang memerangi kamu kerana agama (anti Islam), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang yang zalim.

(al-Mumtahanah: 9)

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Kesimpulan dua ayat di atas ialah mesti menjaga akidah dan prinsip agama sangat penting dalam hubungan dengan orang kafir. Boleh berkawan dan berbuat baik kepada mereka dengan syarat tidak menggadaikan perintah Allah dan mengkhianati orang Islam. Termasuklah dalam konteks berbuat baik itu ialah mendekati dan menghormati mereka, berkawan dan bersahabat, memberi bantuan, berkongsi niaga dan menjaga kebajikan mereka.

Terdapat 5 ayat al-Quran yang menyebut babi dan 4 daripadanya menjelaskan pengharaman babi. Namun, terdapat 12 ayat al-Quran yang menyentuh larangan tidak boleh memberi kesetiaan kepada orang kafir. Ini bukan bererti tidak boleh berbuatbaik dengan mereka, tetapi menggambarkan prinsip kesetiaan kepada Islam melebihi yang lain.

Berbuat baik dan berlaku adil dengan orang kafir merupakan suatu pendekatan dakwah yang boleh dipilih berdasarkan kepada keadaan. Walau ayat di atas berkaitan dengan berbuat baik, tetapi ia tidak membincangkan keharusan melantik atau memberi amanah kepada orang bukan Islam. Ia menerangkan hukum hubungan sosial antara umat Islam dengan orang kafir.



**Berlembut dengan orang Islam
Menzahirkan kehebatan Islam dengan orang kafir**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 28

Mengapa Tidak Boleh Melantik Orang Kafir Sebagai Pemimpin No 1 Negara?

KERAGUAN: Dalam sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk, tidak membenarkan pelantikan orang kafir sebagai pemimpin merupakan suatu prinsip yang menggambarkan Islam sebagai agama yang tertutup.

Penjelasan

Perkataan “melantik” dalam bahasa Arab ialah “*tauliah*”. Ia ada kaitandengan perkataan *wala'* kerana daripada perkataan ini lahir perkataan“*tauliah*”. Oleh itu larangan *wala'* kepada orang kafir juga termasuk dalam konteks melantik mereka sebagai pemimpin, namun ia bukanlah salah secara mutlaknya. Tetapi ia tertakluk kepada perkara berikut:

- 1-** Pemimpin utama negara Islam khususnya ketua negara mestilah dalam kalangan orang Islam.
- 2-** Boleh melantik pemimpin untuk jawatan yang bukan utama tetapi mestilah tidak menggadaikan prinsip Islam atau pelantikan mereka itu boleh menghalang pelaksanaan hukum Islam.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

3- Pelantikan orang bukan Islam sebagai ketua di tempat kerja tiada masalah.

4- Keutamaan dalam pelantikan kepimpinan secara umumnya dalam kalangan orang Islam khususnya dalam kelompok yang majoritinya orang Islam.

Jawatan yang strategik dalam sesebuah negara Islam, yang melibatkan kepentingan besar kepada orang Islam seharusnya dipegang oleh orang Islam. Jawatan seperti ini akan memegang segala rahsia dan mengetahui segala selok-belok urusan dalaman umat Islam. Ini bermakna seseorang yang memegang jawatan yang strategik ini perlu adil dan salah satu kriteria penting ialah Islam. Ini adalah sikap kewaspadaan dan langkah berhati-hati, bukan berburuk sangka dengan orang bukan Islam.

Allah berfirman:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَرْكِذُوا بِطَانَةً مِّنْ دُونِكُمْ لَا يَأْلُونَ كُمْ حَبَالًا وَدُوْا مَا عَنْتُمْ قَدْ بَدَأْتِ الْبَعْضَاءَ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تُخْفِي صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ قَدْ يَبَثَّ لَكُمُ الْأَكْيَتِ إِنْ كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang yang bukan daripada kalangan kamu menjadi "orang kepercayaan". Mereka tidak akan berhenti-henti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Telah nyata (tanda) kebencian mereka pada pertuturan mulutnya, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya telah kami jelaskan kepada kamu keterangan-keterangan itu jika kamu (mahu) memahaminya.

(Ali Imran: 118)

Antara maksud perkataan *bitanah* yang dihuraikan dalam kitab tafsir ialah sebagai “orang kepercayaan” atau “orang dalam” yang menyimpan segala rahsia orang Islam atau mengetahui segala hal- ehwal dalaman orang Islam. Namun, orang Islam mesti sentiasa berbaik sangka dan menunjukkan akhlak yang baik dengan orang bukan Islam. Tetapi janganlah sampai terlalu naif sehingga mudah ditipu oleh mereka yang tidak suka dengan Islam lantas melemahkan umat Islam secara halus melalui campur tangan dan menguasai urusan orang Islam tanpa disedari. Orang Islam mesti membina sikapintegriti yang tinggi, bersatu padu, saling tolong menolong dan kuat menguatkan antara satu sama lain.

Melantik orang kafir di tempat kerja sebagai ketua atau dalam kawasan komuniti tidaklah menjadi halangan. Mereka mungkin lebih layak disebabkan senioriti, kepakaran dan kepimpinan, namun untuk melantik mereka sebagai ketua negara kepada sebuah negara yang majoritinya orang Islam tidak dibenarkan. Dalam ramai-ramai orang Islam, tidak wajar orang Islam membiarkan jawatan itu. Mereka perlu untuk belajar dan mencari pengalaman untuk melayakkan diri sebagai ketua negara, bukan membiarkannya kepada orang lain.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Begitu juga, realiti dunia yang mempunyai pemerintahan secara negara-bangsa, setiap negara ada identiti bangsa dan agama, dan setiap negara sensitif dengan kaum dan agama serta pegangan politik ketua negaranya, walaupun negara sekular. Maka kepentingan memilih pemimpin beragama ini tidak pernah susut kewajipannya terhadap umat Islam.



**Boleh berbuat baik dengan siapa sahaja termasuk orang kafir
Tetapi tidak boleh sampai menggadaikan agama**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

SOAL JAWAB 29

Mengapa Pihak Berkuasa di Malaysia Melarang Penggunaan Kalimah Allah Kepada Agama Lain?

KERAGUAN: Orang Yahudi dan Nasrani sebelum ini lagi telah lama menggunakan kalimah Allah dalam manuskrip kitab mereka. Contohnya segelintir masyarakat Kristian menggelarkan Nabi Isa sebagai anak Allah kerana Allah juga bermaksud Tuhan.

Penjelasan

Lafaz ‘Allah’ merupakan perkataan merujuk Allah Yang Maha Esa. Ia merupakan perkataan yang digunakan oleh orang Islam yang tidak sama dengan perkataan tuhan atau *god*. Perkataan Allah juga tidak boleh disamakan dengan tuhan bagi agama lain kerana perkataan Allah digunakan dalam al-Quran merujuk kepada tuhan yang maha esa. Kalau ada yang menggunakan Allah tetapi merujuk kepada tuhan lain, itu penggunaan yang tidak tepat dan tidak boleh diterima.

Ada dilaporkan penggunaan kalimah Allah tetapi merujuk kepada merujuk ‘Tuhan Bapa’, iaitu satu oknum daripada akidah triniti. Dalam tulisan Bible versi bahasa Inggeris (William James), perkataan tuhan diungkapkan dengan lafaz “Lord”.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Apabila Bible diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, ada sesetengah penterjemah menggunakan perkataan Allah untuk menterjemahkan “Lord”. Ia adalah terjemahan yang salah dan terjemahan yang sesuai ialah “god”. Lagi pun, kalau dalam bahasa Melayu perkataan Allah hanyalah merujuk kepada tuhan orang Islam, bukan untuk agama lain. Penterjemah perlu menggunakan perkataan yang paling tepat dengan maksud perkataan sebenar dalam teks asal kerana penterjemahan bukan sekadar mengalih istilah, tetapi yang lebih penting ialah menyampaikan maksud dan konsepnya.

Penterjemahan juga harus dari awal lagi menginsafi akan perbezaan nahu, sintaksis dan latar belakang budaya kedua-dua bahasa, iaitu bahasa asal dan bahasa sasaran. Tiada salahnya sesiapapun hendak menggunakan bahasa Melayu dalam penerbitannya, apa yang penting terbitan itu mesti bertanggungjawab, bukan mengelirukan masyarakat. Namun, terjemahan tuhan kepada Allah dengan jelas boleh dilihat sebagai satu usaha dakwah disasarkan pada orang Melayu, kerana dalam konteks Melayu dan Malaysia, nama Allah bukan penggunaan biasa penganut Kristian dan agama lain

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Walaupun kalimah Allah turut digunakan secara harian oleh para pengikut agama lain seperti Kristian dan Yahudi dalam sesetengah negara, tetapi penterjemahan dan penerbitan kitab suci Kristian dalam bahasa Melayu mestilah tidak menggunakan perkataan Allah kerana ia perkataan yang tidak digunakan oleh majoriti masyarakat di negara ini merujuk kepada “tuhan bapa”. Penterjemahan ini perlu dielakkan kerana ia mungkin mencetuskan kekeliruan dan boleh mengeruhkan keharmonian masyarakat di negara ini. Sekiranya mereka jujur mahu menggunakan kalimah Allah, sepatutnya mereka juga perlu menukar ideologi kepada konsep mentauhidkan dan mengesakan Allah SWT.

Larangan penggunaan kalimah Allah dalam agama Kristian bertitik tolak daripada penerbitan Bible dalam bahasa Melayu. Umum mengetahui bahawa mengikut Perkara 160 (2) Perlembagaan Malaysia, orang Melayu itu mestilah beragama Islam. Rakyat Malaysiyang bukan Islam juga asasnya adalah bukan Melayu. Maka, tidak sepatutnya isu ini timbul kerana Bible tersebut boleh diterbitkan dalam bahasa Cina, India dan lain-lain tanpa menimbulkan penentangan dari orang Melayu.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Ada sebahagian orang bukan Islam yang mendakwa bahawa kalimah Allah itu juga merupakan panggilan kepada tuhan mereka. Hal ini bukanlah sesuatu yang baru dan mengejutkan malah al-Quran sendiri merakamkan kekeliruan yang berlaku sebagai iktibar buat umat Islam dan bukan Islam. Oleh itu, Surah al-Ikhlas diturunkan bagi menjelaskan siapakah sebenarnya “Allah” yang diselewengkan oleh agama-agama lain. Firman Allah:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ


Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad) bahawa Allah itu Esa.

(al-Ikhlas: 1)

Penggunaan kalimah Allah ini juga telah lama digunakan dalam kalangan bangsa Arab sebelum kelahiran Nabi Muhammad SAW. Ini bererti dalam aspek sejarah masyarakat Arab, istilah Allah telah lazim digunakan oleh setiap individu biarpun agama anutannya bukan Islam. Bagaimanapun penggunaan kalimah Allah tetap merujuk kepada Tuhan yang satu, iaitu tuhan yang diyakini sebagai sembahana masyarakat ketika itu. Perkara ini turut dikongsi bersama khususnya masyarakat di Tanah Melayu. Penyebaran Islam telah mengangkat kalimah Allah yang diguna pakai sebagai merujuk Tuhan Yang Maha Esa.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Oleh itu, boleh dikatakan bahawa penggunaan kalimah Allah adalah milik sejagat, tidak terhad hanya kepada etnik atau kaum tertentu. Namun, apa jua ‘penjenamaan semula’ kalimah Allah dalam bahasa Melayu yang merujuk kepada konsep triniti adalah tidak boleh diterima sama sekali.



50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 30

Bagaimanakah Sikap Islam Terhadap Kaum dan Perkauman?

KERAGUAN: Perjuangan Orang Melayu untuk bangsa Melayu dalam politik adalah perjuangan perkauman yang perlu dielakkan. Ia membawa kepada fanatik terhadap bangsa sendiri dan merendahkan malahan menghina bangsa lain.

Penjelasan

Allah menjadikan manusia berbeza kaum dan berpuak untuk saling berkenalan. Perbezaan ini akan menjadikan kehidupan manusia berkembang dan saling mempelajari antara satu sama lain. Allah berfirman:

يَأَيُّهَا أَنْتَ اُلَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ ذِكْرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُورًا وَقَابِلَ لِعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ
عِنْدَ اللَّهِ أَنفُسُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَمِيرٌ

Maksudnya: "Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak dan kaum, supaya kamu saling berkenal kenalan.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya”. (Al-Hujurat: 13).

Biasanya manusia menyayangi kaumnya sendiri berbanding orang lain seperti mana dia mengutamakan keluarganya daripada orang lain. Maka tidak salah dia mengasihi kaumnya seperti mana ia mengasihi keluarganya. Namun, Allah tidak suka perkauman iaitumembantu atau mempertahankan kaum sendiri yang melakukan kesalahan. Apatah lagi dalam perkara kezaliman, dosa dan maksiat. Inilah ‘asabiyyah atau perkauman yang ditentang dalam Islam kerana asabiyyah ialah buta kebenaran. Rasulullah pernah ditanya:

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَمِنَ الْعَصِيَّةَ أَنْ يُحِبَّ الرَّجُلُ قَوْمَهُ قَالَ لَا وَلَكِنْ مِنَ
الْعَصِيَّةِ أَنْ يُعِينَ الرَّجُلُ قَوْمَهُ عَلَى الظُّلْمِ

Maksudnya: “Wahai Rasulullah! Apakah termasuk dalam ‘asabiyyah jika seseorang mencintai kaumnya?. Jawab Baginda: Tidak! Tetapi ‘asabiyyah itu seseorang menolong kaumnya atas kezaliman.”

(Abu Daud dan Ahmad)

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT


Menyayangi kaum sendiri dan bersikap perkauman merupakan dua perkara yang berbeza. Menyayangi kaum itu fitrah kejadian yang ditentukan oleh Allah. Manakala perkauman itu adalah fanatik terhadap bangsa sendiri dan tidak menerima kebenaran daripada orang lain. Ini sikap yang melampau yang tidak dibenarkan sehingga sedia mempertahankan kaum sendiri biarpun salah.

Bangsa adalah kurniaan Allah kerana tiada siapa yang dapat menentukan bangsanya sebelum dilahirkan dan tidak siapa juga dapat mengubah bangsanya selepas dilahirkan. Oleh kerana bangsa adalah ketentuan Allah, menghina bangsa bagaikan menghina ciptaan Allah. Cuma yang boleh diubah ialah sikap terhadap kebenaran. Setiap orang perlu berusaha mencari, berpegang dan mempertahankan kebenaran. Berubah daripada kesalahan kepada kebenaran, daripada kesesatan kepada cahaya.

Islam merupakan agama yang universal dan sesuai untuk semua. Kebaikan yang ditawarkan oleh Islam merentasi sempadan bangsa dan tempat. Islam memperjuangkan hak orang Islam dan hak semua orang dalam negara Islam. Ini terbukti dalam sejarah Islam bermula dengan sejarah Rasulullah. Ini bermakna, Islam bukan agamaperkauman dan tidak memaksa bangsa lain memeluk Islam.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Selain itu, kebelakangan ini banyak pula timbul sikap anti- Islam yang dizahirkan oleh sesetengah pihak. Namun, apabila ada orang Islam mempertahankan agamanya, ia dianggap sebagai perkauman dan mencetuskan pertembungan antara kaum. Apabila Islam dipertahankan, ia bukanlah perkauman dan bukan juga fanatik. Ia adalah membela Islam daripada diperkotak katikkan oleh orang yang anti Islam.



Menyayangi bangsa sendiri itu fitrah

Membenci bangsa lain itu fanatik

SOAL JAWAB 31

Adakah Benar Kaum Wanita dan Perjuangan Feminisme Dipinggirkan?

KERAGUAN: Peranan yang dimainkan oleh kaum wanita adalah sama seperti lelaki tetapi suara mereka dipinggirkan dalam banyak perkara di negara ini. Terdapat ramai tokoh feminis global dalam kalangan Muslimah yang menyuarakan hak wanita dalam pendidikan, kerjaya dan sebagainya.

Penjelasan

Musuh Islam sering memomokkan Islam itu adalah agama yang dimonopoli oleh kaum lelaki, manakala kaum perempuan puladinafikan hak, malah dizalimi. Anggapan serong dan tidak berasas tersebut telah menimbulkan suatu gerakan feminism dengan menjadikan wanita muslimah sebagai sasaran untuk menjayakan agenda liberalisasi. Sesetengah orang yang tidak melihat agenda sebenar feminis, memandang positif terhadap golongan feminism kerana pada zahirnya matlamat golongan ini untuk melindungi dan menyuarakan hak kaum wanita. Sebenarnya, fahaman ini mengukuhkan agenda liberalisasi agama dan menyebarkan propaganda yang menyasarkan Islam sebagai agama ‘patrikal’ yang menjadikan seorang wanita terlalu tunduk dan hanya bergantung kepada suami.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Lantaran itu, gerakan feminism wujud dengan tujuan untuk menyatakan hak kaum wanita seharusnya sama seperti kaum lelaki. Dalam konteks negara kita, organisasi feminism yang menonjol ialah Sisters in Islam (SIS) yang ditubuhkan pada tahun 1991. Pendekatan mereka ini meniru konsep kesaksamaan jantina yang diperjuangkan di Barat dengan menjadikan semua aspek kehidupan baik daripada segi fizikal, tugas serta tanggungjawab antara lelaki dan perempuan adalah sama. Kesamaan yang mereka perjuangkan berdasarkan kepada ukuran logik yang mereka rasa betul.

Sedangkan dalam Islam, lelaki dan perempuan telah diberikan hak dan tanggungjawab, ada yang sama dan ada yang berbeza. Tanggungjawab ialah perkara yang perlu dilaksanakan, manakala hak ialah perkara yang dia perlu dapat. Sebagai contoh, tanggungjawab suami memberi nafkah kepada isterinya, manakala haknya ialah mendapatkan ketaatan daripada isteri. Namun, ramai yang mahu mendapatkan banyak hak, tetapi kurang mahu melaksanakan banyak tanggungjawab. Sebenarnya, lelaki dan wanita dipandang mulia apabila berjaya melaksanakan tanggungjawab yang digariskan syarak ke atasnya. Jangan diungkit perbezaan ini kerana fitrah kejadian lelakidan wanita adalah berbeza. Masing-masing ada tanggungjawab yang perlu dilaksanakan secara berganding bahu.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Di atas fitrah yang berbeza ini, seseorang itu perlu menerima hakikat perbezaan yang diciptakan oleh Allah. Mengeluarkan diri daripada lingkungan fitrah ini akan mengundang bahaya dan masalah. Janganlah kura-kura mahu mengeluarkan dirinya daripada kulit belakangnya atas nama hak asasi. Janganlah kura-kura tidak puas hati terhadap dirinya yang tidak boleh berlari seperti arnab. Begitu juga, janganlah ayam menuntut untuk berenang seperti itik dan janganlah kambing menuntut makan daging seperti harimau. Masing-masing berperanan dengan cara masing-masing.

Peranan yang dimainkan oleh kaum lelaki adalah berbeza dengan kaum wanita kerana mereka perlu memikul tanggungjawab yang besar sebagai pemimpin keluarga. Kaum lelaki perlu memastikan segalanya diuruskan dengan baik untuk melindungi serta menjamin hak kaum wanita dalam institusi keluarga. Keutamaan kepada kaum lelaki untuk memegang tanggungjawab yang berat adalah sama sekali tidak menafikan peranan dan kemuliaan wanita dalam konteks ini.

Tanggungjawab kaum wanita pula ialah melengkapkan tanggungjawab kaum lelaki. Ini dapat dilihat daripada beberapa sudut yang sesuai dengan fitrah kejadian mereka seperti kesediaan mengandungkan bayi selama sembilan bulan tanpa jemu dan takut dengan kemungkinan bahaya yang ditanggung mereka. Manakala lelaki sebagai pemimpin, dipertanggungjawabkan untuk menjaga keselamatan dan kebaikan, serta menyediakan keperluan hidup untuk isteri serta anak mereka.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

Rasulullah SAW bersabda:

أَلَا كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَالإِمَامُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ
وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ، وَهُوَ مَسْئُولٌ
عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَزَاهِرُ رَاعِيَّةٌ عَلَى أَهْلِ بَيْتِ زَوْجِهَا، وَوَلَيْهِ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ
عَنْهُمْ، وَعَبْدُ الرَّجُلِ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُ، أَلَا فَكُلُّكُمْ
رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: Setiap kamu adalah pemimpin. Setiap kamu akan diminta bertanggungjawab terhadap yang dipimpinnya. Seorang ketua adalah pemimpin. Seorang suami adalah pemimpin atas keluarganya. Seorang wanita juga pemimpin atas rumah suaminya dan anak-anaknya. Maka setiap kalian adalah pemimpin dan setiap kalian akan dipertanggungjawabkan atas yang dipimpinnya. (al-Bukhari)

Kewanitaan bukanlah suatu kelemahan. Ketika Ummu Salamah bertanya kepada Rasulullah SAW mengenai pahala syahid di medan perang, Rasulullah SAW menyebut wanita juga mendapat peluang pahala syahid sekiranya mereka menjaga urusan rumah tangga sebaik-baiknya. Ia adalah pengiktirafan bagi wanita, menjaga rumah tangga sama nilainya dengan menjaga perbatasan negara daripada diceroboh oleh pihak musuh.

**50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN
MODEN BARAT**



**Segala ketetapan Allah sesuai dengan fitrah
Orang yang tidak suka agama, bererti tidak suka kepada fitrah**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 32

Adakah Feminisme Muslim selari dengan Islam?

KERAGUAN: Feminisme mendengar dan memperjuangkan ketidakadilan yang berlaku kepada perempuan seperti mana Rasulullah SAW mendengar isi hati Ummu Salamah dan ia diresponsdalam al-Quran melalui Surah Al-Ahzab ayat 35.

Penjelasan

“Feminis Muslim” merupakan ungkapan yang cuba menggambarkan hubungan pejuang hak wanita sesuai dengan Islam. Ungkapan ini digunakan sebagai tagline yang menaungi gerakan feminism yang kononnya selaras dengan kehendak Islam. Matlamat perjuangan gerakan ini ialah untuk mengangkat martabat wanita mengangkat hak-hak perempuan, memperjuangkan kesetaraan gender, dan keadilan sosial. Namun, perjuangan gerakan ini yang tidak selari dengan hukum dan prinsip Islam kerana mereka hanya menerima Islam dalam perkara yang selari dengan prinsip mereka sahaja. Antara contoh perkara yang mereka perjuangkan ialah:

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

1. Tidak menerima undang-undang pusaka Islam kerana ia lebih menyebelahi lelaki.
2. Menolak konsep poligami yang telah diberikan oleh Allah kepada kaum lelaki kerana ia membawa penindasan kepada wanita.
3. Membenarkan orang Islam keluar (murtad) daripada Islam dan memudahkan segala urusan yang berkaitan seperti pendaftaran nama dan penukaran status agama dalam kad pengenalan atas hak mereka sebagai warganegara yang perlu dihormati.
4. Mempertahankan hak golongan LGBT dan transgender disebabkan itu hak peribadi yang perlu dihormati.
5. Mendakwa bahawa ‘Teks al-Quran itu hanyalah kiasan, bukannya mesti difahami secara literal’ atau ‘Teks itu hanya untuk masa dahulu dan bukan masa sekarang’.
6. Memilih hadis Nabi yang mereka suka dan menolak yang mana mereka tidak sukai.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Perjuangan mereka dalam mengangkat hak wanita melebihi lelaki keterlaluan dan melanggar nas al-Quran dan Hadis. Dalam pelaksanaan hukum Islam, tidak dapat dinafikan memang ada ketidakadilan yang berlaku kepada wanita yang ditindas oleh suami, ayah, abang dan sebagainya. Begitu juga, kelemahan dalam akta dan enakmen, prosiding mahkamah, peraturan, dan sebagainya. Semua itu perlu diperbaiki, tetapi mereka tidak boleh menyalahkan Islam di atas kelemahan itu kerana ia adalah perbuatan manusia. Manusia yang perlu dididik dan sistem yang perlu diperbetulkan, bukan dengan merubah segala hukum mengikut kehendak dan keinginan manusia kononnya untuk memberikan keadilan kepada wanita.

Hakikatnya, “Feminis Muslim” ialah istilah yang bertentangan (*oxymoron*), kerana hukum hakam berkait gender sangat mendasar dalam Islam, seperti nabi dan rasul yang dipilih daripada lelaki, imam solat, hukum faraid dan sebagainya. Feminisme menafikan semua ini. “Feminis Muslim” merupakan suatu propaganda yang sengaja dicipta bagi mengabui mata orang awam bagi menyokong agenda perjuangan mereka. Dengan menggunakan hujah keadilan untuk wanita, hak asasi wanita dan kesamarataan, mungkin ada yang terpedaya dengan hujah yang separa logik ini. Tambahan pula, mereka juga ada menyandarkan hujah dengan ayat al-Quran, Hadis dan sirah sedangkan mereka mengambilnya secara memilih-milih dan kadang-kadang di luar konteks.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sebagai contoh, mereka mendakwa perintah menutup aurat wanita tidak wajib di bahagian kepala dan dada kerana perkataan aurat tidak sepatutnya difahami secara literal kerana aurat bermaksud menutup keaiban wanita. Begitu juga mereka berpegang dengan kisah Rasulullah SAW mendengar isi hati Ummu Salamah sebagaimana ia dicatat dalam al-Quran melalui Surah Al-Ahzab ayat 35. Namun, mereka menolak ayat faraid sedangkan ia jelas disebutkan dalam al-Quran.

Wanita seringkali menuntut banyak hak yang menyamai lelaki sedangkan Allah memberikan sedikit tanggungjawab mereka pun sedikit. Bersyukurlah dengan tanggungjawab yang sedikit dan tidak menuntut lebih daripada apa yang sepatutnya. Janganlah cemburu kepada lelaki dengan menuntut banyak hak yang mungkin tidak sesuai dengan *nature* seorang wanita. Atap tidak wajar dengki dengan lantai kerana berhujan panas setiap hari, manakala lantai pula tidak wajar dengki dengan atap kerana dipijak setiap hari. Ikutlah ketetapan yang diberikan kerana penentuan Allah itu terbaik untuk semua.



Wanita tidak perlu terlalu meminta, kerana apa yang diberi mungkin sudah memadai

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 33

Mengapa Kesaksian Lelaki Lebih Diterima Berbanding Kaum Wanita?

KERAGUAN: Islam tidak memberikan peluang kepada wanita untuk menjadi saksi dalam menentukan sesuatu kesalahan. Ini memperlihatkan kedudukan wanita menjadi jantina kelas kedua dan dianak tirikan dalam norma agama kerana bentuk ajarannya mengekalkan budaya patriarki iaitu sering memihak kepada lelaki.

Penjelasan

Dalam Islam, lelaki dan wanita adalah sama dari sudut pertanggungjawaban. Mereka diibaratkan saling berganding bahu dalam memikul amanah terhadap menjaga atau memelihara diri, keluarga, masyarakat dan negara. Maka, tidak kira lelaki ataupun perempuan masing-masing akan menerima ganjaran berupa pahala dan syurga daripada Allah SWT bergantung kepada tahap amalan dan pelaksanaan tanggungjawab itu.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Walau bagaimanapun, ada sesetengah golongan mempersoalkan mengapa kaum wanita tidak diberikan hak dan tanggungjawab untuk menjadi saksi sama seperti kaum lelaki sedangkan kata mereka wanita pada masa kini lebih berpendidikan dan boleh menentukan mana yang baik dan buruk. Contohnya kesaksian wanita dalam urusan kewangan. Ini berdasarkan kepada firman Allah:

وَأَسْتَهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ
مِمَّنْ تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضْلَلَ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكَّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى

Maksudnya: dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setujui menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi.

(al-Baqarah: 282)

Keperluan kepada dua orang saksi wanita dalam ayat ini adalah lebih kepada langkah berhati-hati bukannya untuk mendiskriminasikan kaum wanita atau merendahkan martabat mereka. Ayat ini menggambarkan mengenai proses urus kewangan yang melibatkan soal hutang dan tunggakan di mana kaum wanita lazimnya tidak biasa berurusan dengannya.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Kesaksian seorang wanita juga boleh diterima dan memadai jika ia melibatkan isu-isu kewanitaan seperti sakit puan, penyusuan dan kelahiran. Persoalan ini telah lama diperbahaskan dalam pelbagai pandangan mazhab bahkan sebahagian besar ulama bersetuju bahawa kaum wanita juga boleh menjadi saksi dalam kes-kes tertentu. Apa yang perlu diperjelaskan di sini adalah keperluan saksi dalam sesuatu kesalahan adalah untuk membuktikan jenayah yang berlaku dengan bukti yang jelas agar hukuman dapat dijalankan dengan baik.


Justeru, kedudukan bagi seseorang yang menjadi saksi perlu dilihat dari segi kelayakannya dan kemampuannya agar keterangan yang diberikan tidak bersifat syubhah (ragu-ragu). Seseorang yang menjadi saksi juga mempunyai amanah dan tanggungjawab yang besar dalam memberikan keterangan dengan bukti yang jelas tanpa dipengaruhi dengan emosi dan simpati.

Kerana dibimbangi kaum wanita akan beremosi ketika memutuskan sesuatu pembuktian maka Islam mengariskan bahawa lelaki lebih layak menjadi saksi. Walaubagaimanapun, penyaksian wanita boleh diterima dalam perkara-perkara yang tidak dapat dilihat oleh kaum lelaki, seperti dalam masalah kelahiran, menentukan dara, kecacatan pada anggota sulit, penyusuan, ha'id dan habis iddah.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Islam itu bersifat rahmah kerana menyedari kemampuan wanita dari sudut emosi sangat rapuh (*fragile*) lalu dibimbangi kesaksian yang diberikan boleh mengakibatkan sesuatu hukuman tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Sebagai contoh dalam kes pembunuhan, jiwa seorang wanita akan merasa lebih tidak stabil, ketakutan dan mudah merasa keliru berbanding dengan orang lelaki.

Maka, keperluan kepada saksi wanita kedua ini lebih kepada konsep berhati-hati (*ihtiyat*) dan bukannya mendiskriminasi peranan mereka untuk menjadi saksi. Saranan dan peraturan yang telah ditetapkan dalam Islam ini mempunyai hikmah dan asbabnya yang tersendiri. Ia menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang berhati-hati dalam soal keadilan kepada semua pihak. Justeru, Islam menyifatkan perbezaan jantina dan tanggungjawab bukanlah untuk merendahkan tetapi adalah untuk saling melengkapi antara satu sama lain.



**Lelaki tidak perlu berbangga dengan hak kerana di sebalik
hak itu, terdapat banyak tanggungjawab**

SOAL JAWAB 34

Benarkah Islam Mendiskriminasi Wanita Dalam Hal Ibadah?

KERAGUAN: Islam tidak membenarkan kaum wanita menjadi imam dalam solat serta memisahkan ruang solat antara lelaki dan wanita. Ruang solat wanita diletakkan di ruang paling kecil dan terperuk di belakang saf lelaki.

Penjelasan

Islam adalah agama yang paling memuliakan kaum wanita, memberi hak-hak yang secukupnya kepada mereka sebagai seorang manusia, ibu, isteri, anggota masyarakat dan warganegara. Antara bukti Islam meletakkan sesuatu kedudukan wanita di tempat yang mulia ialah dengan memberikan sesuatu tanggungjawab dan kewajipan ke atas mereka seiring dengan fitrahnya.

Islam selalu mempertimbangkan naluri dan fitrah manusia, bahkan menyeru mereka agar memelihara serta mengembangkan rohaninya sehingga mencapai tingkat yang paling tinggi iaitu taqwa. Namun, dalam usaha pengembangan ini Islam tidak menghendaki manusia mengubah syariat yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW kerana ia akan menimbulkan akibat yang lebih buruk lagi.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Dalam aspek ibadat, memang Islam membezakan antara lelaki dan wanita. Sebagai contoh, batal wuduk sentuhan lelaki dan perempuan (mazhab Syafie), saf wanita di belakang lelaki, ada pengadang atau tirai antara saf lelaki dan wanita, imam dan khatib hanyalah lelaki sahaja (melainkan kalau semua jemaah perempuan) dan sebagainya. Semua ini tidak menggambarkan diskriminasi terhadap wanita, tetapi lebih ingin menjaga kehormatan wanita daripada dipermainkan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab.

1. Mengajar batasan dalam hubungan

Islam meletakkan batasan dalam hubungan antara lelaki dan perempuan kerana kebebasan dalam hubungan ini akan membawa implikasi yang buruk kepada masyarakat. Dalam melaksanakan ibadat khusus, Islam meletakkan batasan ini untuk mengajar pendidikan seks kepada orang Islam. Ini merupakan pengajaran dan tarbiah secara tidak langsung.

2. Tidak mensensasikan wanita dalam ibadat

Pendekatan Islam ialah tidak mensensasikan wanita ketika melakukan ibadat kerana ia boleh menghilangkan fokus kepada ibadat. Amat tidak sesuai untuk wanita menjadi imam dan lelaki pula menjadi makmum. Begitu juga, jika lelaki dan wanita solat bersebelahan dalam saf.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

3. Mengajar kedudukan wanita dalam masyarakat

Islam meletakkan wanita pada kedudukan dipimpin oleh lelaki di atas prinsip *qiwamah*. Dalam solat, pengajaran ini dipraktikkan supayadi luar solat prinsip ini dapat dihayati secara bersama.

Namun, propaganda memburukkan Islam dengan cara menasarkan peranan wanita sebagai mangsa yang patriaki, terpencil, ditakluki, dieksplorasi, tidak terbela dan dianiaya. Sehingga menyebabkan segelintir masyarakat percaya bahawa wanita Islam menjadi mangsa kezaliman kerana agama itu disifatkan lebih mengutamakan kaum lelaki. Sikap merendahkan martabat wanita ini selalu dikaitkan atas nama Islam padahal Islam bebas daripada semua dakwaan-dakwaan itu. Islam mengangkat tinggi martabat kaum wanita setaraf dengan kaum lelaki walaupun masing-masing memiliki struktur biologi yang berbeza.

Islam juga menyifatkan perbezaan tersebut bukanlah suatu unsur untuk meremehkan atau merendahkan, tetapi adalah untuk saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Perbezaan biologi ini juga yang menjadikan hanya wanita yang layak untuk melahir dan menyusukan anak. Tugas ini memerlukan komitmen yang khusus demi menjamin kelangsungan zuriat manusia dan pembangunan negara sejahtera. Manakala struktur fizikal kaum lelaki tidak mengizinkan mereka untuk melakukan tanggungjawab tersebut. Masing-masing diciptakan dengan tugas yang berbeza. Allah berfirman:

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكَسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya: Dan ke atas lelaki yang dilahirkan anak untuknya menyediakan nafkah rezeki dan juga memberi pakaian kepada mereka(iaitu wanita yang melahirkan anak) dengan cara yang baik.

(al- Baqarah: 233)

Kaum wanita juga dianugerahkan Allah unsur kecantikan sehingga al-Quran mengungkapkannya sebagai “perhiasan”. Mereka menjadi penyeri rumah tangga, bukannya sebagai tatapan sembarangan manusia selain suaminya. Oleh kerana itu, dalam solat berjemaah kaum wanita ditempatkan di belakang saf lelaki agar ia tidak menjadi tontonan liar kaum lelaki yang ingin mengambil kesempatan menikmati keindahan “perhiasan” di hadapan matanya. Maka, isu diskriminasi wanita dalam solat bukanlah bukti Islam merendahkan wanita, sebaliknya untuk menyesuaikan peranan wanita dalam Islam.



Bertindak luar daripada nature boleh membawa kezaliman

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

SOAL JAWAB 35

Adakah Amalan Poligami Merendahkan Martabat Kaum Wanita?

KERAGUAN: Apabila Syariat Islam membenarkan poligami, perkara ini menyebabkan kaum wanita teraniaya kerana terpaksa menurut kemauan kaum lelaki. Banyak kes poligami telah berakhir dengan penindasan terhadap kaum wanita.

Penjelasan

Poligami merupakan sistem perkahwinan yang telah berlaku sebelum kedatangan Rasulullah SAW lagi. Bahkan terdapat juga amalan poliandri iaitu seorang wanita mempunyai banyak suami ada juga diamalkan pada zaman itu. Apabila Islam menghalalkan perkahwinan dan membenarkan kaum lelaki berpoligami, ia bukanlah suatu peluang untuk mereka bersenang-lenang, tetapi ia satu alternatif untuk menjamin kesejahteraan masyarakat dan menghindarkan diri daripada perbuatan dosa yang lebih parah seperti zina, pelacuran dan keterabaian.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sistem poligami yang disyaratkan dalam ajaran Islam untuk membataskan bilangan wanita yang boleh dikahwini oleh seorang lelaki. Perkara ini sekaligus merupakan satu bentuk pengiktirafan kepada martabat kaum wanita kerana mereka diikat dengan tanggungjawab perkahwinan. Ia bukanlah boleh dibuat secara bebas, tetapi Islam meletakkan peraturan yang ketat sebelum dan selepas seseorang itu berpoligami. Antaranya, suami yang berkemampuan memberi nafkah, bersikap adil, dan bergaul dengan semua isterinya dengan cara yang baik. Haram hukumnya jika suami yang berpoligami mengakibatkan penganiayaan terhadap isteri yang dikahwini.

Adil di sini juga bukan hanya dipersoalkan apabila suami berpoligami sahaja. Suami yang beristeri satu juga dituntut bersikap adil iaitu dengan cara memenuhi hak isterinya sesuai dengan keperluannya yang meliputi tempat tinggal, pakaian, makanan dan hubungan suami isteri.

Firman Allah:

فِإِنْ خَفَتُمْ أَلَاّ تَعْدِلُوْ فَوَحِدَةً أَوْ مَا مَلَكْتَ أَيْمَنَكُوْ ذَلِكَ أَدْنَى أَلَاّ تَعْوِلاً

Maksudnya: Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang saja.

(al-Nisa': 3)

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Untuk mencapai keadilan dalam berpoligami ia memanglah suatu perkara yang mencabar apabila keadilan itu dilihat daripada aspek personal seperti soal cinta dan kasih sayang. Tetapi apabila dilihat kepada aspek peranan dan tanggungjawab, Islam adalah satu-satunya ajaran yang amat menitik-beratkan soal peraturan untuk mencapai soal keadilan tersebut. Oleh kerana itu, suami yang menganiaya isterinya adalah petanda kegagalan sikap diri sendiri bukan kerana sistem poligami tersebut. Ada juga mereka yang berkahwin satu, tetapi rumah tangga huru-hara. Justeru, bagaimana boleh wujud tanggapan poligami ini menindas sedangkan dengan terlaksananya poligami wanita akan terjamin haknya.

Di negara lain walaupun ada yang mengamalkan monogami iaitu ‘satu suami, satu isteri’, terdapat banyak dalam kalangan mereka yang melanggar pelacur sehingga menyebabkan aktiviti seks bebas terus subur. Wanita yang terlibat disebut dengan pelbagai gelaran seperti ‘*whore*’, ‘*hookers*’ dan seumpamanya. Adakah hal seperti ini yang dikatakan sebagai mengangkat martabat wanita?

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Malah timbul pula kempen ‘safe sex’ (seks selamat) menggunakan kondom. Seks bebas menggunakan kondom bukanlah penanda aras kemodenan atau sikap tanggungjawab pasangan, tetapi merupakan penyakit sosial yang boleh memporak-perandakan masyarakat. Perkara ini adalah agenda normalisasi golongan liberalis yang kononnya mahu memecah tabu dalam masyarakat.

Akhirnya budaya mempunyai perempuan simpanan atau hubungan luar nikah menjadi kebiasaan dalam masyarakat. Psikologi anak yang bakal lahir pula akibat daripada hubungan luar nikah pastinya akan terabai. Kepada siapakah nanti anak ini akan dinasabkan? Justeru, antara sebab Islam membenarkan poligami selain daripada menjaga martabat wanita adalah untuk menjaga maruah anak yang bakal lahir.



Apabila diberi kepada manusia mentafsirkan keadilan, ia cenderung untuk maslahah dirinya atau kumpulannya

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

SOAL JAWAB 36

Kenapa Wanita Perlu Berhijab?

KERAGUAN: Kesopanan diri dan tata susila adalah lebih penting daripada pemakaian hijab. Soal moral internal berhubung kesopanan diri kepada Allah lebih bernilai dari penampilan fizikal seperti pemakaian formal muslimah. Lagipun pemakaian hijab adalah simbol Islamisasi dan Arabisasi semata-mata, sedangkan pakaian wanita Melayu adalah kebaya ketat atau berkembang sahaja.

Penjelasan

Tuntutan berhijab yang diwajibkan ke atas kaum wanita untuk memenuhi keperluan menutup aurat yang ditekankan dalam Islam. Pemakaian hijab mungkin dianggap masalah bagi orang awam padahal ia berfungsi sebagai penjaga kepada identiti seorang Muslimah. Mereka sepatutnya mempunyai rasa lebih bertanggungjawab dengan agama walaupun kadang-kadang sikap mereka kurang menggambarkan akhlak sebenar seorang Muslimah.

Pemakaian hijab bukanlah baharu kerana ia telahpun dikenali sebelum kedatangan Islam lagi. Dalam kitab Taurat, ia dikenali sebagai ‘tiferet’. Manakala dalam Injil ia dikenali sebagai ‘redid’, ‘zammah’, ‘re’alah’ dan ‘zaif’. Dalam Islam dikenali sebagai hijab dan aurah.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Pemakaian hijab kepada kaum wanita adalah satu perintah yang jelas daripada Allah dalam al Quran. Firman Allah SWT:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبَدِّيْنَ
رِزْيَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَاهَرَ مِنْهَا وَلَيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ

Maksudnya: Dan katakanlah kepada perumpuan-perempuan yang beriman itu supaya menyekat pandangan mereka dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka menzahirkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh badan mereka.

(al-Nur: 31)

Perintah menutup aurat ini turut dinyatakan dalam hadis Nabi dari Saydatina Aisyah bahawa Asma', puteri Abu Bakar suatu hari telah berkunjung ke rumah Nabi SAW, lantas Nabi SAW bersabda dan menegurnya:

“Wahai Asma’! Bila seorang gadis telah haid, tidak boleh terlihat bahagian fizikal tubuhnya kecuali bahagian ini (Nabi menunjuk muka dan kedua tapak tangan)”. (Abu Daud)

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Pemakaian hijab mengandungi hikmah yang besar sebagai asas mendisiplinkan diri. Apabila diri dalam kawalan dengan rasatakwa yang baik, pertimbangan dalam berfikir, kejelasan hati dan niatbaikal terpancar dalam amal. Justeru, di mana kewajarannya kita mempersoalkan wanita yang memakai hijab, sedangkan dalam manama institusi, setiap individu juga diwajibkan mematuhi etika berpakaian atau uniform khas yang telah ditetapkan.

Dalam konteks lain pula perlu juga diinsafi bahawa menutup aurat bukan sekadar berhijab atau bertudung, tetapi juga mengamalkan akhlak yang mulia seperti tidak memperlihatkan bentuk badan yang boleh menggiurkan pandangan orang lain. Dengan menjaga batas-batas aurat yang ditetapkan Allah SWT ini, manusia mampu berinteraksi di antara satu sama lain dengan penuh kesopanan dan kehormatan.

Ada yang berhujah bahawa pakaian wanita Melayu meliputi pemakaian baju kebaya ketat juga adalah pakaian sopan. Pandangan ini tidak diterima kerana ia hanyalah suatu gambaran yang cetek dan hujah yang dangkal kerana tempoh rujukan pakaian tersebut hanya berlaku sekitar tahun 60-70an di beberapa negeri semenanjung. Sedangkan sejarah pemakaian wanita Melayu Muslimah yang sebelumnya serta di negeri-negeri Melayu yang lain seperti Riau dan Sumatera telah diabaikan.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Apabila Islam mewajibkan kaum wanita berhijab, ia bukanlah bererti mahu menyembunyikan kejelitaan mereka kerana apabila kecantikan itu ditutup daripada pandangan umum, Allah SWT akan menggantikannya dengan kejelitaan hakiki yang mencakupi konsep kesopanan dan kesantunan yang tidak dimiliki oleh mana-mana wanita dalam dunia ini.



**Aurat ialah perkara malu yang perlu ditutup
Menjaga aurat ialah menjaga kehormatan wanita**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

SOAL JAWAB 37

Adakah Benar Islam Mementingkan Tutup Kepala bukan Kesopanan?

KERAGUAN: Kenapakah Islam mementingkan penampilan luaran seperti tudung kepala sedangkan ramai wanita yang bertudung tetapi mengumpat. Sepatutnya, yang dijaga ialah masalah hati kerana itu yang mendasar dalam soal keperibadian seorang Muslimah.

Penjelasan

Bertudung merupakan suatu kewajipan ke atas seorang wanita Muslimah. Ia patut untuk mendidik pemakainya dan penjualnya berakhhlak mulia kerana ia bukan sekadar masalah hukum, tetapi lebihdari itu ia melibatkan persoalan akhlak. Lagi mulia seseorang itu, lagilah ia perlu untuk menjaga penampilannya dengan baik dan sempurna.

Akhhlak merupakan aspek yang penting bagi menyempurnakan kemuliaan seseorang Muslim dan Muslimah. Ia menjaga aspek malu yang patut dijaga oleh seorang Muslimah dan malu itu merupakan sebahagian dari iman. Aurat ialah aspek malu yang patut ditutup oleh seorang Muslimah dan malu sebahagian dari iman. Ia bukan aspek fizikal sahaja, tetapi aspek dalaman pada seseorang. Inilah hikmah yang perlu dihayati oleh Muslimah dalam mengenakan tudung di kepala.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Matlamat menutup aurat bukan sekadar untuk menjaga zahir sahaja, tetapi ialah untuk menjaga hati agar hilang sifat menunjuk-nunjuk, sompong, berasa lawa sangat dan sebagainya. Memang tudung itu penting kerana ia melibatkan soal hukum tetapi akhlak adalah *beyond* tudung kerana ia melambangkan kesempurnaan keperibadian Muslimah. Penampilan seseorang muslimah bukan sekadar tudung, tetapi ia melibatkan aspek akhlak yang jauh mendasar.

Lagi sempurna akhlak seseorang itu, lagi ia perlu menjaga keperibadian. Terjerit-jerit, terkinja-kinja, terlompat-lompat, mengayun badan dan buah dada, tidak sesuai untuk ditampilkan di hadapan lelaki yang bukan mahram. Apatah lagi dirakam dan disebarluaskan menerusi FB, Whatsapp dan sebagainya. Allah berfirman:

وَلِبَاسُ الْتَّقْوَىٰ ذَلِكَ خَيْرٌ

Maksudnya: *Dan pakaian taqwa itu adalah lebih baik.*

(al-A'raf: 26)

Mungkin ada yang merungut bahawa semua peraturan ini menyusahkan dan beranggapan bahawa Islam merupakan agama yang menyekat kebebasan manusia. Banyak membawa hukum tidak boleh, berbanding boleh. Anggapan seperti ini sebenarnya salah kerana Islam memberikan panduan yang menyenangkan manusia.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Pada hakikatnya, perkara yang halal dalam Islam jauh lebih dari perkara yang haram. Begitu juga, sekiranya Allah mengharamkan sesuatu, banyak perkara alternatif yang disediakan.

Seseorang yang baik, amat wajar menjaga akhlak dan mempunyai penampilan yang mulia. Lagi mulia seseorang itu, lagi bagus penampilannya. Ia bukanlah sekadar aspek tudung sahaja, tetapi ia melibatkan aspek akhlak yang jauh mendasar lagi dari itu. Memang tudung itu penting kerana ia melibatkan soal hukum tetapi akhlak adalah *beyond* tudung kerana ia melambangkan kesempurnaan keperibadian Muslimah.

Sebagai contoh, dari sudut hukum Fiqh, aurat seorang lelaki ialah antara pusat dan lutut, namun dari sudut akhlak, tidak wajar bagi seseorang yang bergelar imam untuk keluar ke pasar dengan memakai kain pelekat sahaja dengan alasan ia sudah menutup aurat. Di sini ada hukum minimum dan juga ada aspek kesempurnaan yang perlu dijaga oleh seorang Muslim. Maknanya, lagi baik seseorang itu, lagi dia perlu menjaga tutur bicaranya dan penampilannya.

Biarpun memakai kain pelekat tanpa memaki baju apabila keluar rumah tiada sebarang halangan dari sudut hukum Fiqh, tetapi ada halangan dari sudut akhlak apabila melibatkan penampilan seorang yang mulia dalam masyarakat. Dia perlu menjaga maruah dan peribadinya dengan memakai pakaian yang sesuai.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Namun, bagi seorang budak yang berumur 15 tahun, mungkin tidak jadi masalah untuk ke pasar dengan hanya berseluar tracksuit dan memakai singlet.

Kenapa bagaikan ada *double standard* dari sudut hukum? Sebenarnya, ini bukan soal *double standard*, tetapi ia termasuk dalam perkara meletakkan sesuatu pada tempatnya. Orang yang berusia lebih disegani dan dihormati dalam masyarakat berbanding seorang remaja berumur 15 tahun. Apatah lagi sekiranya dia seorang imam, berilmu atau pun seorang pemimpin. Berdasarkan kepada aturan kesesuaian ini, mungkin ada pakaian yang sesuai dipakai oleh orang awam atau pun anak perempuan remaja, namun ia tidak sesuai bagi seorang ustazah atau pun bagi seseorang yang dihormati. Kalau dia pakai juga, bermakna ia telah pun merendahkan kedudukan akhlaknya.

Mungkin ada yang terfikir, rugilah menjadi seorang ustazah atau pun seseorang yang dikenali kerana tidak boleh melakukan apa yang dilakukan oleh orang kebanyakan. Sebagai orang Islam, dia perlu menjadi orang yang terbaik dan berakhlaq mulia. Takkun nak jadi orang yang biasa-biasa sedangkan kalau bab duit, rumah, pakaian, pangkat, kedudukan dan harta, semua mahu yang terbaik, banyak dan bertimbun-timbun. Namun, dalam bab akhlak mulia kenapa mahu yang biasa-biasa sahaja. Siapa yang *double standard*?

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Tidak rugi kalau tidak memakai apa yang dipakai oleh orang kebanyakan. Gunakan malu sebagai ukuran dalam penampilan kerana ia adalah tanda bagi keimanan seseorang. Lagi mulia seseorang itu, lagi ia perlu menjaga kehormatan diri dalam penampilannya. Semua orang Islam perlu berusaha menjaga penampilan, tutur bicara, posting dalam FB, laras bahasa dan sebagainya sebagai usaha untuk menjadi seorang yang mulia. Takkun seorang yang dah tua masih ingin penampilannya seperti orang muda. Rasulullah bersabda:

خَيْرٌ شَبَابُكُم مِّنْ تَشَبَّهَ بِكُوْهُلَكُمْ وَشُرُّكُوْلَكُمْ مِّنْ تَشَبَّهَ بِشَبَابِكُمْ

Maksudnya: *Sebaik-baik orang muda dari kalangan kamu ialah mereka yang berakhhlak macam orang tua. Sejahat-jahat orang tua ialah berperangai macam orang muda.* (Al-Baihaqi)

Seorang Muslim yang sejati perlu mengikat diri dengan ajaran Islam dan tradisi budaya Melayu. Ia akan menggambarkan keterikatan yang kukuh dengan pegangan agama dan tradisi budaya biarpun berada dalam arus kemodenan. Dengan ini kita mempunyai jati diri yang kukuh dan akhirnya akan menjadi masyarakat yang disegani.



**Wanita bukan sekadar bertudung di kepala
tetapi hendaklah tudung hati dari sifat tercela**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 38

Apakah Asas Pembahagian Harta Pusaka Dalam Islam Sehingga Melebihkan Lelaki Berbanding Wanita?

KERAGUAN: Pembahagian harta pusaka tidak adil kerana pembahagian harta lebih banyak diberikan kepada lelaki berbanding wanita. Ia mungkin sesuai pada zaman dahulu yang lelaki lebih banyak bekerja di luar rumah, tetapi realiti kini telah berubah.

Penjelasan

Pembahagian harta pusaka dalam Islam berasaskan kepada konsep hak dan tanggungjawab. Orang yang mempunyai tanggungjawab yang banyak, berhak mendapat lebih banyak hak. Tanggungjawab ialah perkara yang seseorang itu perlu melaksanakannya atau menunaikannya, manakala hak pula ialah perkara yang seseorang itu perlu dapat. Contohnya, tanggungjawab pekerja ialah melaksanakan tugas yang ditetapkan. Sebagai balasan daripada itu, ia berhak mendapat gaji. Lagi besar tanggungjawabnya, lagi besar gajinya.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Orang lelaki pada asasnya mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap dirinya, ibu bapa, keluarga, masyarakat dan agama. Manakala orang perempuan pula bertanggung jawab pada dirinya dan agamanya. Tanggungjawab menyara keluarga terletak pada lelaki sama ada bapa, suami, abang dan sebagainya. Atas dasar ini, lelaki berhak mendapat lebih harta pusaka berbanding wanita.

Mungkin ada sesetengah keluarga yang adik lelakinya kaya manakala si kakaknya pula miskin. Walaupun demikian, prinsip pembahagian harta pusaka tidak perlu diubah kerana kalau diubah semua asas ini, formula harta pusaka tidak konsisten. Ia mengundang lebih banyak perbalahan akibat tiada suatu konsep dan ketetapan yang jelas dalam pembahagian harta pusaka. Masalah si kakak yang susah tidak boleh diselesaikan dengan menaikkan bahagian harta pusakanya, tetapi ia boleh dibantu dengan kaedah lain seperti zakat, bantuan kebijakan dan sebagainya.

Pembahagian harta pusaka dalam Islam lebih bertujuan untuk menjaga kestabilan masyarakat menerusi penjagaan hak dan tanggungjawab berbanding daripada menjaga hak individu. Ia mungkin berbeza dengan konsep kebebasan barat yang mengangkat hak individu lebih besar berbanding dengan hak dan kemaslahatan masyarakat. Ini sesuai dengan konsep al-qiwamah yang meletakkan tanggungjawab kepimpinan kepada lelaki kerana secara umumnya mereka dikurniakan fizikal yang kuat, emosi yang stabil, pandangan yang menyeluruh dan sebagainya.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Hal ini telah pun disentuh dalam al-Quran seperti berikut:

الرِّجَالُ قَوْمٌ وَّالنِّسَاءُ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ وَّبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ
أَمْوَالِهِمْ

Maksudnya: Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum wanita, kerana Allah telah melebihkan kaum lelaki (dengan beberapa keistimewaan) berbanding wanita, dan juga kerana kaum lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari hartanya.....

(An-Nisa': 34)


Ini tidak bermakna Islam merendahkan wanita, sebaliknya wanita perlu bersyukur kerana mempunyai tanggungjawab yang sedikit berbanding lelaki. Realitinya biarpun lelaki (suami) mempunyai banyak pendapatan, tetapi majoriti mereka yang lebih banyak berbelanja untuk keluarga. Islam menetapkan pendapatan isteri adalah harta isteri yang suami tidak boleh menggunakan tanpa keizinannya. Sebaliknya, isteri berhak mendapat bahagian dari harta suami sebagai nafkah untuknya. Antara hikmah perincian agihan harta pusaka dalam Islam ialah untuk mengelak perselisihan dan perbalahan khususnya dalam kalangan adik beradik.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Oleh itu, ayat al-Quran yang berkaitan dengan pusaka diturunkan secara terperinci menjelaskan bahagian yang diperoleh waris. Ia berbeza dengan ayat solat yang turun secara ringkas sahaja.

Selain itu, wanita perlu lebih bersyukur dengan undang- undang faraid kerana pada zaman Jahiliyyah dahulu, wanita itu sendiri menjadi harta pusaka. Ramai wanita menjadi mangsa dan kehilangan hak serta tempat bergantung apabila suami atau bapa mereka meninggal dunia. Kedatangan Islam menyelamatkan keadaan mereka dan memberikan hak yang sewajarnya kepada mereka sesuai dengan fitrah dan nature kewanitaan mereka.

Kesimpulannya, undang-undang pusaka Islam menjaga kestabilan dan kesejahteraan masyarakat berdasarkan kepada keseimbangan hak dan tanggungjawab. Pembahagian ini melihat kepada aspek hak individu sahaja, akan menyempitkan penglihatan terhadap hikmah undang-undang faraid. Kegagalan memahamikonsep pembahagian ini akan menyebabkan salah faham dan berasa tidak puas hati terhadap Islam.



**Jangan berbangga dengan hak kerana lagi banyak hak seseorang
itu, lagi besar tanggungjawabnya**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

SOAL JAWAB 39

Kenapa Islam Melebihkan Pembahagian Harta Pusaka Kepada Lelaki Berbanding Wanita?

KERAGUAN: Realiti hari ini membuktikan kaum wanita juga bekerja dan memikul beban seperti lelaki, khususnya jika status mereka sebagai ibu tunggal. Walau bagaimanapun, lelaki tetap diberikan harta pusaka melebihi wanita.

Penjelasan

Keadilan dalam pengagihan faraid atau harta pusaka tidak semestinya dibuat sama rata kerana keadilan itu tidak semesti nilainya perlu sama. Keadilan mestilah ditentukan dengan cara yang tersendiri dengan melihat kepada tanggungjawab semula jadi lelaki dan wanita. Keadilan adalah berasaskan kepada keadaan, bukan sama rata itu keadilan.

Hikmah pembahagian itu adalah untuk mengimbangi tanggungjawab dan kewajipan lelaki dalam rumah tangga, masyarakat dan agama. Seorang lelaki dipertanggungjawabkan memberi nafkah kepada isteri, anak-anak, ibu bapa yang sudah tua dan sebagainya. Akan tetapi kaum wanita tidak dipertanggungjawabkan dengan kewajipan yang sama.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Oleh yang demikian, kaum lelaki telah ditentukan mendapat hak yang lebih dalam harta pusaka, inilah pendekatan yang diambil dalam al-Quran berhubung pembahagian faraid. Allah berfirman:

لِلَّهِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَنِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً وَقَاتَلْتَهُنَّ

Maksudnya: Bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian duaorang anak perempuan. (al-Nisa': 11)

Seorang wanita sudah terjamin keperluannya kerana mereka berada di bawah tanggungjawab suami, abang, ayah atau saudara lelakinya. Mereka juga tidak wajib memberi nafkah kepada sesiapapun walaupun suaminya tidak mampu membayar nafkah yang memadai. Sekiranya dia merupakan ibu tunggal maka tanggungjawab itu sebenarnya berpindah kepada ahli keluarga si suami.

Tiga perkara yang mana lelaki Muslim wajib menyediakan kepada ahli keluarga ialah makanan, tempat tinggal dan pakaian. Ketiga-tiga perkara itu perlu disediakan oleh lelaki kepada isteri dan anak-anak serta orang-orang yang berada di bawah tanggungannya. Kewajipan itu tidak terhenti walaupun isteri bekerja mahupun sekiranya gaji isteri lebih besar daripada gaji suami.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT


Pada zaman sebelum Islam, nasib kaum wanita lebih menyediakan kerana mereka langsung tidak mempunyai hak ke atas hartanya malah mereka dianggap sebagai harta yang boleh dipusakai oleh ahli keluarga si mati. Ramai wanita menjadi mangsa dankehilangan hak serta tempat bergantung ketika itu apabila si suami atau bapa mereka meninggal dunia.

Justeru, pembahagian lebih kepada lelaki adalah kerana lelaki bertanggungjawab memelihara kepentingan dan kebajikan wanita. Inilah sebabnya pembahagian harta yang lebih disyariatkan kepada golongan lelaki. Konsep Islam adalah mudah iaitu di mana ada ‘hak’ maka di situ ada ‘tanggungjawab’ bermakna hak lebih besar akan membawa kesan kepada tanggungjawab yang lebih besar juga.

Oleh itu, tidak hairanlah kenapa Islam memperuntukkan hak yang lebih untuk lelaki dalam undang-undang harta pusaka. Ini kerana, hak itu semestinya diiringi oleh rasa keprihatinan dantanggungjawab yang besar juga. Adalah suatu kesalahan jika seorang lelaki itu membelanjakan segala hak pusakanya untuk dirinya seorang sahaja. Hak harta pusaka itu sebenarnya adalah tanggungjawab ke atas orang lain seperti adik-beradik perempuan, anak perempuan dan sebagainya. Dengan cara itu barulah hikmah undang-undang pusaka Islam dapat dimanifestasikan dan dihargai oleh masyarakat Islam dan bukan Islam, serta tidak ditohmah sebagai undang-undang yang mendiskriminasikan kaum wanita.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Allah telah menjadikan kaum lelaki dengan beberapa bebanan dan keistimewaan yang berlainan berbanding wanita. Sungguhpun demikian, Syariat Islam bukanlah bersifat anti wanita atau merendahkan martabat wanita, sebaliknya wanita perlu bersyukur kerana tidak dipertanggungjawabkan untuk menggalas amanah yang berat seperti lelaki.



**Bersyukur dengan segala pemberian daripada Allah akan
menyebabkan hati jadi tenang dan hidup jadi sihat**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 40

Kenapa Agnostik dan Ateisme Anggap Agama Sebagai Pembodohan

KERAGUAN: Ada segelintir manusia yang mahu setiap satu perkara dirasionalkan sehingga apabila akal mereka berjaya dirasionalkan, baru mereka mempercayainya

Penjelasan

Terdapat segelintir manusia yang menolak hukum atau apa-apa yang daripada perkara agama kerana tidak mahu diperbodohkan atas nama ketaatan membuta tuli kepada agama. Mereka mahu setiap satu perkara itu dirasionalkan terlebih dahulu sebelum mempercayainya. Sedangkan dalam dunia ini terdapat banyak perkara yang tiada mempunyai sebarang jawapan, tetapi hanya menerima sahaja.

Contoh, kenapa seseorang itu dicipta sebagai lelaki, bukan perempuan atau sebaliknya? Atau kenapa ada orang yang sakit dan ada yang sihat? Dua persoalan ini tidak dijawab dengan logik. Hanya jawapan yang boleh diberikan ialah “ia adalah ciptaan Allah”, “semua itu berada dalam ilmu Allah, bukan ilmu manusia”.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Kalau berterusan bertanya lagi, ia akan membawa kepada keraguan dan akhirnya bolehmenafikan kewujudan tuhan. Mereka yang ragu tentang tuhan ialah agnostik manakala yang tidak mempercayai tuhan ialah ateis.

Memang ada segelintir manusia yang sentiasa berfikir secara terlebih rasional. Mereka harus dipandu dengan metode yang betul agar tidak tersasar sehingga menjadi agnostik atau pun ateis. Mereka yang menolak ketuhanan ini juga berpegang dengan prinsip liberalisme iaitu kebebasan memilih dan merasakan bahawa pilihan mereka adalah yang terbaik daripada yang diperintah oleh agama atau mana-mana pihak. Hidup mereka tidak menjadikan agama sebagai matlamat akhir.

Oleh itu, mereka mudah terlibat dengan pemikiran sosialisme yang cuba memperjuangkan keadilan sosial dan juga komunisme yang menolak agama. Mereka tidak mahu percaya kepada sesuatu perkara tanpa bukti yang saintifik atau mengikut sesuatu secara membabi buta (*blind obedience*).

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Al-Quran kitab bukti kewujudan Allah

Al-Quran merupakan kitab yang dipenuhi dengan bukti yang menjelaskan kewujudan Allah. Al-Quran menyebutkan bahawa orang yang berakal boleh menerima bukti berkenaan kerana mereka menggunakan cara berfikir yang betul. Mereka memadai dengan melihat bukti untuk memperakui kewujudan Allah. Allah berfirman:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخْتِلَافِ الْأَيَّلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لَّا يُؤْلِمُ الْأَلْبَابِ

Maksudnya: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal.

(Ali Imran: 190)

Realiti kehidupan kita mempercayai sesuatu, hanya berdasarkan kepada bukti dan khabar yang diyakini benar, tanpa melihatnya terlebih dahulu. Contohnya:


- 1- Apabila ada kesan tapak kaki yang basah di atas lantai, itu merupakan bukti bahawa ada orang yang melangkah di situ walaupun tidak kelihatan.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

- 2- Apabila ada bunyi ketukan, itu merupakan bukti bahawa di situ ada yang mengetuk walaupun tidak kelihatan.
- 3- Apabila elektrik dibuktikan dengan lampu yang menyala yang bersambung dengan wayar yang telah dipasang suis. Apabila lampu menyala, ia menandakan kewujudan arus elektrik.
- 4- Kita mempercayai penjelasan doktor tentang kewujudan sistem saraf dalam badan atau pun penyakit yang terkena pada badan biar pun kita tidak melihatnya.
- 5- Kita mempercayai cakap seorang kawan yang telah pergi ke Mekah tentang kewujudan Kaabah biarpun kita tidak melihatnya.
- 6- Kegelapan malam tidak menafikan kewujudan benda yang terdapat di dalamnya. Tidak dapat dilihat bukan bermakna tiada.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Justeru, pembuktian merupakan metode yang digunakan dalam memperakui kewujudan Allah. Oleh sebab itu, dinamakan dengan ayat kerana ayat bermaksud “tanda” dan “bukti”. Kewujudan tuhan dibuktikan dengan kewujudan makhluk kerana kewujudan setiap sesuatu makhluk itu mestilah dengan pencipta. Tidak semestinya dilihat, tetapi dibuktikan sahaja sudah mencukupi. Kewujudan Allah perlu diyakini biarpun kita tidak melihatnya kerana telah banyak bukti. Menggunakan metode penglihatan “lihat dahulu sebelum percaya” merupakan metode yang salah kerana realiti dalam kehidupan manusia akan memperakui kewujudan sesuatu perkara biarpun tanpa melihatnya.



**Manusia perlu panduan daripada agama,
bukan tunjuk pandai daripada agama**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

SOAL JAWAB 41

Bagaimakah Tumpuan Pada Logik Semata-Mata
Boleh Menjerumuskan Diri Kepada Kekufuran?

KERAGUAN: Banyak perkara dalam Islam paksaan penerimaan kepercayaan biarpun tidak logik. Ini merupakan suatu amalan memperbodohkan minda manusia. Sepatutnya semua perkara boleh dilogik dan dibuktikan sebelum dipercayai.

Penjelasan

Seorang Muslim bertanggung jawab melaksanakan segala perintah Allah semampu yang mungkin atas dasar keyakinan bahawa semua perintah Allah itu membawa kebaikan kepada manusia. Namun, ada manusia yang merasakan bahawa perintah Allah itu tidak adil, tidak bebas dan menghalang hak asasi manusia. Mereka mentafsirkan prinsip keadilan, kebebasan dan hak asasi mengikut fikiran mereka sendiri. Akhirnya agama mengikut tafsiran mereka, bukan mereka yang mengikut tuntutan agama.

Mengagungkan prinsip keadilan, kebebasan dan hak asasi dengan mengetepikan tuntutan nas agama hanya akan menjadikan seseorang itu seperti Iblis yang menyanggah perintah Allah.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Mereka merasakan logik akal mereka cukup hebat hingga mempertikaikan perintah Allah. Kisah Iblis yang menolak perintah Allah patut menjadi renungan dan pengajaran kepada mereka yang terpedaya dengan logik akalnya bila berhadapan dengan perintah Allah.

Allah sengaja memperihalkan banyak kisah Iblis dalam al-Quran yang menggunakan logik yang salah lebih dari satu surah. Kalau ikutkan analogi yang dikemukakan oleh Iblis memang kelihatan logik. Bagi Iblis, kejadian api lebih baik dari tanah, maka tidak wajar api sujud kepada tanah. Ini adalah rasional yang dipegang oleh Iblis yang baginya lebih adil dan sesuai dengan hak asasi sehingga dia enggan sujud kepada Adam. Dia berlagak hebat dengan logiknya itu dan bongkak dengan pandangannya, akhirnya ia tergolong dalam kalangan orang kafir.

Sesetengah logik yang difikirkan itu ialah berdasarkan apayang dapat dilihat menurut perspektif pihak terbabit sahaja. Ia mungkin perspektif yang sempit sahaja kerana ia tidak melihat hikmah dari perkara yang dilihatnya sebagai tidak logik. Dia tidak melihat lagi sebab sebenar kenapa perkara itu diperintahkan biarpun kelihatan seperti tidak sesuai atau tidak logik. Contohnya seorang raja berwasiat supaya tidak menebang pokok di sekitar istana. Apabila dia mati, anaknya mengantikannya pula sebagai raja membuat keputusan untuk tebang semua pokok di sekitar istana. Anaknya kata, sebab ayah tidak bagi tebang kerana pokok itu ada bauan wangi.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Setelah ditebang, anaknya meletakkan pewangi di kawasan pokok itu. Selepas itu, banyak ular yang masuk istana yang akhirnya mematuk anak raja. Rupanya, pokok itu bukan hanya mengeluarkan wangian tetapi ia menghindarkan istana dari kedatangan ular.

Bagi seorang Muslim, semua perintah Allah perlu dijunjung dan dilaksanakan sebaiknya. Kalau ada aspek yang dilihat tidak adil, menghalang kebebasan dan menyekat hak asasi manusia, semua ini perlu diperhatikan sebaiknya. Itu mungkin kefahaman yang menggunakan neraca hawa nafsu dan keinginan, bukan dari neraca keimanan. Segala perintah Allah membawa kebaikan kepada manusia, manakala segala larangan Allah membawa keburukan kepada manusia. Sekiranya ada keadaan yang terpaksa, terdapat hukum darurat yang boleh digunakan untuk menyelesaikan kesempitan itu.

Sebagai contoh, tuntutan menutup aurat merupakan suatu perintah untuk menutup bahagian tertentu dari anggota badan manusia, ia bukan kerana untuk menjadikan seorang wanita itu mulia dan sopan tetapi ia bertujuan untuk menjadikan manusia itu hamba Allah. Kita tidak mengetahui alasan sebenar kenapa perempuan perlu menutup keseluruhan anggota melainkan muka dan tapak tangan berbanding lelaki yang hanya menutup antara pusat dan lutut.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Kalau mulia dan sopan dijadikan alasan, mungkin ada perempuan yang mendakwa cukup dengan memakai seluar pendek sahaja kerana itu juga adalah mulia dan sopan. Justeru, kita tidak sekadar berpegang dengan tujuan perundangan Islam, tetapi mestilah kepada nas yang menjadi asas kepada perundangan Islam itu. Kalau hanya berpegang dengan tujuan nas sahaja tentulah kita boleh membuat tafsiran yang akhirnya langsung meninggalkan tuntutan nas.

Contoh lain ialah Allah mensyariatkan hukuman potong tangan kepada pencuri dengan hikmah tertentu dalam ilmu Allah. Kalau ia semata-mata untuk menghalang dari kecurian, boleh guna hukuman lain seperti penjara dan denda yang lain. Pada zahirnya, caraitu pun boleh menyelesaikan masalah kecurian, tetapi hukum Allah mempunyai hikmah tertentu yang tidak sama kalau dijatuhkan dengan hukuman lain.

Orang Islam yang sejati akan berusaha semampu yang mungkin untuk melaksanakan perintah Allah. Ia mengetahui bahawa pelaksanaan perintah Allah dengan cara yang betul akan melahirkan hikmahnya. Dia menerima autoriti Allah sebagai tuhan tanpa bantahan kerana dia sedar Allah tuhan yang maha mengetahui dan inilah teras kepada tauhid.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Manakala, bagi orang Islam yang terlebih logik, mereka mencari bermacam-macam alasan bagi mengelak dari melaksanakan tuntutan nas kerana ia mungkin tidak selari dengan pandangannya. Mereka kata itu tidak adil, tidak sesuai lagi, pelaksanaannya selepas semua orang kaya dan lain-lain. Allah sengaja menguji logik manusia dengan menyembunyikan hikmah untuk melihat manusia yang benar-benar beriman kepada Allah. Berikut adalah beberapa contoh yang Allah jelaskan dalam al-Quran untuk renungan manusia.

- 1- Nabi Noh AS mengajak kaumnya beriman selama 950 tahun. Usaha baginda membina kapal di daratan menambahkan lagi penolakan manusia terhadap dakwahnya kerana melakukan sesuatu tidak logik dan susah diterima oleh manusia.
- 2- Nabi Ibrahim AS meninggalkan anak isterinya di kawasan lembah di tengah padang pasir yang kering kontang dan tiada air. Ini bukan suatu kegilaan tetapi melaksanakan perintah Allah.
- 3- Allah membelah Laut Merah untuk Nabi Musa AS dan kaumnya untuk menyelamatkan mereka dari serangan firaun. Ketika mereka berkata “habislah kita kali ini”, Allah telah menyelamatkan mereka.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

4- Nabi Yunus AS dicampak dalam laut dan ditelan oleh ikan. Mengikut logik, tiada harapan lagi untuk hidup apatah lagi ditelan oleh ikan.

5- Rasulullah menjanjikan kepada Suraqah bin Malik gelang yang dipakai oleh Kerajaan Parsi, sedangkan pada ketika itu baginda baru dalam perjalanan Hijrah ke Madinah.

Semua kisah di atas adalah antara secebis kisah tentang bantuan dan kuasa Allah mengatasi logik manusia. Menggunakan logik itu penting tetapi logik yang berusaha mencari jalan untuk melaksanakan perintah Allah, bukan menyanggah hukum dan perintahNya. Ini bukan bermakna Islam menolak semua logik dan mesti melaksanakan perkara yang tidak logik, tetapi jangan terlebih semua perkara perlu dilogikkan. Perlu meyakini bantuan Allah dan hikmah yang tersimpan disisinya.



**Logik itu penting dalam kehidupan
Tetapi bukan semua perkara boleh diukur dengan logik**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 42

Apakah Perbezaan Antara Tidak Logik Dan Tidak Mampu Difikirkan Oleh Logik?

KERAGUAN: Kebangkitan semula di akhirat nanti tidak logik kerana mana mungkin orang yang telah hancur akan dibangkitkan semula. Manusia diberikan kemampuan untuk berfikir secara logik, maka gunakan logik itu untuk mengukur segala sesuatu.

Penjelasan

“Tidak logik” ialah dakwaan yang memang tidak diterima oleh akal seperti mendakwa lembu boleh masuk dalam lubang jarum kerana mustahil atau tidak logik seekor lembu boleh berbuat demikian. Manakala, “tidak mampu difikirkan oleh logik” ialah perkara yang tidak bertentangan dengan akal tetapi akal manusia tidak dapat atau belum dapat memahaminya.

Sebagai contoh, pergerakan enjin kereta yang disebabkan oleh pembakaran petrol dalam enjin dan angin mungkin tidak dapat dijelaskan oleh orang awam. Akan tetapi engineer yang pakar dalam bidang ini boleh menjelaskannya. Apabila orang awam tidak dapat menjelaskannya bukan bermakna ia tidak berlaku, cuma dia tidak memahaminya.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Maka, dia tidak boleh membuat kesimpulan bahawa itu tidak logik. Pengetahuan seseorang yang mendalam dalam bidang ini membolehkannya memahaminya dan menjelaskannya.

Begitu juga dengan kebangkitan semula manusia di akhirat. Orang kafir tidak dapat menerima secara logik kebangkitan semula di akhirat nanti kerana perkara itu belum berlaku lagi. Mereka menafikan kebangkitan ini kerana tidak logik perkara yang sudah hancur, dibangkitkan semula. Sebenarnya, ia tidak bertentangan dengan logik akal, cuma ia belum berlaku lagi. Dalam masa yang sama, ia sesuai dengan logik kerana semua perkara yang Allah jadikandaripada tiada kepada ada. Apa masalahnya untuk Allah membangkitkan semula manusia. Allah berfirman:

أَوَلَيْسَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ يَقْدِيرُ عَلَى أَنْ يَخْلُقَ مِثْلَهُمْ بَلَى وَهُوَ
الْخَلَقُ الْعَلِيُّمُ

Maksudnya: Tidakkah dipercayai bahawa Tuhan yang telah menciptakan langit dan bumi (yang demikian besarnya) berkuasa menciptakan semula manusia sebagaimana Dia menciptakan mereka dahulu? Ya! Diakui dan dipercayai berkuasa! Dan Dialah Pencipta yang tidak ada bandingannya, lagi Yang Maha Mengetahui. (Yasin: 81)

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sebenarnya, banyak perkara yang manusia tidak tahu tetapi masalah timbul apabila mendakwa seperti tahu semua perkara. Sebagai contoh, seorang kanak-kanak berusia 4-5 tahun bermain pisau yang tajam, ayahnya mengambil pisau berkenaan. Ketika itu, diamemberontak kerana keinginannya dirampas. Dia mungkin tidak memahami bahaya pada ketika itu kerana akalnya tidak sampai untuk berfikir sedemikian. Ketika dia berusia nanti dan boleh berfikir, dia akan bertindak sama seperti ayahnya.

Justeru, tidak tahu bukan bererti tidak logik kerana logik manusia amat terbatas berbanding dengan pengetahuan Yang Maha Mencipta lagi Maha Mengetahui. Al-Quran merupakan kitab yang menjelaskan banyak perkara yang manusia tidak tahu kerana limitasi yang ada pada manusia. Ilmu Allah itu sangat luas. Allah berfirman:

قُلْ لَوْ كَانَ الْبَحْرُ مَدَادًا لِكَلِمَتٍ رَّبِّيْ لَنِفَادَ الْبَحْرُ قَبْلَ أَنْ تَنْفَدَ كَلِمَتُ رَّبِّيْ وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِ مَدَادًا

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): Kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis Kalimah-kalimah Tuhan kita, sudahtentu akan habis kering lautan itu sebelum habis Kalimah-kalimah Tuhan kita, walaupun Kami tambahi lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan.

(al-Kahf: 109)

**50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN
MODEN BARAT**



**Memang LOGIK banyak perkara yang manusia tak tahu.
Apabila manusia mengaku tahu semua perkara, itu memang
TIDAK LOGIK.**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 43

Adakah Tuhan Perlu Dilihat Dahulu, Sebelum Dipercuryai Kewujudannya?

KERAGUAN: Bukti penglihatan merupakan bukti sebenar bagi yang mendakwa kewujudan sesuatu. Mempercayai sesuatu yang tidak dilihat hanyalah bohong kerana ia bersifat khayalan sahaja, bukan perkara sebenar.

Penjelasan

“Tuhan tidak wujud melainkan sekiranya dapat dilihat” adalah premis yang salah dalam misi mencari ketuhanan. Menggunakan kaedah pembuktian “menerusi penglihatan” semata-mata untuk mengesahkan kewujudan sesuatu perkara merupakan metode yang salah kerana banyak perkara yang manusia mempercayai kewujudannya biarpun tidak melihatnya. Sebagai contoh:

- Arus elektrik

Kewujudan arus elektrik dibuktikan dengan lampu yang menyala yang bersambung dengan wayar yang telah dipasang suis. Apabila lampu menyala, ia menandakan arus elektrik ada. Tidak mesti melihat bagaimana rupa dan bentuk arus elektrik sebelum mempercayai kewujudannya.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

- Kesan tapak kaki basah

Apabila ada kesan tapak kaki yang basah di atas lantai, kita meyakini ada orang yang melangkah di situ walaupun tidak melihatnya. Kalau tidak, bagaimana boleh wujud kesan tapak kaki berkenaan.

- Melihat objek pada malam yang gelap

Dalam kepekatan malam tanpa sebarang cahaya, tidak mungkin untuk kita melihat objek biarpun sebuah batu yang besar. Biarpun tidak kelihatan batu itu, tidak boleh untuk menafikan kewujudan batuitu kerana batu itu wujud tetapi tidak nampak sahaja. Sebenarnya matanya sahaja yang tidak nampak, tetapi batu itu tetap ada. Dalam masa yang sama, seekor kelawar dapat melihat batu itu biarpun pada malam yang gelap gelita, kerana keistimewaan kelawar ialah boleh nampak pada waktu malam yang gelap dan tidak nampak pada waktu siang yang terang benderang.

Untuk mempercayai kewujudan Allah, bukti dan logik merupakan metode yang boleh digunakan. Ini termasuklah perkara mempercayai perkara ghaib. Bukti adalah tanda kepada sesuatu. Kalau telah dilihat dengan mata, mungkin bukti tidak diperlukan lagi kerana sudah nampak. Oleh kerana Allah tidak dapat dilihat di dunia ini, kejadian manusia dan alam semesta merupakan bukti kewujudan Allah kerana tidak mungkin alam ini wujud tanpa pencipta. Berdasarkan kepada bukti ini, logik akal digunakan untuk membuat kesimpulan tentang kewujudan Allah biarpun tidak dilihat.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Penggunaan logik akal bukanlah pelik dan menghairankan kerana betapa banyak perkara yang kita tidak lihat dalam kehidupan sehari-hari, tetapi kita mempercayainya berdasarkan kepada logik akal dalam berfikir. Selain daripada metode penglihatan, terdapat tiga cara lain untuk mempercayai kewujudan sesuatu

1- Bukti

Bunyi ketukan pada pintu merupakan tanda bahawa ada sesuatu yang mengetuknya sama ada manusia, haiwan maupun benda seperti angin. Tidak mungkin pintu mengetuk dirinya sendiri melainkan ada sesuatu yang mengetuknya. Bukti memerlukan kepada kekuatan dan keupayaan logik untuk membuat kesimpulan.

2- Saksi daripada orang yang adil

Perakuan daripada seseorang yang dipercayai diterima untuk membuktikan sesuatu. Sebagai contoh, perakuan daripada saksi yang melihat kemalangan diterima dengan syarat saksi itu seorang yang adil. Begitu juga, mempercayai kata-kata seorang kawan yang telah pergi ke Mekah tentang kewujudan Kaabah biarpun kita tidak melihatnya. Termasuk dalam kategori ini ialah perutusan para Rasul yang adil kerana mereka bersifat dengan sifat adil dan “terpelihara daripada kesalahan”

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

3- Perkhabaran daripada sumber yang dipercayai

Perkhabaran daripada sumber yang dipercayai merupakan salah satu cara mempercayai sesuatu. Sebagai contoh, mempercayai laporan diagnos seorang doktor tentang sistem badan kita atau pun penyakit yang terkena pada badan biarpun tidak melihatnya. Termasuk dalam kategori ini ialah al-Quran yang merupakan sumber yang paling dipercayai teksnya. Maklumat yang disebut dalam al-Quran adalah benar walaupun tidak melihatnya.

Ringkasnya, penglihatan salah satu metode untuk mengetahui kewujudan sesuatu. Namun, banyak sangat benda yang tidak dilihat dan yang tidak dapat dilihat tetapi wujud. Jangan terpedaya dengan dakwaan “mesti dilihat” dahulu sebelum mempercayai.



**Keimanan bernilai kalau mempercayai sesuatu berdasarkan
bukti walaupun belum melihatnya**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 44

Kenapa Hidup Ini Penuh dengan Ketidakadilan?

KERAGUAN: Saya telah berusaha memajukan perniagaan dengan gigih dan mencubanya sebanyak tiga kali. Namun, pada setiap kali cubaan itu, saya mengalami kegagalan yang menyebabkan saya berputus asa. Sedangkan rakan saya yang baru bermula terus mendapat sambutan dalam perniagaannya. Dimana keadilan untuk saya?

Penjelasan

Dunia ini merupakan pentas ujian yang akan mengukur tahap keimanan seseorang. Oleh itu, tidak hairan kenapa banyak perkara yang berlaku tidak sejajar dengan cita rasa dan kehendak setiap individu. Ini telah melahirkan rungutan dan sangkaan buruk terhadap orang lain dan juga terhadap Allah yang tidak memberikan rezeki kepadanya mengikut kehendaknya. Akhirnya, dia mempertikaikan keadilan Allah yang pada fikirannya telah menzalimi dirinya.

Sebenarnya, perkara yang dirasakan tidak adil dan tidak sesuai untuk dirinya, barangkali itu lebih baik dan sesuai pula untuk orang lain. Sakit merupakan suatu musibah, tetapi ia merupakan suatu rahmat yang membuka banyak peluang pekerjaan. Tidak pandai merupakan suatu kekurangan, tetapi kekurangan ini membuka ruang pekerjaan kepada mereka untuk membangunkan negara sesuai dengan kemampuan mereka.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Begitulah seterusnya. Sebagai contoh;

- Kenapa dia dapat rezeki sedikit, orang lain dapat banyak
- Kenapa dia selalu dapat sakit, orang lain sihat aja
- Kenapa dia bermiaga tak berapa untung, orang lain untung aja
- Kenapa isteri dia tak cantik, isteri orang lain cantik aja
- Kenapa anak dia tidak berjaya seperti anak orang lain,
- Kenapa asyik dia sahaja yang kena buat kerja, orang lain tak kenapun.

Kalau dilihat rungutan di atas ini, semua ini berpunca daripada sifat kurang menerima taqdir Allah dan sikap membandingkannya dengan orang lain. Ujian yang menimpa menuntut untuk kita bersabar dan menerima segala ketentuan daripada Allah. Tanpa sabar dan tabah, kita akan merungut kerana merasakan ketidakadilan sering berlaku terhadap kita. Kalau diperhalusi, memang berlaku perbezaan tetapi ia bukanlah ketidakadilan. Kalau nak ikutkan tidak adil, memang semua tidak adil kerana neraca yang digunakan ialah neraca emosi.

Keadilan seringkali dilihat daripada sudut persamaan sedangkan tidak semestinya persamaan itu adil. Sikap suka membanding-bandting dalam kehidupan merupakan racun pemikiran yang mendorong perasaan tidak puas hati. Ia cukup jahat kerana membanding persamaan dengan orang lain sedangkan pada hakikatnya itu adalah perbandingan yang tidak adil. Jangan cepatdengki dengan orang cepat naik pangkat kerana dia ada anak ramai dan keluarganya ada masalah.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Syukurlah kita sudah diberikan rezeki yang mencukupi kerana hidup bukan sekadar di dunia, tetapi juga di akhirat.

Oleh itu, dunia ini perlu dilihat daripada kacamata ujian dalam kehidupan, bukan daripada kacamata membanding-banding yang akan membunuh kebahagiaan. Cuba lihat:

- + Betapa Allah bagi rezeki banyak kepada manusia, tetapi hanya sedikit sahaja yang bersyukur
- + Betapa Rasulullah mempunyai akhlak yang mulia, tetapi betaparamai orang yang menentangnya dan memeranginya
- + Betapa seorang ayah telah berbakti kepada anak, tetapi betapa ramai anak yang mengabaikan ayahnya
- + Betapa seorang ibu telah berjasa kepada anak, tetapi betapa ramai anak yang menderhaka kepada ibunya
- + Betapa seorang guru telah mendidik anak muridnya dengan gigih, tetapi selepas berjaya, usahkan penghargaan, tiada ucapan terima kasih pun diungkapkan kepada guru.

Justeru, dunia ini penuh dengan ketidakadilan?? Bukan sama sekali, dunia ini adalah ujian kepada manusia. Yang baik pun ujian, yang buruk pun ujian. Ia menuntut kesabaran daripada manusia dan antara maksud kesabaran ialah menerima segala kesulitan dan menelan segala kepahitan kerana itulah realiti kehidupan. Justeru:

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

- >Jadilah kita orang yang menghargai orang yang di sekeliling, makakita akan beroleh kebahagiaan
- >Biarlah kita orang yang bersusah payah membantu orang lain, kerana itulah sifat orang yang mulia
- >Kalau buat kerja yang orang tidak mahu buat, kerana kita berjiwa besar. Orang yang berjiwa kecil, mementingkan diri sendiri atau melihat kepentingan dirinya sahaja.
- >Kalau kita bekerja untuk orang dan demi orang, kita akan kecewa. Namun, kalau kita bekerja untuk Allah, kita akan tenang.
- >Seperti mana kita solat, puasa, zakat dan membaca al-Quran untuk mendapat pahala, kita juga bersusah payah membantu orang untuk mendapat pahala. (Walau bagaimanapun, jangan sampai ketulusan dan keikhlasan kita itu diijjak oleh orang lain)



Hidup akan indah jika ia dilihat dengan cara yang betul

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN
MODEN BARAT

SOAL JAWAB 45

Bagaimakah Salah Faham Terhadap Qada Qadar
Membawa Menjadi Ateis?

KERAGUAN: Kenapa dia ditimpa musibah sedangkan orang lain berasib baik. Kenapa dia yang kena, sedangkan orang lain tidak kena? Apa kurangnya dia dan apa lebihnya orang lain? Apakah kesalahan yang dia lakukan sehingga ditimpa musibah sedangkan dia bukanlah jahat sangat atau dia juga bukanlah jenis tidak solat

Penjelasan

Persoalan tentang tuhan merupakan aspek yang paling asas dalam kehidupan manusia. Namun, terdapat sekumpulan manusia yang tidak menerima kewujudan tuhan dengan alasan bahawa tiada bukti yang jelas dan kukuh tentang kewujudan tuhan. Golongan ini dinamakan dengan ateis dan pemikirannya ialah ateisme. Ia merupakan satu pemikiran yang tidak mempercayai atau skeptikal dengan kewujudan Tuhan. Ia telah wujud sejak zaman Nabi Noh lagi kerana terdapat manusia hanya mempercayai perkara yang bersifat material sahaja iaitu yang boleh dilihat dengan mata dan dicapai dengan pancaindera. Allah berfirman:

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا عِنْدَنَا خَزَانَةٌ وَمَا نُنَزِّلُ إِلَّا يُقْدَرُ مَعْلُومٌ

Maksudnya: “Dan tidak ada sesuatu pun melainkan pada sisi Kami-lah khazanahnya, dan Kami tidak menurunkannya melainkan dengan ukuran tertentu.”
(Al-Hijr: 21)

Ateisme ialah pemikiran ketidakpercayaan dan tidak berkeyakinan kerana bagi mereka tidak cukup bukti tentang kewujudan tuhan. Mereka mementingkan bukti kerana mereka berpegang dengan kaedah sains yang boleh menjelaskan banyak perkara. Maka, perkara yang tidak cukup bukti dianggap tiada. Mereka berpandangan bahawa kewujudan tuhan tidak mempunyai bukti yang kukuh biarpun telah dikemukakan bukti logik akal iaitu “setiap sesuatu mesti ada pencipta”. Mereka tidak menerima semua bukti itu sehingga alih mereka melihat sendiri tuhan.

Pemikiran yang meragui kewujudan tuhan memang wujud dalam segelintir masyarakat. Ia adalah hasil daripada pemikiran yang tidak mahu tunduk kepada perintah agama dan mahukan hidup secara bebas. Agama dianggap sebagai halangan yang menyusahkan dan mengganggu kebebasan mereka.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

Bagi mereka, tiada sebarang keperluan untuk mentaati kepada tuhan yang tiada bukti kewujudannya. Mereka tidak mempercayai tuhan dan segala sifat-sifatnya seperti yang dijelaskan oleh ahli agama. Mereka meletakkan keraguan kepada kewujudan tuhan atas kekurangan bukti yang dikemukakan oleh agama.

Menolak takdir boleh membawa kepada Ateisme

Pemikiran Ateisme mudah timbul kepada mereka yang pernah mengalami masalah psikologi, tekanan dalam kehidupan dan musibah yang teruk sehingga mereka merasakan tuhan tidak datang membantunya. Sepatutnya tuhan menolong mereka dan mengeluarkan mereka daripada kesusahan, bukan menghilangkan diri dan membiarkan mereka dalam kesulitan. Keyakinan kepada tuhan yang selama ini wujud dalam diri mereka mudah cair dengan ujian yang menimpa dan akhirnya fikiran mereka melayang sehingga tidak mempercayai tuhan.

Kekecewaan ini juga berlaku apabila dia merasakan Allah tidak berlaku adil terhadapnya. Kenapa dia ditimpa musibah sedangkan orang lain berasib baik. Kenapa dia yang kena, sedangkan orang lain tidak kena? Apa kurangnya dia dan apa lebihnya orang lain? Apakah kesalahan yang dia lakukan sehingga ditimpa musibah sedangkan dia bukanlah jahat sangat atau dia juga bukanlah jenis tidak solat.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Islam mengajar beriman qada dan qadar iaitu mempercayai ketentuan tuhan yang memang di luar kemampuan manusia. Apabila terlalu memikirkan tentang sebab kepada berlakunya sesuatu musibah, ia boleh membawa kepada kekecewaan dalam kehidupan kerana menolak konsep takdir sedangkan ia merupakan salah satu daripada rukun iman.

Akhirnya ia akan membawa kepada ketidakpercayaan terhadap Allah atau dikenali sebagai ateis. Paling tidak, ia membawa kepada keraguan terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah yang dikenali sebagai agnostik. Allah berfirman:

قُلْ لَنَّ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَيَتَوَكَّلُ
الْمُؤْمِنُونَ

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah Pelindung yang menyelamatkan kami dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal.
(al-Taubah: 51)

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sesuatu musibah yang berlaku merupakan ujian yang menimpa manusia untuk melihat tahap kesabaran mereka. Ia perlu diterima dengan hati yang penuh terbuka kerana setiap sesuatu itu penuh dengan hikmah yang tidak diketahui. Mungkin selepas beberapa ketika atau selepas beberapa tahun atau selepas kematian kita atau di akhirat nanti baru kita tahu hikmah berkenaan. Oleh itu, ia menuntut kesabaran daripada manusia dan menerimanya denganhati yang pasrah kepada Allah.

Ia bukan semestinya disebabkan dosa manusia, tetapi ia adalah ujian yang Allah berikan kepada setiap individu dengan hikmah tertentu. Atas dasar inilah kita cuba menelan kepahitan musibah berkenaan dengan penuh keimanan kepada qada qadar Allah yang menentukan segalanya.



**Menerima ketentuan Allah itu bijak,
mempertikaikan ketentuan Allah itu kebodohan.**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 46

Apakah Perbezaan Antara Wala' (Kesetiaan) Dan Taksub?

KERAGUAN: Ada pula sesetengah pihak yang mengejek, menyindir dan mengejek individu atau kumpulan tertentu dengan gelaran "Walaun" yang disamakan maksudnya dengan taksub.

Penjelasan

Wala' bermaksud menjaga, melindung, mengawal dan memimpin. Orang yang mempunyai sifat wala' ini mempunyai autoriti disebabkan kehebatannya, kelebihannya, kekuatannya, jasanya dan pemilikannya. Oleh kerana mempunyai sifat-sifat ini, seseorang itu layak diangkat sebagai penjaga, pelindung, pengawal dan pemimpin. Ia berhak ditaati dan dipatuhi, malahan diberikan hak kesetiaan kepadanya.

Seorang ayah perlu untuk ditaati dan diakui sifat kebapaannya kerana ayah yang menjaga dan membesar kita dari kecil hingga dewasa. Ayah adalah wali kepada kita kerana Allah berautoriti terhadap kita. Betapa banyak jasa dan besar jasa si ayah pada si anak yang tidak wajar untuk menafikan ayahnya. Tiada manusia yang ada dua ayah atau dua ibu.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Al-Quran mengajar supaya meletakkan Wala' iaitu kesetiaan kepada Allah kerana Allah merupakan tuhan yang menjadikan manusia dan mentadbir keseluruhan alam. Allah adalah wali kepada manusia kerana Allah adalah tuhan yang berautoriti terhadap manusia. Seseorang yang setia ialah mereka menyerahkan segala urusannya kepada Allah, mengutamakan Islam dalam menjaga, melindung dan memimpinnya. Allah berfirman:

إِنَّمَا وَلِيُّكُوكُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَتُؤْمِنُ أُلْزَكَةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ

وَمَن يَتَوَلَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا فَإِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْغَلِيلُونَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Penolong kamu hanyalah Allah dan RasulNya, serta orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah). (55) Dan sesiapa yang menjadikan Allah dan rasulnyaserta orang-orang yang beriman itu penolongnya (maka berjayalah dia), kerana sesungguhnya golongan (yang berpegang kepada agama) Allah, itulah yang tetap menang.

(al-Maidah: 55-56)

Perkataan kesetiaan kepada Allah terangkum di dalamnya beberapa pengertian iaitu;

1. Memberikan kasih-sayang
2. Memberikan taat setia yang tidak berbelah-bagi

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

3. Menjadikan Allah sebagai penentu yang mengawal keseluruhan kehidupan.
4. Menjadikan Islam sebagai teman-rapat atau sekutu,
5. Memberi kepercayaan kepada orang Islam
6. Tempat mencerahkan bantuan dan pertolongan kepada orang Islam
7. Melantik orang Islam sebagai ketua

Tidak wajar mengejek dengan perkataan walaun kerana wala' merupakan suatu tuntutan penting dalam Islam supaya menjadi seorang hamba Allah yang setia dan mendapat keredaanNya. Mengejek "walaun" bagaikan menghina al-Quran itu sendiri kerana "walaun" ialah orang yang setia dengan Islam. Apakah orang yang mengejek itu tidak mahu setia dengan Allah? Atau mahu setia dengan kekufuran?

Kesetiaan kepada Allah lebih fundamental dari ketaatan kepada Allah kerana orang yang tidak setia kepada Allah ialah pengkhianat kepada agama. Ia boleh menjadi munafik dan boleh menjadi kufur seperti membocorkan rahsia kepada musuh. Manakala, orang yang tidak taat kepada Allah menjadi fasiq seperti tidak solat dan tidak puasa.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Perbezaan antara wala' dan taat

Terdapat perbezaan antara perkataan wala' (setia) dan taat kerana Wala' bermaksud kesetiaan manakala taat bermaksud kepatuhan. Konsep kesetiaan itu lebih mendasar lagi berbanding dengan taat kerana orang yang tidak setia ialah pengkhianat, pembelot dan curang. Kesetiaan itu berskala besar manakala taat berskala kecil.

Orang yang tidak setia ialah curang, khianat dan belot. Ia boleh menjadi munafik seperti membocorkan rahsia kepada musuh dan boleh menjadi kufur seperti mengejek perintah Allah. Manakala orang yang taat ialah orang yang mengikuti perintah, tidak culas dan malas seperti tidak solat dan tidak puasa. Walaupun dia tidak mengikuti perintah dan malas, dia tidak sampai menentang dan derhaka. Ini bermakna kesetiaan lebih mendalam lagi dari taat.

Sebagai analogi, isteri yang setia kepada suami ialah isteri yang tidak mencari lelaki lain. Sekiranya si isteri berbuat demikian bermakna, dia tidak setia kerana curang dan belot terhadap suaminya. Dia bukan sekadar tidak taat, tetapi tidak setia kepada suaminya. Dalam pada itu, ada isteri yang setia kepada suami, tetapi kadang kaladia tidak taat arahan suaminya atas faktor malas, kecuaian dan sebagainya. Dia masih setia, tetapi tidak taat.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Dalam Islam, perbezaan antara kesetiaan dan ketaatan dapat dilihat dalam peperangan Uhud. Majoriti para Sahabat yang diamanahkan sebagai pemanah di atas bukit tidak mentaati arahan Rasulullah. Ya mereka bersalah dan tersilap, kerana tidak taat pada arahan, tetapi mereka tidak belot dan mengkhianati Rasulullah. Sebagai orang Islam, kita perlu untuk setia dan taat kepada Allah dan Rasul.



Orang beriman membuktikan keyakinan kepada Allah

Orang fasiq hanya yakin kalau ada bukti

Orang munafik suka mengejek bukti kebenaran

Orang kafir menolak bukti kebenaran

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 47

Mengapakah Sesetengah Orang Islam Tidak Mahu Disifatkan Sebagai Wara'?

KERAGUAN: Wara' ialah sikap berlebihan dalam agama. Ia adalah sikap yang buruk kerana ia menjurus kepada fanatik dalam beragama yang nantinya akan merendahkan orang lain dan menyalahkan agama lain.

Penjelasan

Wara' merupakan wasilah untuk mencapai tahap taqwa kepada Allah. Ia meliputi meninggalkan perkara yang haram dan menjauhkan diri daripada syubhah; melaksanakan perkara wajib dan membanyakkan perkara sunat. Namun kini, sifat wara' telah berada jauh daripada minda orang Islam. Mereka merasakan bahawa wara' merupakan keadaan yang terlalu ekstrem sehingga mereka tidak mahu dikaitkan dengan imej wara'. Malahan ada pula orang menganjing dengan perkataan wara' dengan membuat muka mencebik dan berkata secara sinis "eee wara' sangat" atau "dia tu ustazah". Wara' telah dipandang sinis, dicemuh, diejek dan diberikan imej yang buruk. Apalah nasib buruk kepada wara' sedangkan ia merupakan suatu sikap berjaga-jaga dalam agama.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Kalau takut menjadi seorang yang wara' dan bertaqwa, apakah yang mereka mahukan dalam hidup sebagai seorang Muslim? Taqwa merupakan tingkat yang tertinggi yang perlu dicapai oleh seorang Muslim iaitu seorang yang sangat kasih kepada Allah. Namun, ramai dalam kalangan orang Islam yang selesa menjadi seorang yang biasa-biasa sahaja, iaitu tidak baik sangat dan tidak jahat sangat. Mereka malu dan mengelak daripada menyatakan bahawa mereka seorang yang wara', mungkin kerana merendah diri. Akan tetapi, ia menjadi lebih malang sekiranya mereka tidak mahu dikaitkan dengan imej wara' disebabkan mengambil sikap itu kerana mengelak daripada menjadi seorang yang baik.

Sifat wara' kini dianggap sebagai suatu pegangan yang ekstrem dalam agama sehingga ada yang mengelak daripada dikaitkan dengan sifat ini. Apabila orang Islam tidak mahu dikaitkan dengan imej wara' dan secara tidak langsung tidak mahu kepada taqwa, ini merupakan kejayaan besar kepada musuh Islam dalam menyederhanakan pegangan orang Islam. Musuh Islam berjaya menghilangkan sikap "bersungguh-sungguh" dalam diri daripada menjadi seorang Muslim yang baik. Maka, seruan pada khatib setiap kali khutbah Jumaat ternyata sia-sia kerana orang Islam tidak lagi mahu menjadi orang yang wara' dan bertaqwa.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Sebaliknya, orang Islam mahu menjadi orang yang “biasa-biasa” sahaja. Adakah dalam Islam wujud istilah “biasa-biasa”? Adakah ia membawa maksud pada mengerjakan solat pada waktu subuh, kemudian belajar/ bekerja pada waktu pagi, kemudian berjoget berpegang tangan lelaki dan perempuan pada waktu petang, kemudian solat pada waktu maghrib, kemudian pergi dinner dan berjoget di malam hari. Adakah cara ini diterima dalam Islam? Adakah ini sederhana? Kalau inilah maksud “biasa-biasa”, maka punah ranahlah agama. Akhirnya Barat dan musuh Islam bertepuk tangan atas kejayaan mereka menyederhanakan pegangan orang Islam. “Biasa-biasa” yang maksudnya “ala kadar” sahaja menyalahi saranan agama kerana seolah-olah menafikan tuntutan amalan sunat, termasuklah sunat yang sangat dituntut.

Rasulullah bersabda:

بِأَنَّمَا هُرَيْرَةً كُنْ وَرِعًا، تَكُنْ أَعْبَدَ النَّاسِ، وَكُنْ فَنِيعًا، تَكُنْ أَشْكَرَ النَّاسِ

Maksudnya: Jadilah kamu wara’ nescaya kamu akan menjadi orang yang paling bertaqwa. Jadilah orang yang berpada nescaya kamu akan menjadi orang paling bersyukur. (al-Termizi dan Ahmad)

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Terdapat segelintir Umat Islam yang amat takut untuk dikaitkan dengan imej bersungguh dalam mengerjakan perintah agama. Mereka menganggap itu adalah perbuatan ekstrem yang perlu dihindarkan. Sebenarnya, itu adalah propaganda Barat untuk menjauhkan umat Islam daripada bersungguh melaksanakan perintah agama. Media barat menakut-nakutkan umat Islam dengan ekstremisme kononnya ia membawa kepada tidak bertolak ansur, keganasan dan peperangan. Akhirnya mereka suka dengan imej Muslim yang “biasa-biasa”.

Penolakan untuk kelihatan atau dikenali sebagai 'wara' boleh membantu membenarkan mesej 'moderat' yang dibawa untuk mencairkan pendirian umat Islam. Moderat atau sederhana akhirnya dianggap sebagai contoh matlamat unggul bagi orang Islam, seolah-olah ia berada di tengah antara tidak berpegang/tidak taat beragama dengan wara', berpegang teguh pada agama, dan berimej agama dengan jelas. Seorang Muslim perlu untuk menjadi seorang yang soleh, wara' dan bertaqwah kepada Allah, biarpun dituduh ekstrem sekali pun.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Tiga sifat ini jelas disebutkan dalam al-Quran dan hadis. Allah berfirman:


يَأَيُّهَا الْلَّذِينَ إِمَّا مُتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلَةٍ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَنَذَرْ مُسَلِّمُونَ

Maksudnya: Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam. (Ali Imran: 102)

Dakwaan Barat yang mengaitkan Islam dengan ekstrem merupakan propaganda untuk memadamkan semangat jihad. Mereka menawarkan Islam sederhana yang nampak indah pada istilah, tetapi ia sarat dengan usaha jahat bagi menghilangkan rasa bersungguh dalam melaksanakan perintah agama. Mereka cuba menghilangkan sifat wara' dan mencabut idea mati syahid daripada minda orang Islam dengan mengaitkan semua itu dengan ekstremis agama yang perlu dijauhi. Itulah Islam sederhana.

Sedangkan syahid adalah mati yang disaksikan oleh Allah kesungguhannya sehingga dia sanggup berkorban untuk agama. Pengorbanannya itu hingga tahap mempertaruhkan nyawanya. Manakala wara' pula ialah jalan untuk mencapai taqwa. Apabila wara' dan mati syahid dicabut daripada minda orang Islam, hilang terus keizzahan Islam.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT



Tiada istilah “Islam sederhana” kerana Islam tidak perlu disederhanakan. Ia adalah istilah barat untuk menyederhanakan umat Islam.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 48

Adakah Sosialisme Sesuai Dengan Islam?

KERAGUAN: Perjuangan golongan sosialisme selari dengan Islam kerana sosialisme memperjuangkan hak orang miskin, membantu orang yang dizalimi dan mendukung idea sama rata. Sosialisme bukan doktrin akidah tetapi ia adalah usaha untuk menyelamatkan mereka yang tertindas.

Penjelasan

Sosialisme merupakan pemikiran yang mendukung idea sama rata dan memerangi monopoli sesuatu bangsa atau kelompok. Sosialis berpendapat bahawa amalan kapitalisme di sesebuah negara hanya akan mewujudkan pengagihan kekayaan yang tidak seimbang, sekaligus melebarkan jurang kemiskinan di antara golongan elit dengan golongan marhaen. Oleh itu, sosialisme menuntut pemilikan harta secara bersama, dan menekankan tanggungjawab pemerintah menyediakan keperluan asas kepada rakyat.

Ramai yang terpesona dengan sosialisme kerana sosialis diangkat sebagai “hero” yang peduli masyarakat dan progresif bagi mewujudkan kesejahteraan kepada semua pihak.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

Sosialisme muncul sebagai reaksi terhadap pengalaman buruk yang dialami masyarakat yang berada di bawah sistem kapitalisme. Kapitalisme mengutamakan golongan elit dan mengabaikan kaum buruh dan orang miskin. Kebangkitan sosialisme diangkat oleh sesetengah pihak sebagai perjuangan keadilan sosial yang sesuai dengan Islam.

Pendukung sosialisme mendakwa bahawa perjuangan sosialisme terdapat dalam al-Quran dan Hadis, manakala Rasulullah sendiri pun menggalakkan kegiatan ekonomi dan menghapuskan kemiskinan dan kezaliman. Mereka berhujah, terdapat banyak sekali ayat dan hadis memberikan saranan membantu orang susah, menentang kezaliman dan penindasan. Bagi mereka, Islam selari dengan sosialisme.

Selain itu, aliran sosialisme yang berkembang hingga dikenali neo-Marxisme juga memberi sepenuh tumpuan pada persamaan, hingga menjadi asas pemikiran golongan kiri yang menolak segala agama yang dianggap alat golongan berkuasa termasuk lelaki dan ulama. Mereka menerima LGBT dan segala keceluaran yang ditunjangi kesamarataan dan hak asasi manusia

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Pada hakikatnya, Islam dan sosialisme tidak boleh disamakan walaupun ada persamaan dalam beberapa perkara dengan Islam. Persamaan yang ada itu tidak bermakna kesesuaian antara keduanya. Sebagai analogi, kalau beruk berjalan dan manusia berjalan, itu tidak bermakna manusia adalah beruk. Begitu juga, kalau beruk makan ais krim dan manusia pun makan aiskrim, itu tidak bermakna beruk dan manusia itu serupa. Perbezaan mendasar antara keduanya ialah daripada sudut matlamat hidup. Matlamat seorang Muslim ialah beriman kepada Allah dan mencari keredaanNya. Ia mempunyai misi hidup selepas kematian dan mempunyai perkiraan dosa dan pahala. Sebaliknya, bagi fahaman sosialisme matlamat kehidupan mereka ialah untuk mendapatkan kesenangan dan kebahagiaan hidup di dunia ini sahaja. Mereka tidak mempunyai misi kehidupan selepas mati seperti Islam.

Adakah pendukung sosialisme cakna tentang dosa pahala, halal haram, syurga neraka? TIDAK, kerana matlamat hidup mereka bukan akhirat. Tiada dalam kamus perjuangan mereka untuk mencari hidayah dan pahala untuk dibawa hidup selepas kematian kerana tumpuan mereka adalah untuk kesejahteraan hidup di dunia sahaja. Cuba sebutkan tokoh pejuang sosialisme yang memperjuangkan matlamat hidup Islam dan mengajak beriman kepada Allah?

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Selain itu, mereka memperjuangkan keadilan, tetapi konsep keadilan yang mereka rujuk ialah kepada akal sahaja yang sering didefinisikan dengan sama rata. Keadilan apabila mengikut undang- undang Islam seperti hukum zakat yang mewajibkan harta diambil mengikut ketentuan yang tertentu. Ia meraikan pemilik harta dan juga rakyat secara amnya.


Oleh sebab itu, tiada sosialis Islam atau komunis Islam, atau Islam sosialis atau Islam komunis. Islam itu adalah Islam. Orang Islam perlu memperjuangkan Islam yang termasuk di dalamnya agenda keadilan, kesaksamaan dan keharmonian. Sekiranya ada kelemahan di dalam perjuangan Islam, bukan salah Islam, tetapi orang Islam yang tidak melaksanakan tugas tersebut. Allah berfirman:

وَاللَّهُ فَضَّلَ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ فِي الرِّزْقِ فَمَا الظَّبَابُ فُضِّلُوا بِرَأْدِي رِزْقَهُمْ عَلَىٰ
مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَهُمْ فِيهِ سَوَاءٌ أَفَيْنَعَمَ اللَّهُ يَعْلَمُ حَدُودَ

Maksudnya: Dan Allah telah melebihkan sebahagian kamu atas sebahagian yang lain pada mengurniakan rezeki. Salam pada itu, orang yang diberi kelebihan itu tidak mahu memberikan sebahagian daripada kelebihan hartanya, supaya orang (fakir dan miskin) itu dapat sama mempunyai harta. Maka mengapa mereka tergamar mengingkari nikmat Allah itu?

(al-Nahl: 71)

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT



**Islam itu adil,
Keadilan Islam dengan mengikuti segala hukum Islam**

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN
MODEN BARAT

SOAL JAWAB 49

Bagaimana Pendidikan Seks Diajar dalam Tradisi Pengajian Islam?

KERAGUAN: Bagi mengatasi masalah sosial seperti anak luar nikah, pendidikan seks perlu diperkenalkan sebagai suatu subjek khusus untuk memahamkan pelajar dengan aspek seksual yang betul. Mereka juga dapat cara seks yang betul dan selamat.

Penjelasan

Seks merupakan aspek yang berkaitan dengan biologi manusia dan melakukan hubungan seksual adalah fitrah manusia. Memahami fungsi anggota seks manusia amat penting dalam Islam kerana ia berkait dengan emosi manusia. Begitu juga dengan bimbingan fitrah manusia dalam melakukan hubungan seks juga adalah suatu keperluan supaya fitrah ini dapat disalurkan dengan cara yang betul dan juga dapat mengelakkan manusia tewas daripada runtunan nafsu. Ini bererti pendidikan seks sangat penting dan merupakan suatu keperluan.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Dalam tradisi pengajian ilmu Islam, silibus pendidikan seks diterapkan dalam pembelajaran fiqh terutamanya dalam fiqh bersuci dan fiqh perkahwinan. Islam ada membimbang cara untuk menguruskan kebersihan anggota berkenaan kerana ia sangat sensitif kepada manusia. Pendekatan pendidikan yang digunakan ialah tidak menjadikan anggota seks sebagai subjek utama kerana pengetahuan tentang hubungan seks merupakan perkara tabii yang dianugerahkan oleh Allah kepada semua haiwan, termasuk manusia. Islam mengajar dan membimbang supaya fitrah ini perlu dibentuk agar segala naluri itu disalurkan secara betul dan pada tempat yang betul. Dengan ini, pendekatan pendidikan seks diterapkan secara tidak langsung dalam pengajian hukum bersuci, solat, dan sebagainya.

Pendekatan pendidikan seks dalam Islam dilakukan menerusi penekanan terhadap aspek akhlak kerana seks bukanlah sesuatu yang perlu disensasikan. Sebaliknya, naluri manusia yang berkaitan dengan seks ini perlu dibimbang dan dibentuk menerusi pembelajaran hukum hakam dan akhlak Islam bagi membentuk pengetahuan seks yang betul. Contoh pendidikan seks yang meletakkan malu sebagai elemen penting dapat dilihat dalam hadis berikut.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ امْرَأَةً مِنَ الْأَنْصَارِ قَالَتْ لِلَّهِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : كَيْفَ أَغْسِلُ مِنَ الْمَحِيطِ ؟ قَالَ : « حُذِي فِرْصَةً مُمْسَكَةً، فَتَوَصَّى ثَلَاثًا » شُمَّ إِنَّ التَّهِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَحْيَا، فَأَعْرَضَ يَوْجُهَهُ، أَوْ قَالَ : « تَوَصَّى بِهَا » فَأَخَذَتْهَا فَجَدَبَتْهَا، فَأَخْبَرَتْهَا بِمَا يُرِيدُ النَّهِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: Daripada Aishah, seorang perempuan daripada kaum Ansar bertanya kepada Rasulullah "Bagaimana bersuci daripada haid?". Rasulullah bersabda "Ambillah kapas yang diletakkan bauan kasturi, dan bersucilah dengannya". Kemudian Rasulullah berasa malu dan memalingkan mukanya. Aishah berkata "Aku menarik perempuan itu dan menjelaskan kepadanya apakah yang dimaksudkan oleh Rasulullah itu".

(Muttafaq Alayh)

Sekiranya pendidikan seks yang ingin diperkenalkan dengan tujuan untuk mengatasi masalah mengandung tanpa nikah atau pembuangan bayi yang berleluasa sejak sedekad dulu, ia dibimbangi tidak dapat menyelesaikan masalah. Dalam Islam, hubungan seks luarnikah itu yang menjadi perhatian utama bukan seks tanpa mengandung. Sekiranya, pendidikan seks itu untuk keperluan pengajaran sains di sekolah, ia tidak perlu dijadikan sebagai satu subjek khusus terutamanya untuk sekolah rendah. Selitkan sebagai satu unit kecil di dalam pendidikan sains agar ia tidak dijadikan bahan yang perlu dihighlightkan dan disensasikan.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Yang paling penting dari itu ialah, mengaitkan kejadian anggota seks itu dengan kebesaran Allah yang menjadikan manusia di samping menekankan aspek akhlak.

Dengan ini, cara untuk mengatasi permasalahan seperti anak luar nikah dan seks selamat (tanpa mengandung) bukan dengan cara mengajar subjek khusus tentang pendidikan seks. Sebaliknya, ia mestilah dengan cara mengaitkan seks dengan tanggungjawab terhadap diri dan dengan Allah menerusi ibadat. Sekiranya matlamat pendidikan seks memberi pengetahuan tentang hubungan seks semata-mata, ia akan membawa masalah. Luruskan kefahaman pelajar tentang fungsi manusia sebagai khalifah dan tanggungjawab ibadat kepada Allah. Kukuhkan dalam pengajaran berkenaan dengan aspek malu kerana ia merupakan akhlak penting dalam perkara yang berkaitan dengan seks. Untuk di sekolah pula, pelbagaiakan pendekatan dalam pendidikan Islam dan banyakkan masa pengajarannya, selain daripada mengambil langkah yang serius dalam menangani budaya zina yang berleluasa pada masa kini.



Akhlik Islam dibentuk dengan rasa jujur dan malu

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEN BARAT

SOAL JAWAB 50

Adakah Salah Wanita Memilih Pelacuran Sekiranya Darurat?

KERAGUAN: Ada wanita terpaksa memilih pelacuran kerana itulah jalan paling mudah untuk meneruskan kehidupan dalam negara yang sering bergelumang dengan konflik politik dan ekonomi.

Penjelasan

Pelacuran bukanlah satu fenomena baru yang berlaku dalam sejarah kehidupan manusia malah hampir keseluruhan negara di dunia ini terlibat dengan gejala tersebut. Penyakit sosial ini wujud dalam pelbagai bentuk sama ada secara komersial ataupun secara sukarela. Walau apa pun alasan yang dikemukakan kegiatan ini tetap merupakan kesalahan daripada segi agama, adat, budaya malah menyalahi undang-undang di negara kita. Pelacuran termasuk dalam perbuatan zina di mana ia merupakan perbuatan yang haram dilakukan oleh orang Islam. Ini termasuklah apa-apa aktiviti yang mendorong kepada zina seperti berdua-duaan yang mencurigakan,kata-kata yang melunakkan dan sebagainya. Allah berfirman:

وَمَنْ كَانَ فِي هَذِهِ أَعْمَى فَهُوَ فِي الْآخِرَةِ أَعْمَى وَأَضَلُّ سَبِيلًا

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Maksudnya: Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).
(al-Isra': 32)

Oleh kerana pelacuran adalah suatu perbuatan yang haram, maka upahnya juga adalah haram. Sesuatu yang haram tidak dapat membawa kebaikan dalam kehidupan. Bahkan setiap daging yang tumbuh hasil daripada sumber yang haram hanya akan membawa kepada kerosakan dan neraka sebagaimana sabda Rasulullah SAW. Maka, upah pelacuran tidak boleh digunakan untuk apa sahaja keperluan seperti nafkah keluarga, membantu orang atau belanja diri sendiri.

Namun, ada dakwaan yang mengatakan bahawa penglibatan dalam pelacuran diharuskan sekiranya terpaksa?. Apakah maksud terpaksa atau darurat di sini? Memang benar dalam Islam ada kaedah yang menyebutkan “kalau sudah terpaksa, perkara haram diharuskan”. Cuma adakah benar rakyat Malaysia sudah sangat terdesak sehingga terpaksa berzina untuk mendapat wang. Atau memang benar ada yang terdesak sehingga ke tahap zina, sedangkan banyak institusi yang boleh dan sedia membantu?


Adakah ukuran terpaksa itu kerana tafsiran terpaksa itu sangat luas. Ia boleh memberikan ruang kepada mereka yang mempunyai masalah hati untuk memberi alasan yang membolehkan penglibatan dalam pelacuran.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Wanita tidak boleh mencari jalan mudah untuk mencari harta walaupun untuk tujuan menyara hidup atau keluarga. Banyak lagi cara lain yang boleh digunakan untuk mencari rezeki. Orang asing berbondong-bondong datang ke negara ini untuk mencari rezeki yang halal, kita pula mencari pelacuran sebagai cara untuk memperoleh rezeki biarpun atas nama terpaksa.

Tidak sepatutnya timbul istilah darurat yang mengharuskan penglibatan dalam pelacuran di Malaysia. Sekiranya wanita memilih pelacuran kerana itu jalan paling mudah untuk meneruskan kehidupan, maka tiada bezanya mereka dengan lelaki yang telah merosakkan negara dengan rasuah dan salah guna kuasa.

Apabila Islam memberikan kebebasan kepada penganutnya, Islam juga membataskan kebebasan dalam beberapa perkara berhubung syariat dan hukum, sama ada kepada lelaki ataupun wanita. Ini termasuk dalam pencarian harta dan nafkah. Dalam kes larangan penjanaan pendapatan menerusi pelacuran, ia bukan bererti wanita kehilangan hak sama sekali. Apa yang ditekankan dalam ajaran Islam adalah daripada sudut mencari formula yang sesuai ke arah membentuk generasi umat yang cemerlang dan diredayai oleh Allah SWT.



Wanita ibarat tiang negara,

Baik wanita, baiklah negara. Rosak wanita, rosaklah negara.

50 SOAL JAWAB MENJAWAB KEKELIRUAN PEMIKIRAN MODEEN BARAT

Biodata Penulis

Dr. Muhamad Faisal Ashaari - merupakan Pengurus dan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Beliau telah berkhidmat di UKM sejak 2005 dan bidang pengkhususan beliau ialah komunikasi dakwah media baharu dan pemikiran Islam.

Dr. Abu Dardaa Mohamad - merupakan Timbalan Pengarah Pusat Islam UKM dan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Beliau telah berkhidmat di UKM sejak 2012 dan bidang pengkhususan beliau ialah tazkiyat al-nafs dan psikolologi Islam.